

DN.13.12.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Khamis, 13 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa;

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Dato' Dr. T. Marimuthu tidak hadir]

2. **Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bagaimanakah prosedur yang dibuat oleh kementerian untuk menilai seorang fakir miskin yang memohon untuk mendapat bantuan daripada kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, pemberian bantuan kepada orang-orang miskin merupakan sebahagian daripada perkhidmatan utama Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Penilaian permohonan dan pemberian bantuan dibuat oleh pegawai kebajikan masyarakat daerah di semua negeri. Permohonan untuk mendapatkan bantuan ini boleh dibuat oleh pemohon sendiri, terdapat juga mereka yang miskin dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat oleh ketua kampung, penghulu, Ahli-ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri, media massa atau lain-lain agensi.

Sebelum bantuan dapat dipertimbangkan, siasatan melalui lawatan ke rumah pemohon dan temu duga dengan pemohon dan keluarga pemohon akan diadakan. Pertimbangan terhadap kelayakan dan jenis bantuan yang layak diterima oleh seseorang pemohon dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu di antaranya melalui:-

- (i) pendapatan keluarga hendaklah tidak melebihi RM400 sebulan;
- (ii) jika pemohon adalah seorang warga tua yang berumur 60 tahun ke atas. Bantuan akan diberi jika pemohon tiada saudara mara atau mempunyai saudara yang tidak berkemampuan atau tiada mata pencarian tertentu bagi menyara kehidupannya;
- (iii) kanak-kanak yatim atau yatim piatu, kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa atau penjaga yang tidak berkemampuan, orang kurang upaya atau berpenyakit. Kanak-kanak yang terpaksa ditinggalkan oleh ibu bapa kerana menjalani rawatan perubatan mereka, mereka yang putus mata pencarian dan tanggungan banduan;

- (iv) Orang kurang upaya yang bekerja dan pendapatannya di antara RM200 hingga RM400 sebulan seorang atau RM500 sebulan bagi yang telah berkeluarga.

Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, berapakah jumlah penerima bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat ini di seluruh negara kita.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, bantuan ada dua jenis bantuan.

Yang pertama, bantuan Persekutuan dan satu lagi yang diberi oleh negeri-negeri. Jadi, semua perberian jumlah orang yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Persekutuan dan juga negeri-negeri adalah sebanyak 109,781 orang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, daripada jumlah permohonan itu, bolehkah kita diberitahu berapa peratusan ditolak dan kalau mereka itu ditolak kerana tidak layak, apakah sebab-sebabnya. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pasti tidak dapat memberitahu sekarang berapa banyak ditolak, tetapi setiap satu kes akan dikendalikan, akan dipantau dan pegawai akan memberitahu mengapa ianya ditolak. Biasanya sesuatu permohonan ditolak kerana pendapatan keluarga adalah mencukupi untuk membantu jika warga tua ataupun anak-anak mereka, kalau mereka boleh membuktikan bahawa pendapatan tidak mencukupi untuk menguruskan keluarga, baru bantuan dikeluarkan.

Saya ingin memberitahu tentang satu kes di mana mereka, warga tua memohon bantuan. Pegawai-pegawai pergi ke tempat itu, bila sampai ke rumah itu ada anak-anak warga tua itu bertanya: "Mengapa awal datang ke sini?" Bila dia kata, dia hendak bantu warga tua ini, anak-anak memberitahu, kita ada di sini mengapa kamu semua hendak membantu saya punya bapa dan terus menghalau pegawai itu keluar. Ada juga kejadian yang seperti itu berlaku.

Tetapi ada juga anak-anak yang tidak bertanggungjawab, mereka tidak menjaga ibu bapa, tetapi bila ada orang yang hendak membantu pun, mereka tidak menerimanya. Jadi ini adalah beberapa kejadian yang berlaku bukan sahaja di tempat yang disebutkan tadi, juga tetapi di banyak tempat, yang mustahak sekali jika

mereka perlu bantuan, kita akan memberi bantuan dan pegawai-pegawai akan menyasat dan akan mengambil keputusan untuk memberi bantuan.

Jika ada anak-anak yang bekerja dan pendapatan cukup, kita tidak dapat membantu keluarga itu kerana pendapatan itu mencukupi untuk menguruskan keluarga. Tetapi kalau ada anak-anak yang tidak mengambil kira dengan ibu bapa dan ibu bapa memohon semula, merayu, kerana anak-anak tidak membantu, kita boleh mengkaji perkara itu semula untuk memberi bantuan kepada orang yang dianiayai itu. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini bagaimanakah pencapaian negara dalam industri penyediaan makanan halal di peringkat antarabangsa dan apakah jenis insentif dan bantuan yang boleh diperolehi daripada kerajaan dalam bidang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada perangkaan menyeluruh diperolehi mengenai prestasi perdagangan makanan halal Malaysia di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, bagi tempoh Januari hingga September 2001, Malaysia mengeksport sejumlah RM2,843 juta produk makanan ke luar negara. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM1,532 juta atau 53.9% dieksport ke negara-negara di ASEAN dan Timur Tengah yang merupakan kawasan yang paling ramai penduduk Islam dan pengguna terbesar produk makanan halal di dunia. Destinasi eksport utama negara ialah Singapura, Indonesia, Brunei, Emiriah Arab Bersatu, dan Saudi Arabia.

Secara keseluruhannya, pencapaian ini adalah masih perlu diperbaiki dan usaha perlu dipergiatkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran produk-produk makanan halal bagi memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat Islam antarabangsa dalam bidang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menyediakan beberapa insentif untuk sektor pertanian, industri berasaskan pertanian dan perkilangan produk makanan yang juga meliputi industri makanan halal seperti berikut:-

- (i) Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 syarikat yang melibatkan dalam pengeluaran produk makanan halal akan

diberi pelepasan cukai 100% bagi tempoh sepuluh tahun dan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1996 insentif yang diberi ialah galakan tarif perintis selama lima tahun, elaun cukai pelaburan selama lima tahun, elaun pelaburan semula selama 15 tahun. Dalam meningkatkan daya saing antarabangsa enterprise kecil dan sederhana, kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) menyediakan skim-skim bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh IKS yang terlibat dalam industri makanan halal. Skim yang diberi ialah Skim Peningkatan Pembangunan Produk (ITAF2), grant bersamaan sebanyak 50% diberi untuk membantu IKS mempertingkatkan kemahiran dan kemampuan teknologi menerusi pembangunan reka bentuk produk dan proses. Geran maksimum berjumlah RM500,000 bagi satu syarikat disediakan.

- (ii) Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (ITAF3) membantu IKS meningkatkan kualiti dan produktiviti serta mendapatkan piawaian antarabangsa dan persijilan seperti ISO, HACCP, persijilan halal dan lain-lain. Grant bersamaan maksimum berjumlah RM250,000 satu syarikat disediakan.
- (iii) Skim Pembangunan Pasaran (ITAF4) membantu IKS menyertai pameran antarabangsa, misi perdagangan dan mencetak bahan promosi grant sebanyak 60,000 bagi setiap syarikat disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya terdapat potensi besar dalam perdagangan produk makanan halal di peringkat antarabangsa, kajian menyeluruh mengenai potensi pasaran halal di dalam dan di luar negara sedang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi meningkatkan penyertaan Malaysia dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan kerana begitu banyak sekali insentif dan galakan diberi untuk mempromosikan makanan halal ini.

Oleh kerana bidang makanan ini terlalu amat mustahak, saya ingin mengetahui daripada kerajaan adakah diwujudkan satu kerjasama yang rapat

dengan Kementerian Pertanian dalam usaha untuk mempelopori lagi penyediaan makanan, sebab makanan di peringkat industri bermula pada makanan yang berasal daripada pertanian sendiri. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang membuat satu kajian menyeluruh mengenai potensi pasaran makanan halal. Usaha ini akan diterajui oleh Kementerian Pertanian bersama dengan input dan bekerjasama daripada kementerian saya dan juga lain-lain agensi kerajaan bersama-sama mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang potensi pasaran ini dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi pengeluaran barangan makanan halal dan juga insentif dan bantuan-bantuan yang perlu diberi untuk meningkatkan lagi penceburan syarikat-syarikat Malaysia dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kerajaan mengenal pasti setakat ini, apakah jenis makanan halal yang mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran antarabangsa, setakat ini.

Datuk Fu Ah Kiaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Angka yang saya ada ialah bagi potensi makanan halal berasaskan daging, biasanya subsektor itu adalah terbesar, daging dan ternakan di pasaran ASEAN saja potensinya ialah RM17.5 bilion setahun dan untuk pasaran Timur Tengah ialah RM19 bilion dan Kesatuan Eropah ialah RM0.025 bilion. Ini ialah pasaran makanan halal berasaskan daging dan ternakan. Untuk pasaran makanan halal ke seluruh dunia ialah dijangka pasaran sebanyak US D80 bilion setahun. Ini adalah pasaran sedunia dan bilangan penduduk Islam yang mungkin menggunakan makanan halal ialah sebanyak 1.0 bilion.

Sekian, terima kasih.

4. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Pendidikan menyatakan, hasil siasatan atas kebakaran Dewan Tuanku Canselor di Universiti Malaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab, boleh saya buat satu kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua: silakan

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua begitu baik hati, saya ingin mengambil kesempatan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-

Ahli Yang Berhormat sekalian Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin dan juga *Merry Christmas* pada mereka yang akan menyambut *Christmas* 25 Disember ini.

Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan Yang Berhormat, setakat ini maklumat mengenai kebakaran Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya belum lagi diperolehi. Dengan yang demikian pihak kita tidak dapat memberi sebarang maklumat atau huraian mengenai dengannya. Pihak kita juga sangat-sangat ingin tahu bagaimana ia berlaku dan siapakah yang melakukannya. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kita fahamlah kerana yang berlaku kita tak boleh bagi tahu. Tapi bolehkah Yang Berhormat pihak kerajaan memberitahu, apakah perancangan kerajaan dari segi nak membina yang baru. Kita dengar banyak organisasi telah melancarkan banyak tabung. Jadi kalau boleh dapat laporan terkini dari Yang Berhormat mengenai hal ini, amat saya berterima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat dan juga saya tahu Yang Berhormat juga begitu prihatin mengenai dengan sebuah dewan dan juga baik pulih dewan yang sudah sedia ada. Jadi bermacam-macam cadangan telah pun dikemukakan kepada pihak universiti dan buat masa ini belum lagi dapat ditentukan apakah cadangan sebenarnya. Walau bagaimanapun, saya juga difahamkan bahawa kutipan itu amatlah menggalakkan daripada masyarakat umum dan juga bekas-bekas mahasiswa Universiti Malaya.

Saya di sini mengambil kesempatan juga setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada pihak Universiti Malaya bagi membaik pulih Dewan Tuan Canselor yang membawa segala macam kenangan kepada pihak kita semua. Jadi di sini juga saya belum dapat dipastikan, apakah rancangan sebenarnya pada masa hadapan kerana ia soalan yang spesifik, saya akan bagi soalan itu sekiranya Yang Berhormat perlu ingin tahu. Walau bagaimanapun, Dewan itu tetap akan dibaik pulih dan untuk mendapatkan seperti yang sedia ada, itu saya tidak dapat beri jaminan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya kira tetap beri sokongan kepada apa rancangan yang hendak kita lakukan. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya difahamkan bagaimana litar elektrik Dewan Tuanku Canselor telah berusia lebih daripada 37 tahun. Adakah ini benar dan adakah kementerian membuat pemantauan terhadap sekolah-sekolah yang mempunyai litar elektrik yang berusia lama dan apa komen kementerian berkenaan kenyataan

bomba yang mengatakan itu kebakaran itu berpunca dari litar pintas elektrik. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat Di sini ada dua soalan; satu, adakah ia berpunca....

Timbalan Yang di-Pertua: Litar elektrik.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya, pintas...

Timbalan Yang di-Pertua: Litar pintas, *short circuit*...

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya, *short circuit*. Litar pintas ataupun disebabkan pendawaian, sebab saya selalu guna perkataan pendawaian yang lama ini, keduanya tentang pendawaian di sekolah-sekolah kita.

Untuk menjawab soalan yang pertama itu, saya di sini ada macam-macam yang dikatakan mengenai dengan pendawaian di universiti yang lama dan yang baru dan sebagainya tetapi kita tidak dapat memastikan apakah itu puncanya. Sebab itu saya katakan tadi, kita belum dapat laporan yang muktamad, apakah penyebabnya. Kalau nak kata wayar, di bahagian-bahagian lain pun pihak universiti telah mengambil tindakan untuk mengadakan pendawaian yang baru bagi setengah-tengah bangunan lama. Kita faham di Universiti Malaya bangunannya jika dibandingkan dengan bangunan-bangunan universiti lain, amatlah lama.

Mengenai dengan pendawaian di sekolah-sekolah kita ini, kita telah mengambil langkah setiap masa dan kita senantiasa memberitahu kepada pihak guru-guru besar dan juga pengetua-pengetua supaya perkara ini senantiasa diberitahu kepada kita iaitu melalui PPD dan juga JPN dan JPN kepada pihak kementerian dan kita akan lakukan, segala apa yang perlu dilakukan. Terima kasih.

[Soalan No. 5- Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim tidak hadir]

6. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan, beberapa langkah utama kementerian dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dan nyatakan tahap rizab kewangan negara dengan membandingkan dengan lain-lain negara ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencergaskan serta merangsang pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah mengambil beberapa langkah fiskal dan bukan fiskal. Langkah-langkah tersebut telah pun diumumkan semasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2002 dalam Dewan yang mulia ini

pada 6 Disember 2001. Antara langkah utama untuk menjaga pertumbuhan ekonomi ialah:

- (i) Melaksanakan strategi *domestic led growth* dengan izin. Strategi ini adalah untuk menjaga pertumbuhan ekonomi dengan mempergiatkan aktiviti dalam negeri memandangkan bahawa negara tidak boleh terlalu bergantung kepada ekonomi luaran yang tidak menentu dan semakin sukar.

Untuk ini kerajaan sedang melaksanakan Pakej Rangsangan Fiskal dalam tahun 2001 yang berjumlah RM7.3 bilion yang merangkumi pembangunan infrastruktur pendidikan dan penyediaan program latihan serta projek-projek pembangunan luar bandar. Projek-projek tersebut akan memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan masyarakat luar bandar, pengusaha-pengusaha kecil dan peniaga-peniaga serta kumpulan pekerja yang diberhentikan dan graduan baru yang menganggur.

- (ii) Meneruskan strategi rangsangan fiskal dalam Belanjawan 2002 dengan menumpukan kepada usaha-usaha memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi negara, mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan memastikan supaya agihan kekayaan adalah saksama.

Untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang, pihak kerajaan termasuk Majlis Tindakan Ekonomi Negara - MTEN sedang dan akan terus memantau dengan rapi perkembangan semasa dan akan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan perkembangan ekonomi dunia semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung rizab antarabangsa negara setakat 30 November 2001, rizab antarabangsa negara berjumlah RM116.5 bilion ataupun bersamaan dengan USD30.7 bilion. Jumlah tersebut sudah pun melebihi paras pencapaian akhir tahun 2000 berjumlah RM113.6 bilion atau USD29.9 bilion.

Kedudukan rizab tersebut mencukupi untuk membiayai lima bulan import tertanggung dan merupakan enam kali hutang jangka pendek negara. Berbanding dengan negara-negara ASEAN yang utama, jumlah rizab Malaysia adalah ketiga tertinggi. Nisbah rizab kepada keluaran dalam negara kasar Malaysia adalah kedua

tertinggi manakala nisbah rizab Malaysia kepada hutang negara jangka pendek adalah yang terbaik.

Nisbah rizab pada hutang luar negara jangka pendek yang tinggi ini menunjukkan Malaysia mempunyai kedudukan yang kukuh untuk menghadapi sebarang kejutan daripada luar. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kementerian dan juga kewibawaan kementerian dan Kerajaan Malaysia yang telah dapat mempertahankan serta merancang kedudukan ekonomi kita dalam suasana dunia yang tidak menentu ini dan sebagai rakyat, seluruh negara harus yakin dan bersyukur tetapi ada yang dinyatakan ura-ura yang dinyatakan setakat ini iaitu daripada RM7.3 laksa yang telah lulus kementerian dalam program rangsangan, cuma setakat ini, setakat awal disember, yang sepatutnya habis dibelanjakan sehingga 31 Disember, setakat ini tidak nampak program pelaksanaan secara bersungguh-sungguh di peringkat pelaksanaan kerana nampaknya transaksi daripada RM7.3 laksa hanya dibelanjakan RM1.0 lebih sahaja.

Jadi berkemungkinan perkara ini tidak dapat menyelesaikan sebahagian daripada rangsangan di peringkat domestik di dalam negara kita kerana di peringkat pelaksanaan masih lagi berada di tahap tidak sampai pun 10%, lebih kurang 10%. Jadi apakah sebenarnya halangan-halangan supaya RM7.3 laksa ini dapat dibelanjakan sepenuhnya sehingga akhir Disember ini. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli. Seperti yang saya sebut tadi bahawa dua pakej rangsangan yang dikemukakan oleh kerajaan untuk merangsang ekonomi negara berjumlah keseluruhannya RM7.3 bilion dan seperti yang dirundingkan ataupun *concern* Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bahawa wang sebanyak RM7.3 bilion tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya hingga akhir tahun ini.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, sehingga sekarang ini kita telah pun berjaya membelanjakan sejumlah RM7.3 bilion itu iaitu lebih dari RM3 bilion telah dapat dibelanjakan dan kita harap dengan pemantauan yang teliti, rapi dan semua agensi kerajaan termasuk daripada Kementerian Kewangan, malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memantau perkara ini supaya keseluruhan RM7.3 bilion itu dapat kita belanjakan sehingga akhir tahun ini.

Saya dimaklumkan juga Yang Amat Berhormat sekarang ini mendapatkan laporan daripada kementerian-kementerian yang tentang prestasi perbelanjaan

kementerian masing-masing. Jadi seluruh agensi kerajaan digerakkan ke arah menjayakan program rangsangan ini supaya dengan itu kita dapat menyelamatkan negara kita dari *recession*, daripada kemelesetan.

Kita masih optimis bahawa walaupun KDNK kita bagi suku ketiga ini merosot 1.3% tetapi dengan adanya *active spending* dengan izin, perbelanjaan yang aktif di suku keempat ini, dengan Hari Raya, Krismas, Tahun Baru dan dengan rangsangan daripada kerajaan sendiri, pemantauan yang rapi daripada kerajaan sendiri maka kita optimis. Mudah-mudahan, insya-Allah semua RM7.3 bilion dapat kita belanjakan akhir tahun ini dan jikalau kita tidak dapat belanjakan keseluruhannya insya-Allah, daripada yang ada sekarang ini RM3 bilion lebih telah dapat kita belanjakan, insya-Allah hingga hujung tahun ini mungkin itu akan diperbaiki lagi dan prestasi dapat kita memperbaiki lagi.

Kerana itu saya rasa kita akan dapat mencapai matlamat walau pun tidak 100%, insya-Allah 90% lebih mungkin dapat kita capai dengan adanya usaha-usaha yang gigih daripada kerajaan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan Yang Berhormat menjawab soalan tadi begitu meyakinkan, menyatakan bahawa kita *confident* (berkeyakinan) untuk belanja banyak. Saya agak berbeza pendapat sedikit di sini kerana kalau kita lihat daripada bulan Mac sampai sekarang, kita belanja lebih bawah, tiga setengah bilion sedangkan Mac dia *announce* RM3 bilion yang ditambah September RM4.3 bilion. Mungkin angka sampai 90% boleh belanja agak terlalu tinggi. Yang saya cuba hendak tanya ialah, adakah kerajaan kalau biasanya katanya kalau tidak belanja tahun ini, habis! Boleh tidak di bawa ke hadapan pada tahun 2002 dan pengkhususan dari segi program dipelbagaikan, satu.

Keduanya yang berkaitan ialah, boleh tidak secara program kilat (*crash program*) dengan izin, diwujudkan umpamanya satu program revolusi pembelajaran untuk semua rakyat dengan menggunakan wang yang begini banyak. Jadi tidaklah kita bawa ke hadapan terlalu amat banyak. Dan saya percaya pengu muman yang terakhir ini yang RM100 untuk semua orang miskin adalah dalam lingkungan ini. Jadi kalau program itu boleh dibuat, pada saya program kilat (*crash program*) dengan izin, untuk revolusi pembelajaran negara umpamanya boleh kita adakan. Jadi semua sekali kita bagi *shockt treatment* untuk orang belajar dan ruang hendak belajar ini banyak. pelbagaikan dan akan meresap ke seluruh masyarakat dengan

begitu berkesan sekali. Lebih berkesan mungkin daripada RM100, yang mustahak tetapi mungkin lebih berkesan untuk jangka panjang. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Tadi dikatakan sama ada kita akan belanja seluruhnya hingga ke penghujung tahun ini atau akan dibawa ke hadapan. Memang kerajaan seboleh-bolehnya mahu supaya peruntukan itu dapat kita belanjakan tahun ini. Tetapi jikalau *in case* kalau kita agak tidak berupaya membelanjakan keseluruhannya tahun ini dan mungkin kita akan bawa ke tahun depan dengan beberapa program baru ataupun program yang ada ini kita laksanakan sepenuhnya dan kita percepatkan (*expedite*) dengan izin, pelaksanaan program-program tersebut.

Untuk cadangan Yang Berhormat yang kedua iaitu supaya *crash program* ini diwujudkan, di antaranya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu bantuan kepada golongan miskin – setiap orang mendapat RM100, 150 keluarga miskin bagi setiap kawasan Parlimen. Itu adalah salah satu daripada pakej *crash program* itu supaya dapat kita belanjakan secepat mungkin. Dan juga di samping itu, Yang Berhormat, bahawa di peringkat Ahli Parlimen, Kawasan Parlimen, kerajaan memberikan peruntukan lebih daripada RM1 bilion untuk memastikan bahawa projek-projek kecil kampung dapat dilaksanakan supaya bukan sahaja kita menjana ekonomi malah sekali gus kita memastikan penduduk luar bandar dapat nikmat pembangunan negara dengan secara yang lebih cepat. Dan ini telah dan sedang berjalan dengan baik dan berkesan. Kita berpuas hati dengan projek-projek pelaksanaan luar bandar, projek kecil luar bandar yang kerajaan peruntukkan kepada seluruh Kawasan Parlimen, daerah dan sebagainya.

Jadi cadangan Yang Berhormat supaya program pembelajaran ya Datuk? Saya rasa ini Yang Berhormat Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Sumber Manusia tahu, boleh confirm bahawa memang ada program untuk melatih di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tujuannya untuk melatih para graduan, untuk melatih para siswazah,, penganggur-penganggur, mereka yang diberhentikan kerja dan ini adalah salah satu daripada program kita untuk memberikan latihan dan kemahiran kepada rakyat kita supaya apabila ekonomi pulih nanti mereka bersedia untuk memasuki pasaran kerja yang terdapat di negara kita. Jadi, kita akan fikirkan Yang Berhormat, kalau perlu apa-apa langkah yang agak baik dan sebagainya, kita akan fikirkan dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa ekonomi negara

dapat kita jana dengan baik dan perkembangan pembangunan masyarakat dapat kita berikan sekali gus. Terima kasih.

7. Puan Hajah Safinah binti Jusoh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah peruntukan dan perbelanjaan oleh kerajaan bagi tujuan menjayakan Sukan SEA 2001 bermula daripada kempen kejohanan sehinggalah temasya Sukan SEA selesai.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Yang Ke-21 Bagi Tahun 2001 ini bagi menganjurkan temasya sukan tersebut. Peruntukan tersebut tidak termasuk peruntukan pembangunan sebanyak RM24 juta bagi menaik taraf kemudahan venue pertandingan dan peralatan pertandingan yang boleh diguna semula pada masa hadapan. Jawatankuasa pengelola seterusnya menetapkan bahawa peruntukan yang boleh dibelanjakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tidak boleh melebihi RM50 juta yang telah pun diluluskan. Perbelanjaan tambahan hanya boleh dibelanjakan jika perlu dari pendapatan atau lain-lain terimaan yang diperolehi oleh jawatankuasa pengelola.

Pada ketika ini, jumlah keseluruhan perbelanjaan sebenar bagi penganjuran Sukan SEA Yang Ke-21 belum dapat ditentukan secara terperinci. Urusetia Sukan SEA Ke-21 pada masa ini masih mengumpul dan memproses bayaran yang dibuat oleh semua jawatankuasa. Penyata sebenar yang telah diaudit dijangka akan dapat disediakan tidak lama lagi.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam Sukan SEA yang lepas, sejauh manakah pencapaian yang diperolehi oleh para atlet kita dan apakah program susulan yang diatur untuk mereka ini? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan beliau terhadap pembangunan sukan negara khususnya yang berkaitan dengan prestasi atlet kita dalam Sukan SEA Yang Ke-21 ini. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa kontinjen Malaysia kali ini telah pun berjaya memperolehi 111 butir pingat emas. Ini pun merupakan kali yang pertama kita menjuarai temasya Sukan SEA dari segi kutipan pingat emas. Di samping itu juga, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kita sebagai tuan rumah, kita juga sekali lagi membuktikan kebolehan kita dalam penganjuran temasya

sukan yang berprestij. Dan ini sudah tentu akan memberikan atlet-atlet negara kita dorongan yang wajar supaya mereka ini akan dapat terus berjaya dalam temasya-temasya sukan yang akan datang khususnya dalam Sukan Asia yang akan berlangsung di Pusan, Korea Selatan tahun depan dan juga Sukan Komanwel yang akan berlangsung di Manchester tahun depan.

8. **Tuan Haji Hassan bin Shukri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan akan memanggil mesyuarat tergempar Menteri Luar OIC bagi merundingkan masalah Afghanistan dan adakah Malaysia bercadang untuk menghantar bantuan kemanusiaan ke Afghanistan atas nama Kerajaan Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang amat prihatin terhadap nasib Umat Islam di Afghanistan. Ekoran daripada serangan Amerika Syarikat sejak 7 Oktober yang lalu dan tindakan ketenteraan Amerika Syarikat telah menimbulkan krisis kemanusiaan terhadap rakyat Afghanistan khususnya kepada masyarakat Islam di negara tersebut. Sekarang ini terdapat 3.1 juta pelarian Afghanistan di Pakistan di mana 1.5 juta pelarian tinggal di kem pelarian, manakala seramai 1.4 juta lagi tinggal di merata-rata tempat di sekitar kawasan bandar dan luar bandar di sempadan Pakistan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia pada awal bulan Oktober 2001, telah menubuhkan Tabung Amanah Afghanistan di mana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.8 juta ke atas tabung tersebut. Tabung tersebut bertujuan untuk membantu pelarian Afghanistan yang akan menghadapi musim sejuk tidak lama lagi. Di samping itu, masyarakat Malaysia juga tidak ketinggalan telah menghulurkan derma berbentuk wang, pakaian dan makanan kepada tabung tersebut.

Pada 9 November 2001 yang lalu, kapal Tentera Laut Diraja Malaysia telah berlepas ke Pakistan dengan membawa barang-barang seperti ubat-ubatan, makanan, khemah dan selimut sebanyak 315 tan untuk diberikan kepada pelarian Afghanistan. Sumbangan-sumbangan tersebut telah selamat diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pelarian Afghanistan di Pakistan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa masalah dalaman Afghanistan sedang diselesaikan oleh masyarakat Islam Afghanistan sendiri seperti adanya Sidang Masyarakat Afghanistan di Jerman baru-

baru ini untuk menyelesaikan masalah kepimpinan mereka. Malaysia berharap segala usaha masyarakat Afghanistan tersebut akan membawa hasil yang positif. Jadi setakat ini, Malaysia tidak bercadang untuk memanggil sidang tergepar Negara-negara OIC untuk menyelesaikan masalah di Afghanistan.

Kerajaan Malaysia amat memandangi tinggi kepada keperluan kestabilan politik di Negara Afghanistan. Malaysia dan Negara-negara Anggota OIC mengalu-alukan usaha rakyat Afghanistan ke arah membentuk sebuah kerajaan yang diwakili oleh semua bangsa dan etnik di Afghanistan demi keamanan di negara tersebut. Malaysia percaya dengan keamanan dan kestabilan politik, Malaysia akan dapat menghulurkan bantuan jangka pendek dan panjang untuk membantu nasib umat Islam akibat dari persengketaan di Afghanistan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah benar dakwaan bahawa ada setengah-setengah negara di dunia ini yang tidak mahu menerima mana-mana jua pelarian dan ini telah ditimbulkan oleh pegawai-pegawai Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Setakat ini kita belum dapat laporan di mana kita ada masalah untuk menerima pelarian atau yang mana saya katakan tadi usaha-usaha di bawah naungan Badan Bangsa Bersatu atau UNACR dan juga pihak-pihak agensi-agensinya yang bukan kerajaan yang telah menghulurkan usaha untuk memulihkan atau membantu pelarian-pelarian ini pada masa kini masih berjalan dengan baik. Tetapi masalah kini ialah keadaan cuaca dan untuk pengangkutan, logistik dan sebagainya adalah masalah yang besar. Tetapi syukurlah usaha-usaha yang ditunjukkan itu boleh dikatakan telah dicapai kepada pelarian-pelarian tertentu.

9. Puan Jaya Partiban minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerianya bercadang mengkaji kemungkinan menaja para pelajar yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta seperti Kolej TAFE, Kolej TAR, Universiti UTAR dan AIMST (Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asian).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menaja pelajar melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Walau bagaimanapun, pelajar yang ingin melanjutkan pelajar ke IPTS boleh membuat permohonan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara

atau PTPTN. Mereka juga boleh memohon pembiayaan pendidikan daripada badan-badan penaja termasuk pihak swasta.

Untuk makluman, pemberian pinjaman PTPTN kepada pelajar IPTS adalah tertakluk kepada program kursus yang telah mendapat kelulusan Pihak Lembaga Akreditasi Negara atau LAN. Terima kasih.

10. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada Kod Etika Radio Swasta akan digubal semula bagi mengatasi gejala buruk yang sering dipertikaikan oleh pendengar-pendengar tentang adanya unsur-unsur lucah dalam penyiarannya. Apakah tindakan yang diambil terhadap pengacara-pengacara yang melanggar tatacara penyiaran.

Setiausaha parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia selaku agensi kawal selia bagi Industri Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan termasuk radio swasta sentiasa memantau dan menguasai stesen-stesen penyiaran yang diberi lesen oleh kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada syarat-syarat lesen, garis panduan penyiaran, kod penyiaran iklan dan peraturan serta arahan kerajaan mengenai penyiaran. Teguran, pertanyaan dan tindakan sewajarnya akan diambil ke atas stesen-stesen sekiranya terdapat salah laku atau penyelewengan yang dilakukan oleh mana-mana juruhebah atau pengacara stesen berkenaan.

Selaras dengan pendekatan kawal selia sendiri, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan 'code' bagi stesen radio swasta.

Mengenai tindakan ke atas ke atas Juruhebah yang melakukan kesalahan dia, di bawah peraturan-peraturan berkenaan terpulanglah kepada pihak majikan untuk mengambil tindakan yang sesuai. Ini adalah selaras dengan konsep kawal selia sendiri yang diperuntukkan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini.

Kerajaan hanya akan membuat teguran, bantahan atau tindakan yang sesuai ke atas syarikat sebagaimana yang telah termaktub dalam syarat-syarat lesen dan peraturan-peraturan yang telah disediakan.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang supaya mengadakan satu secara berkala jenis-jenis kursus ataupun maklumat berkenaan dengan undang-undang dan peraturan negara sebagaimana sebelum ini kita tahu dalam Radio ERA telah mengumumkan bagi pihak kerajaan Malaysia tentang kemangkatan Duli Yang Maha Mulia, sedangkan ketika itu Yang di-Pertuan Agong belum mangkat lagi.

Jadi perkara-perkara berkenaan dengan – kerana tanggungjawab mengumumkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong hanya terletak di bahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jadi apakah peraturan dan undang-undang negara ini harus juga didedahkan kepada pengacara-pengacara kita melalui kursus dan sebagainya.

Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye : Tuan Yang di-Pertua, garis panduan yang wujud sekarang adalah memang untuk mewujudkan satu masyarakat yang bertanggungjawab. Juruhebah ataupun stesen-stesen berkenaan mempunyai tanggungjawab mereka dan dasar atau pendekatan pada setakat ini adalah memastikan bahawa satu kawal selia sendiri atau 'self regularity regulatory industry' diadakan. Dengan amalan seperti sekarang memang kawal selia sendiri telah dijalankan. Kalau perlu tindakan seperti yang dijalankan boleh pertimbangkan. Tetapi setakat ini tindakan yang telah diambil oleh stesen-stesen atau syarikat yang berkenaan setakat adalah masih dikuatkuasakan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah setakat kawalan selia itu dijalankan ada terdapat kes-kes di mana amaran ataupun tindakan tatatertib telah diambil terhadap sesiapa yang telah melanggar peruntukan-peruntukan itu.

Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan stesen radio yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli dan berkenaan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, memang tindakan telah diambil oleh stesen berkenaan termasuk di mana program itu digantung.

Stesen berkenaan telah pun mengambil tindakan mereka untuk menggantung ataupun memberhentikan perkhidmatan atau perkhidmatan juruhebah berkenaan.

11. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan sedar kegiatan samseng kanak-kanak berlaku di setengah-setengah sekolah menengah dan rendah di Sabah sehingga manakutkan guru-guru menjalankan tugas dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Dato' Yang di-Pertua, bila kita membaca soalan ini teringat saya kepada sebuah filem P. Ramlee – 'Anakku Sazali'. Saya rasa mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat menonton filem ini.

Sebagaimana yang telah dijelaskan beberapa kali oleh Kementerian Pendidikan dan disokong oleh Polis Diraja Malaysia, bahawa tidak ada pelajar sekolah yang terlibat dengan gengsterisme atau samseng. Walau bagaimanapun diakui bahawa wujudnya kelakuan dalam 'hooliganism' atau kenakalan di kalangan pelajar sekolah termasuk di Sabah.

Untuk menangani kegiatan ini berlaku, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Sabah telah mengadakan pelbagai program seperti kolokium ketahanan diri, jati diri, pembimbing rakan sebaya, rakan dinamik, sekolahku rumahmu dan seminar yang berfokuskan kecemerlangan sendiri dari aspek sahsiah, emosi dan intelek. Kementerian Pendidikan juga mempunyai prosedur yang standard untuk dipatuhi oleh semua guru dalam menangani semua masalah disiplin di sekolah.

Prosedur tersebut terkandung di dalam buku terbitan Kementerian Pendidikan dalam tahun 1983 berjudul 'Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru' yang digubal selaras dengan Peraturan-peraturan Pelajaran atau Disiplin Sekolah 1959 di bawah Ordinan Pelajaran 1957.

Apa sekali pun yang kita lakukan saya tetap berpegang teguh kepada prinsip bahawa akhlak dan adab masih tetap menjadi tanggungjawab ibu bapa. Sebab itu kita berharap PIBG juga dalam hal ini berperanan secara aktif. Kita juga mengalu-alukan pihak NGO yang ingin membantu pihak sekolah dalam menangani mengenai dengan salah laku murid-murid di sekolah.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Dayang.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:
Terima kasih atas jawapan yang telah diberi dan saya ucapkan tahniah atas tindakan

yang telah diambil. Walau bagaimanapun sungguhpun ada prosedur yang telah diturunkan, panduan yang diberi, akhir-akhir ini kegiatan hooliganism walaupun perkataan samseng tak sesuai digunakan meningkat di Sabah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini tahun 1991 (21 kes), tahun 2000 (68 kes) sehingga April tahun ini dilaporkan 14 kes dan ini seperti mana dilaporkan melalui Daily Express 19 Mei 2001. Insiden hooliganism ini di sekolah-sekolah tentu sekali mencemar nama sekolah dan bukan sahaja itu tetapi menimbulkan keraguan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak mereka yang terlibat di sekolah-sekolah yang terlibat.

Bukan sahaja murid-murid terlibat ini mengugut kepada guru-guru tetapi mengugut kepada murid-murid. Selalunya terlibat dalam pergaduhan seperti terajang, tendang menendang, bergaduh, pukul memukul hingga mencederakan murid-murid yang tidak bersalah.

Saya nampak bahawa sanya ia sudah menjadi satu api dalam sekam. Kalau tindakan telah dibuat oleh kementerian saya cuma ingin bertanya satu soalan tambahan, adakah mana-mana pihak yang menekan cerita-cerita hooliganism di sekolah-sekolah ini sehingga ia menjejaskan usaha untuk membanteras dan tindakan yang lebih tegas dapat diambil.

Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya mengenai istilah hooliganism, samseng atau sebagainya tetapi kerap kali kita nyatakan di situ mengenai salah laku murid-murid sekolah. Saya lebih selesa dengan penggunaan perkataan itu. Sebab apabila kita guna perkataan samseng atau gengsterisme seolah-olah wujudnya macam kumpulan samseng di sekolah dan kita tidak dapat mengawalinya.

Oleh itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin mengenai dengan peningkatan hooliganism ini di sekolah-sekolah di Sabah. Saya beri jaminan di sini kepada Yang Berhormat, saya akan bawa sendiri kepada pihak kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk melakukan satu tinjauan semula mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tetapi saya tetap mengatakan tadi bahawa keselamatan di sekolah tetap terpelihara. Saya beri jaminan kepada semua ibu bapa bahawa keselamatan di sekolah tetap dipelihara dan terjaga. Saya bimbang tatkalab kita beri gambaran

seolah-olah kita tidak dapat mengawal salah laku atau hooliganism di sekolah ini jadi enak bapa bimbang hendak menghantar anak-anak ke sekolah.

Saya di sini, kita di pihak sekolah saya beri jaminan akan mengambil sebarang langkah untuk memastikan bahawa keselamatan sekolah tetap terjamin dan terjaga. Oleh itu, saya dah kata minta sekali lagi PIBG sekolah-sekolah kalaulah kita dapati kes-kes salah laku ini begitu tinggi termasuk macam kita kata tadi sepak terajang dan se bagainya dapat kita lakukan dengan baik. Iaitu hubungan baik antara PIBG dan pihak sekolah dan juga kalau hendak juga pihak JPM berperanan ataupun PPD berperanan kita tetap akan melakukan sedemikian.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee.

Puan See Too Mee: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak dapat sedikit pandangan pihak kementerian. Apakah pandangan pihak kementerian tentang cadangan untuk menghantar seorang atau dua anggota polis ke sekolah-sekolah berkenaan dari semasa ke semasa supaya mereka boleh memberikan taklimat kepada kanak-kanak sekolah tentang undang-undang atau hukuman-hukuman atas kesalahan jenayah dan di samping itu ia boleh juga membantu guru-guru disiplin supaya dapat mengamalkan pelajar-pelajar jangan melibatkan diri dalam kegiatan yang kurang baik itu.

Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya mengenai pegawai-pegawai polis pergi ke sekolah-sekolah ini telah pun kita lakukan di mana kita panggil ini Pegawai Perhubungan. Iaitu kerap kali kalau di luar bandar termasuk di bandar iaitu mereka yang berpangkat Koprak ke atas akan berhubungan dengan sekolah dan sekiranya ada cadangan yang lain iaitu untuk lawatan lebih kerap oleh pegawai-pegawai polis ke sekolah haraplah kita terima dengan baik.

Janganlah menganggap bahawa bila polis datang buat rondaan ke kawasan-kawasan sekolah kita anggap ini seolah-olah sekolah itu tidak terkawal lagi. Macam ada berlaku jenayah yang besar di sekolah itu. Sebenarnya inilah hubungan yang erat antara Jabatan Polis dengan pihak kementerian kita. Mereka membantu kita.

Kita patut ucapan terima kasih, jangan kita rasa gerun pula apabila polis datang ke sekolah, seolah-olah dia hendak mengambil alih pihak sekolah. Tidak. Pihak polis tidak mengambil alih kuasa di sekolah. Tetapi kita hendakkan kerjasama yang erat di buat pegawai polis dan pihak sekolah.

Mengenai dengan cadangan supaya perkara-perkara lain termasuk disiplin kita dari semasa ke semasa menjemput termasuk pegawai polis misalnya macam soal dadah, hooliganism ini tadi, pihak polis juga membantu kita memberi ceramah dan sebagainya. Di sini juga ingin saya kemukakan kepada ahli-ahli Dewan sekalian, saya juga telah membuat cadangan bahawa bila kita lihat dalam akhbar baru-baru ini, terlibatnya anak-anak kita yang kecil antaranya budak-budak sekolah yang bermain mercun.

Ini juga satu masalah besar dan kita akan cadangkan sekolah kita akan melibatkan juga kempen anti mercun di kalangan anak-anak sekolah. Saya berharap ini juga ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini juga mengambil langkah tidak masuk apa-apa parti sekali pun mari kita membanteraskan mercun ini kerana kita lihat cukup sedih, tiap-tiap kali menyambut Aidilfitri, Tahun Baru Cina kita dengar anak-anak kita ini putus jari, telinga, mata dan sebagainya.

Saya rasa ini begitu serius sekali kerana walaupun mercun itu diharamkan tetapi masih ada lagi pihak-pihak yang menjual mercun. Kita harap di sekolah juga kita berperanan, PIBG juga berperanan supaya anak-anak kita terutama sekolah di sekolah rendah menjauhi perkara-perkara ini.

Terima kasih.

12. **Puan Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan secara terperinci kedudukan kekosongan kerja mengikut sektor dan jenis pekerjaan yang terdapat dalam negara sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat.

Bagi tempoh Januari 2001 hingga 24 November 2001, sebanyak 121,944 jawatan kosong telah dilaporkan. Jawatan kosong yang paling banyak adalah dari sektor pembuatan iaitu 56,609 jawatan kosong ataupun 46.4% dari jumlah keseluruhan jawatan kosong yang dilaporkan. Ini diikuti oleh sektor pertanian, perhutanan, pemburuan dan penangkapan ikan, iaitu sebanyak 34,083 jawatan kosong atau 27.9%.

Seterusnya sektor pembinaan mencatatkan 12,687 jawatan kosong atau 10.4% dari jumlah keseluruhan. Sektor yang mencatatkan jawatan kosong paling sedikit adalah sektor elektrik, gas dan air iaitu hanya 167 jawatan kosong atau 0.1%.
Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian. Soalan tambahan saya, sama ada ia relevan ataupun tidak, tetapi bolehkah kementerian menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini peratusan dan jenis tenaga kerja terbiar dalam pasaran buruh negara kita, bagaimanakah pengisian ataupun kelemahan-kelemahan yang ada pada tenaga kerja kita yang terbiar ini? Sama ada mereka memang tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan pekerjaan dalam beberapa sektor ataupun memang kita tidak mempunyai keupayaan untuk meletakkan mereka dalam program perburuhan negara kita. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama Yang Berhormat sahabat saya daripada Dungun itu amat spesifik, jadi saya akan jawab secara bertulis.

Yang kedua itu sama ada ada kelemahan atau kurangnya maklumat yang diberikan kepada pencari-pencari kerja. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini - saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua - satu *job fair*, dengan izin, pesta kerjaya yang kita anjurkan di Johor Bahru. Yang datang berkunjung ke pesta kerjaya tersebut lebih kurang 5000. Kita adakan satu hari setengah. Kita adakan *interview* secara *hands-on* di tempat dan *booth* yang disediakan oleh majikan-majikan yang mencari pekerja. Banyak tawaran diberikan kepada pencari kerja tetapi yang melaporkan diri akhirnya ke sektor-sektor yang saya nyatakan khususnya dalam sektor pembuatan, dalam suasana kelembapan ekonomi ini pun hanya 17 jawatan yang diisi.

Bermakna Malaysia ini sebenarnya sebuah negara [*bercakap dalam bahasa Arab*] -bukan Ghafar...

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah dekatlah tu. [*Ketawa*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Banyak kerja sehingga pekerja boleh memilih kerja dan oleh kerana banyak pilihan maka kerja-kerja yang dikategorikan sebagai 3D - dengan izin - *dangerous job, difficult job, dirty job* [*Ketawa*] ini tidak akan disambut oleh rakyat tempatan. Oleh yang demikian, 3D ini biasanya diambil alih oleh pekerja asing. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Malaysia terutama sekali Sabah akan terus menjadi satu negara yang mempunyai ladang-ladang yang besar, ladang-ladang kelapa sawit dan koko di Sabah akan terus memerlukan pekerjaan. Dan memandangkan tidak ada satu pun

rakyat Malaysia yang ada sekarang ini mengajar atau menyediakan anak-anaknya untuk menjadi pekerja ladang, semuanya hendak belajar IT, hendak jadi doktor dan sebagainya, tidak ada pun hendak jadi kuli di perladangan, hendak potong rumput dan sebagainya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyediakan bahawa ladang-ladang kita ini di masa-masa akan datang tidak akan terbiar kerana tidak ada pekerja? Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar, walaupun negara kita amat muda - 44 tahun - tetapi kita perlu *realise* sebenarnya kita bergerak ke arah negara maju. Negara-negara maju seperti Amerika, German dan Jepun semuanya sudah meninggalkan kerja-kerja tradisi. Semua kerja-kerja tradisi ini sudah pun diisi oleh rakyat asing. Sebagai contoh Amerika telah hidup sebagai sebuah negara 300 tahun dan ia hidup atas dasar imigrasi dan sampai sekarang pun kerja-kerja yang saya katakan 3D tadi sudah tidak lagi diamalkan dan dilakukan oleh rakyat yang datang awal-awal lagi. Maka kerja-kerja berat ini, atau kerja-kerja 3D ini dilakukan oleh pekerja-pekerja pendatang asing daripada Mexico, daripada Caribbean countries, dengan izin. Maka kita boleh bawa kuda ke [Disampuk] air, tetapi kuda susah juga hendak pergi sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Kena paksa dia minum.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Hendak paksa dia minum tidak boleh. [Ketawa] Ini bulan puasa.

[Soalan No. 13 - Y.B. Puan Hajah Faezah binti Haji Abu Kassim tidak hadir]

14. **Tuan Kee Ah Kau** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Kementerian Pendidikan telah menyediakan peruntukan untuk sekolah jenis kebangsaan bantuan penuh, adakah Kementerian juga menyediakan peruntukan yang sama bagi sekolah jenis kebangsaan modal.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan sememangnya memberikan peruntukan yang sama kepada sekolah jenis kebangsaan bantuan penuh (sekolah kerajaan) - dengan izin, dan sekolah jenis kebangsaan bantuan modal (sekolah bantuan kerajaan) - seperti guru dan kakitangan sekolah, pinjaman buku teks dan geran per kapita (PCG).

Walau bagaimanapun, sekolah jenis kebangsaan bantuan modal tidak diberikan bantuan pembangunan sekolah kerana tapak sekolah tersebut bukan milik kerajaan persekutuan. Untuk makluman, bantuan modal diberikan kepada sekolah-

sekolah bantuan kerajaan berdasarkan permohonan sekolah-sekolah berkenaan setiap dua tahun sekali berdasarkan peruntukan yang ada.

Tempoh dua tahun ini boleh dikurangkan jika keperluan projek yang dipohon amat mendesak seperti bangunan sekolah tidak selamat untuk digunakan. Dalam kes seperti ini, pihak sekolah hendaklah mengemukakan permohonan bantuan modal secara rasmi kepada Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Terima kasih.

15. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa buah-buahan dan sayuran yang diimport dari Thailand mengandungi tahap racun serangga, bahan pengawet dan bahan pemasak yang melebihi sukatan yang dibenarkan. Adakah pihak Kerajaan bercadang menubuhkan pusat ujian pemeriksaan/penapisan sebelum masuk ke Malaysia seperti di Singapura dan lain-lain negara demi untuk kesihatan rakyat.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sememangnya sedar dan prihatin terhadap masalah residu racun perosak serta bahan kimia dalam sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport dan telah pun mewujudkan program pemantauan terhadapnya sekian lama. Sehubungan dengan itu Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan penguatkuasaan ke atas makanan yang diimport di semua pintu masuk dengan mengambil contoh makanan bagi analisis untuk mengesan kandungan bahan kimia dan residu racun perosak bagi memastikan makanan yang diimport mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1995.

Dari pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan import pada tahun lepas, daripada sejumlah 4,410 hanya 58 sampel iaitu 1.32% mengandungi residu racun perosak melebihi paras maksimum yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1995. Penggunaan sulphur dioksida dalam buah longan yang diimport juga telah dipantau oleh Kementerian Kesihatan. Sepanjang tahun 2000, sejumlah 675 sampel telah diambil. Dan bilangan yang melanggar peraturan-peraturan makanan ialah 34 ataupun 5%. Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas semua pelanggaran tersebut. Pada tahun yang sama, 4 kes pendakwaan telah selesai dan hukuman denda sebanyak RM3,300 telah dikutip.

Sebagai kesimpulan kadar pelanggaran untuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport adalah rendah. Dan, secara amnya boleh dinyatakan bahawa

produk-produk tersebut adalah selamat untuk dimakan. Kementerian Kesihatan juga sentiasa memberi keutamaan kepada keupayaan pembangunan ataupun *capacity building* termasuk makmal analisis makanan, memandangkan kemudahan-kemudahan ini merupakan salah satu infrastruktur penting yang diperlukan bagi memastikan keselamatan makanan. Sehingga kini kementerian mempunyai 18 buah makmal yang mempunyai keupayaan menjalankan analisis kimia dan mikro biologi ke atas makanan.

Selain daripada 14 makmal di bawah Kementerian Kesihatan perkhidmatan makmal daripada agensi kerajaan lain juga digunakan bagi tujuan analisis makanan. Ini termasuk sepuluh buah makmal Jabatan Kimia, 3 buah makmal jabatan-jabatan pertanian, sebuah makmal kesihatan awam veterineri dan makmal pusat kawalan doping, Universiti Sains Malaysia. Dengan itu kemudahan makmal yang sedia ada adalah mencukupi bagi tujuan kawalan makanan import negara.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusuff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kalau kita melihat di sempadan antara Malaysia/Thailand terutama di kawasan sempadan setiap hari kita melihat lori-lori yang membawa sayur dan buah-buahan ini berpuluh-puluh lori masuk ke Malaysia. Ja di, bagaimanakah pemantauan di buat terhadap memberi jaminan kepada barang-barang yang diimport ini selamat daripada racun serangga dan apakah kerajaan telah memberitahu kepada rakyat tentang apa ujian yang telah kita buat itu? Di antara barangan itu ada yang mengandungi racun serangga setakat ini. Dan, adakah kerjasama dibuat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang saya sebut tadi, kita ada pemantauan dilakukan di setiap pintu masuk. Bagi kawasan utara ini sebenarnya Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti sistem pemeriksaan makanan dan buat permulaan sebuah balai pemeriksaan yang termoden dan lengkap sedang dibangunkan di Bukit Kayu Hitam. Ini sebagai tambahan kepada segala pemeriksaan yang kita sentiasa jalankan, dan juga untuk memastikan bahawa mutu makanan di negara kita terkawal, kita mendapat kerjasama daripada pelbagai kementerian yang bertanggungjawab.

Satu majlis keselamatan makanan telah pun ditubuhkan dengan merangkumi 15 kementerian dan diterajui oleh Kementerian Kesihatan dan majlis ini telah pun berfungsi beberapa bulan yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk soalan-soalan lisan telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 5, 13 dan 16 hingga 26 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG PANGLIMA GAGAH BERANI (ELAUN KENANGAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.15 pagi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya selaras dengan keputusan jemaah Menteri pada 20 Jun 2001 seperti berikut:

- (i) supaya penerima-penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani diberi elaun kenangan sebanyak RM300 sebulan seumur hidup;
- (ii) jika darjah kebesaran dianugerahkan secara *post a most*, waris bagi penerima dibayar elaun kenangan sebanyak RM15,000 sekali pemberian sahaja; dan
- (iii) supaya elaun kenangan dikuatkuasakan mulai bulan Jun 1983.

Cadangan Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Disember 2001.

Tuan Yang di-Pertua, Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani adalah darjah kebesaran yang kedua tertinggi antara darjah-darjah kebesaran jenis Gagah Berani yang diwujudkan di peringkat Persekutuan di mana Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa merupakan darjah kebesaran jenis Gagah Berani yang tertinggi sekali.

Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani dikurniakan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi

musuh. Kebanyakannya menerima anugerah ini adalah terdiri daripada anggota pasukan keselamatan yang telah mencurahkan jasa bakti mereka menjaga keselamatan negara daripada ancaman Parti Komunis Malaya dan musuh negara.

Sungguhpun jasa mereka telah diberi pengiktirafan oleh negara dengan pengurniaan darjah kebesaran, tetapi ianya akan lebih bermakna jika disusuli dengan pemberian elaun kenangan sebagai sumbangan kerajaan untuk mengenang jasa keberanian dan kepahlawanan mereka dalam menjaga kedaulatan negara dan juga untuk mengurangkan bebanan kewangan waris kepada penerima yang terkorban demi mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara.

Di samping itu, ia juga memberi penghargaan sama dengan rakan seperjuangan mereka yang mendapat elaun kenangan melalui kurnia Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa. Elaun kenangan yang akan diberi kepada penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani ialah RM300 sebulan bagi penerima yang masih hidup, manakala RM15,000 sekali sahaja kepada waris penerima secara *post a most award*, sdengan izin, yang telah meninggal.

Tarikh berkuat kuasa pemberian elaun kepada penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani ini disamakan dengan tarikh pemberian elaun kepada penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa iaitu pada bulan Jun 1983 kerana tarikh zahir bagi kedua-dua darjah kebesaran ini ialah sama iaitu pada 29 Julai 1960.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terbahagi kepada 9 fasal di mana Fasal 1 merupakan tajuk ringkas akta.

Fasal 2 mengandungi takrif beberapa istilah yang digunakan dalam rang undang-undang.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan sejumlah RM300 sebulan kepada penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani. Elaun kenangan ini hendaklah dibayar secara kebelakangan mulai dari bulan darjah kebesaran itu dianugerahkan kepada penerima, tetapi tidak boleh lebih awal daripada bulan Jun 1983.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberhentian pemberian elaun kenangan dan pemberian semula elaun kenangan apabila berlaku perkara-perkara yang dinyatakan di dalam fasal itu.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian wang sejumlah RM15,000 sekali sahaja kepada waris kadim penerima jika Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani dianugerahkan selepas kematian penerima.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian wang sejumlah RM15,000 sahaja kepada waris kadim penerima jika Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani telah dianugerahkan kepada penerima sebelum permulaan berkuat kuasa rang undang-undang dan penerima telah mati sebelum tarikh itu.

Fasal 7 memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk mengagihkan amaun yang akan dibayar kepada waris kadim penerima yang telah mati.

Fasal 8 memperuntukkan bahawa elaun kenangan dan jumlah wang yang dibayar di bawah rang undang-undang ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa elaun kenangan dan jumlah wang yang dibayar kepada waris kadim tidak boleh diserahkan, dipindahkan hak milik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian elaun kenangan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Panglima Gagah Berani dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Ghazi.

11.20 pagi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001.

Sebelum saya turut membahas ini, kalau boleh saya menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana kita ada 9 rang undang-undang hari ini, kalau dapatlah diberi garis panduan berapa lama yang kita ada untuk membahaskan sesuatu supaya dapat menjadi panduan kepada kita semua semasa membahas.

Saya percaya ada tajuk-tajuk yang kita boleh bercakap dengan begitu panjang lebar, umpamanya Rang Undang-undang Penapisan Filem dan sebagainya,

satu tajuk besar, kalau boleh dibuat anggaran peruntukan masa supaya dapat dijadikan panduan dan supaya kita sama-sama lebih manfaat dalam mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk menjawab mengenai kadar masa ini, kalau boleh dalam Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani lebih kurang 1 jam. Begitu juga boleh disambung kepada Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa, 1 jam – 2 jam. Kemudian satu lagi rang undang-undang, Rang Undang-undang Penapisan Filem kita beri 1 jam. Yang lain itu sekadar 20 minit ataupun kurang daripada itu. Kalau itu kita dapat menepati, kita dapat selesaikan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi respons yang spontan. Saya kira itu termasuk dengan jawapan dari pihak Yang Berhormat Menteri.

Saya sesungguhnya turut mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana lagi sekali menunjukkan konsistensi dalam usaha untuk menunjukkan bahawa kita betul-betul sayang kepada rakyat kita. Sayang dalam pelbagai bentuk menjadi kesinambungan kepada banyak pakej yang begitu amat meluahkan baru-baru ini. Pada saya, rakyat patut sedar ini semacam 'durian runtuh', dengan izin. Cuma yang rasa tidak sedap, sudah banyak sangat sampai hendak belanja pun tidak boleh, jadi masalah pula. Itu satu bab yang kita sudah cerita.

Jadi, peluang untuk mengenang jasa orang-orang yang telah berkhidmat dan membuat jasa kepada negara ini begitu amat baik dan bilangan jumlah amaun sebanyak RM300 sebulan agaknya berpatutan kerana diberi seumur hidup. Pada saya, ini adalah satu langkah yang begitu amat bijak kerana dalam usia-usia yang meningkat, mungkin keperluan sudah agak berubah dan RM300 yang diberi itu agak berpatutan.

Lebih-lebih lagi dalam Fasal 5 yang berikut itu, apabila kita bercakap tentang pemberian wang sebanyak RM15,000 sekali sahaja kepada waris kadim penerima darjah ini. Ini pun satu langkah yang begitu amat baik kerana mungkin rata-rata mereka mengatakan kerajaan mengingati dan mengenang jasa orang-orang yang berjasa dahulu dalam pelbagai bentuk, orang-orang yang berjasa sekarang, kita memberi kemudahan yang tidak begitu banyak berjasa yang kadang-kadang kurang berjasa pun mendapat nikmat sekarang ini.

Oleh kerana itu, inilah masa dan peluang baik kerajaan menunjukkan keseimbangan. Kita mengenang sejarah balik bahawa apa yang berlaku baik sekarang ini sebenarnya berpunca dari sejarah baik, sejarah gemilang dahulu yang telah pun diberi khidmat oleh mereka yang telah mendapat gelaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu jelas dalam penyampaianya tadi menerangkan bahawa Panglima Gagah Berani ialah kedua tertinggi dibandingkan dengan Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan oleh kerana kedua tertinggi ini, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, di manakah kedudukan darjat ini kalau dibandingkan dengan darjah-darjah kebesaran yang diberi dalam negara sama ada diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ataupun Duli Yang Maha Mulia sultan-sultan dalam negeri-negeri. Ini dari segi pangkat Tun, Tan Sri, Dato' Seri, Dato' dan sebagainya.

Kita ingin mengetahui kerana kalaulah gelaran ini kita pertonjolkan dan perhebatkan, maka nilai kepada pemberian darjah ini akan menjadi lebih. Umpamanya, kalau sekiranya seseorang diberi pangkat, disebut nama Tan Sri, Tun, Dato,' Dato' Seri dan sebagainya Saya hendak tahu sama ada kerajaan sedang memikirkan untuk menggunakan mereka ini dengan gelaran panggilan ataupun sudah ada. Saya tidak tahu. Saya ingin bertanya pihak kerajaan dari segi ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bertanya oleh kerana pendekatan ini adalah satu pendekatan yang amat baik, bolehkah kita mengetahui dengan jelas, berapakah bilangan orang-orang yang telah mendapat gelaran yang tertinggi Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan juga yang keduanya, Panglima Gagah Berani. Kalau bilangannya tidak begitu ramai, bolehkah kita kenal siapa mereka ini? Kerana inilah peluang bagi kita mengimbas kembali kepada sejarah.

Mungkin mereka ini mempunyai ketokohan tertentu yang dapat ditonjolkan. Mungkin cerita-cerita, kisah-kisah benar bagaimana mereka telah berjaya mendapat kejayaan ini boleh dibukukan dan dijadikan sebagai satu bahan untuk dijadikan drama di sekolah-sekolah dan apabila dijadikan sebagai drama di sekolah-sekolah dipertandingkan, maka kesedaran pelajar-pelajar akan menjadi lebih, sekali gus akan mencapai matlamat untuk menggalakkan pelajar-pelajar, penuntut-penuntut di sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi dan sebagainya untuk berminat dalam bidang tentera ini.

Jadi, kita pernah dengar Yang Berhormat rakan kita dari tentera ini selalu bercakap tentang kekurangan. Orang kurang minat. Yang kosong lebih banyak –

yang keluar lebih banyak daripada yang diisi. Ini mempunyai permasalahan dan mungkin dengan langkah bijak pihak kerajaan memberi elaun kenangan kepada Panglima Gagah Berani ini, kita sekaligus dengan usaha-usaha lain.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, tidak salah kalau saya katakan kalau bilangannya tidak begitu ramai pada mereka yang telah mendapat gelaran-gelaran yang begini baik dan bersejarah ini, bolehlah diadakan satu data maklumat yang khusus mengenai mereka ini dan dihebahkan kepada umpamanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana terdapat cadangan rakan-rakan, Yang Berhormat Dato' Hamzah umpamanya, mengatakan apabila kita berbincang dahulu, nama-nama perumahan kadang-kadang tidak ada kaitan langsung. Jadi, bolehlah kita kaitkan dengan nama-nama mereka yang telah pun mendapat Panglima Gagah Berani dan juga Seri Pahlawan Gagah Perkasa, sama ada perumahan ataupun jalan raya ataupun taman ataupun apa sahaja, asalkan kumpulan data ini terkumpul secara tersusun.

Biarlah satu pusat dalam data maklumat ini disenaraikan kumpulan-kumpulan hero kita dari segi tentera, nama dari sejarah yang lain, dari segi keilmuan, dari segi budayawan dan sebagainya. Oleh kerana itu, kita juga terus mendidik masyarakat untuk menghargai jasa orang lama, kerana inilah pada saya di antara perkara-perkara yang boleh kita kaitkan dalam bidang pendidikan dalam soal menekankan disiplin.

Saya tidak sempat hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan tadi dalam soalan tambahan saya ingin sebut sedikit tentang permasalahan yang begitu amat berat di sekolah. Saya ingat soal disiplin ini juga hendak disekalikan dan tentera adalah bab disiplin. Di antara program ketenteraan yang belajar di sekolah sebagai ko-kurikulum dan sebagainya ialah untuk menanam disiplin.

Oleh kerana itu, pada saya, mungkin kerajaan juga patut memikirkan bersama-sama dengan Kementerian Pertahanan yang kita kata pakar dan *authority*, selain daripada polis dalam bidang disiplin ini supaya menonjolkan satu program macam dengan meritokrasi. Meritokrasi disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekarang sudah dimasukkan dalam sistem untuk mengambil dan memilih pelajar ke universiti.

Disiplin pun hendak dikenal pasti begitu. Jangan tunggu lewat. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi jawab dengan begitu bangga dan

memberangsangkan kata, selamat, *don't worry* tetapi saya risau lebih-lebih lagi bila saya dengar satu sekolah dalam Selangor ini sekolah besar, sekolah ternama, 100 budak keluar dalam sehari. Apa benda ini? Ini disiplin yang paling teruk.

Oleh kerana itu bab ketenteraan yang kita bincang ini, jaguh-jaguh kita dahulu hendaklah kita kenang dan dikaitkan dengan cerita-cerita disiplinnya. Bagaimana mereka ini walaupun mungkin dari segi latar belakang pendidikannya agak kurang, relatif dengan orang-orang sekarang tetapi jati diri dan ketekunan disiplinnya itu begitu amat cemerlang dan baik, yang patut dibuat contoh teladan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa dan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, saya berhenti di sini dan turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan.

11.32 pagi

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil sedikit masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001. Saya hanya tertarik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan waris qadim kerana dalam Fasal 5 di antara yang berhak menerima apabila seseorang panglima yang telah dianugerahkan itu sudah mati ataupun yang sudah meninggal maka waris-waris qadimnya boleh menerima secara satu jumlah wang sebanyak RM15,000.

Persoalannya kerana ada di situ di antara waris-waris qadim ini satu isteri atau isteri-isteri, jadi dua. Atau suami atau ada lagi anak-anak dia, ibu bapa dan sebagainya atau suami atau anak-anak. Persoalannya, walaupun hak mengagihkan ini mengikut undang-undang ini diperuntukkan kepada Perdana Menteri. Saya ingin menarik perhatian misalnya satu contoh, kalau sekiranya yang menerima elaun ini sudah meninggal dunia dan ia berhak menerima RM15,000, meninggalkan seorang isteri pada waktu itu dan dua orang anak lelaki misalnya serta tiga orang anak perempuan. Biasanya harta-harta peninggalan itulah yang menjadi perkelahian di antara keluarga. Saya ingin menyarankan – barangkali ini dalam pelaksanaan. Saya sempat membuat sedikit perkiraan. Misalnya jika seorang Panglima Gagah Berani ini sudah meninggal dan mendapat anugerah tadi RM15,000 dia meninggalkan seorang isteri dan dua orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan.

Saya buat kiraan kalau begitu keadaannya biasanya seorang isteri, menurut ilmu faraid apabila dia suami ada meninggalkan anak walaupun asalnya kalau dia

seorang diri dia dapat $\frac{1}{4}$ daripada harta itu. Oleh kerana dia ada anak maka dari segi Islam - dari segi Islam, yang lain saya tidak tahu mungkin bagi sama. Ini mengikut ilmu faraid, kalau dia ada anak maka dia hanya akan mendapat $\frac{1}{8}$. Bila saya kira $\frac{1}{8}$ ini maknanya isteri Panglima Gagah Berani tadi akan mendapat lebih kurang RM1875, itu kalau seorang isteri. Jika dua isteri, tiga ataupun empat isteri maka RM1875 ini, kalau dia ada empat bahagi empatlah. Kalau dia dua, kena bahagi dua. Bakinya dalam ilmu faraid Islam ini dia kata *al-asabah*. Baki itu dia kata *asabahlah*. Bakinya saya buat perkiraan di sini RM13,125. Kalau dia ada dua anak lelaki, anak perempuan tiga dari segi ilmu pembahagian harta Islam ia dikira 7 kepala. Ini sama adil atau tidak adil itu al-Quran kata [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] Yang bermaksud lelaki menerima dua bahagian daripada perempuan.

Jadi, baki ini saya kira maknanya dia ada tujuh bahagian di situ. RM1,125 kena bagi tujuh. Maka setiap orang akan dapat RM1875 kalau tidak silap saya tetapi bagi lelaki RM1875 darab dengan dua. Jadi, kalau perempuan yang tiga tadi tiap seorang dia hanya akan menerima RM1875 tetapi lelaki didarab dengan dua. Saya sebut ini kerana saya ada sedikit pengalaman bukan saya ada kuasa bagi harta tetapi banyak orang yang ada peninggalan harta merujuk kepada saya. Pada saya tidak ada kuasalah. Itu kuasa kadi cuma tentang pembahagian ini saya terangkan sahaja dapatnya begini pergi sahkan kepada mahkamah. Kemudian disahkan oleh mahkamah, mahkamahlah yang akan bagikan.

Jadi, maknanya dari segi pengalaman saya, banyak perkelahian di antara keluarga-keluarga yang mempunyai pusaka. Kerana ini kalau sekiranya penerima elaun gagah perkasa ini sudah meninggal maka yang ditinggalkan peninggalannya itu adalah dikira sebagai harta pusaka. Jadi, dengan sebab itulah saya ingin menarik perhatian ini supaya pihak kementerian terutama sekali sekiranya menerima elaun ini ialah orang Islam. Kita harap mudah-mudahan melalui jabatan agama, JAKIM dan sebagainya akan menasihatkan awal-awal apabila hendak bagi sahaja sudah disiapkan. Panggil dia punya isteri, anak-anaknya, ha!, ini habuan kamu daripada RM15,000 ini supaya tidak akan timbul perselisihan di antara keluarga. Amat malanglah jika sekiranya seorang panglima gagah berani ini tadi sudah meninggal kemudian anaknya berebut bukan banyak yang RM15,000 itu. Ini saya bimbanglah.

Jadi, ini sahaja pandangan saya supaya diambil perhatian. Selain daripada itu kalau hendak bahas lagi ada banyak. Kerana kalau tidak ada ini boleh kepada nenek, boleh kepada bapa dan sebagainya. Itu pun kalau kita hendak bahaskan dari

segi ilmu faraidnya boleh jadi dia ada cucu, ada nenek tetapi meninggalkan cucu. Itu satu bahagian yang lain. Dan ini tentulah akan memakan waktu yang panjang. Saya tidaklah berhajat untuk membahaskan perkara ini secara *detail*. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan ini supaya pihak kementerian akan mengambil perhatian yang berat terhadap pembahagian ini terutama sekali kepada orang-orang Islam yang menerima anugerah gagah perkasa ini. Jadi, itulah saya rasa sedikit perhatian yang dapat saya sumbangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

11.39 pagi

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaiikumsalam warahmatullah.*

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Pertama-tama saya mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya maka kita dapat bersama-sama pada pagi ini dan juga ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail di atas pelantikan sebagai Yang Dipertuan Agong yang kedua belas. Tuanku adalah juga golongan bekas tentera dan menjadi ahli persatuan kita di Perlis.

Rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian, saya mohon menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada beberapa aspek keselamatan dan keamanan negara. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang memberi perhatian sewajarnya kepada aspek keamanan dan keselamatan di dalam rangka Belanjawan ini.

Keamanan bagi sebuah negara adalah teras kepada kejayaan negara yang berpanjangan dan keharmonian hidup rakyat. Tanpa keamanan, kita tidak mungkin dapat duduk di Dewan yang mulia ini. Keamanan negara bukanlah sesuatu yang wajib wujud tanpa usaha. Kebijaksanaan dan perancangan semenjak merdeka kerajaan kita telah bijak memelihara keamanan. Sejarah menunjukkan keamanan sesebuah negara bergantung besar kepada kebijaksanaan atau kurang perkiraan pemimpin utama. Sejarah menunjukkan negara Jerman hancur kerana Hitler, Iraq

parah di bawah Saddam Hussein dan Afghanistan porak peranda kerana kesilapan perkiraan Mohamad Omar.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu sensitif dan berhati-hati bila berdepan dengan isu-isu yang boleh menyentuh keselamatan negara. Hasil dari kepimpinan baik ini, negara Malaysia terus terhindar dari ancaman-ancaman yang boleh menghancurkan dan memusnahkan keamanan. Tanpa kebijaksanaan pemimpin utama kita, negara boleh pecah dan hancur dalam masa dua minggu ataupun kurang daripada itu. Marilah kita sedar bahawa keamanan adalah lebih penting dari wang berjuta-juta ringgit atau apa-apa sahaja yang kita lihat di sekeliling kita pada hari ini.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa keamanan bukanlah perlu dilihat dari sudut ketenteraan dan serangan dari luar sahaja. Isu-isu seperti penyalahgunaan dadah dan pendatang asing adalah juga merupakan isu-isu penting dan perlu ditangani di dalam hal-hal ini. Saya menyeru agar agensi-agensi penguat kuasa berkaitan penyalahgunaan dadah dan pendatang haram agar melipatgandakan usaha agar aspek ini tidak sampai kepada keadaan yang kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pertahanan dan angkatan tentera. Angkatan tentera perlulah meningkatkan jumlah keanggotaan sekarang memandangkan perkembangan bidang tugas tambahan unit-unit baru dan ruang-ruang untuk unit-unit menjalankan latihan dan operasi. Pada waktu yang sama yang mendukacitakan usaha *recruiting* pengambilan tentera-tentera baru untuk menggantikan jumlah pemberhentian, anggaran 5 ribu orang angkatan tentera setahun, itu pun amat sukar dilaksanakan. Masalah *recruiting* ini timbul dari beberapa punca asas.

Anak-anak muda sekarang enggan memasuki tentera atau menjalani latihan ketenteraan ini kerana mereka merasa tidak terjamin hidup dalam tentera dan terutama sekali selepas tamat perkhidmatan mereka. Keraguan ini agak lebih ketara di kalangan rakyat bukan bumiputera. Di kala ini banyak isu-isu elaun dan perkhidmatan yang masih belum diselesaikan lagi. Dengan itu tindakan Kementerian Pertahanan dan JPA perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakseimbangan di antara anggota yang berhenti dengan jumlah anggota baru yang diambil oleh angkatan tentera telah dijadikan kekuatan anggota telah merosot. Kemosotan ini jika dibiarkan untuk beberapa

tahun yang akan datang akan menjejaskan prestasi pertahanan negara. Apatah lagi di negara-negara di mana sistem kerahan wajib tidak diamalkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Muhammad, saya minta maaf kerana hendak buat pengumuman sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin menggantikan saya.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih.

Apatah lagi di negara kita di mana sistem kerahan wajib tidak diamalkan. Kita tidak mahu jika sampai suatu keadaan di mana kita akan terpaksa mengimport rakyat asing untuk menjadi anggota tentera untuk mempertahankan negara yang kita cintai ini.

Perkara ini telah terjadi kepada beberapa negara dan boleh berlaku kepada kita jika suasana ini tidak ditangani dengan baik dan bijak. Kerja mempertahankan negara adalah satu kerja yang profesional, kita memerlukan rakyat yang berbakat dan bukan rakyat yang tercicir untuk menceburi bidang ketenteraan. Bagi menarik golongan yang berbakat, Kementerian Pertahanan perlu mengemaskinikan rumahnya supaya nampak selesai untuk didiami dan dikongsi masa depan.

Saya percaya jika angkatan tentera menawarkan pakej perkhidmatan yang lebih baik, lebih ramai pemuda-pemuda berilmu dan berwibawa akan berminat untuk bersama-sama dalam angkatan tentera terutama keturunan tentera itu sendiri di masa akan datang. Saya memohon mencadangkan agar Kementerian Pertahanan membuat kajian serius mengapa berlaku kemerosotan di dalam pengambilan angkatan tentera baru dan mengapa golongan muda kurang berminat menyertainya, mengapa juga hanya anak-anak muda dari Kelantan, Sabah dan Sarawak yang menunjukkan sedikit sebanyak minat yang sedemikian. Ketiga-tiga negeri inilah yang ramai menyertai pasukan keselamatan.

Kementerian perlu membuat cadangan-cadangan bagi memperbaiki pakej perkhidmatan, pakej selepas perkhidmatan, kemudahan-kemudahan dalam perkhidmatan dan selepas bersara. Saya percaya adalah di dalam kemampuan Kementerian Pertahanan untuk memperbaiki dan menaikkan taraf dirinya sendiri dalam peruntukan yang diberikan. Jika peruntukan itu diguna secara optimum, anggota angkatan tentera perlu diberi beberapa inisiatif dan tempat yang baik di

dalam masyarakat supaya mereka dilihat sebagai relevan dan ada kedudukannya . Sehubungan dengan itu anggota angkatan tentera perlulah melengkapkan dirinya dengan ciri-ciri pertahanan yang moden, teknologi pertahanan moden perlu digarap sepenuhnya. Ini hanya mungkin dilakukan jika kita dapat menarik golongan muda yang bijak IT dan mampu belajar sepanjang masa bagi mengikuti perkembangan teknologi terkini di bidang pengintipan, tangkisan, serangan teknologi dan keupayaan teknologi ketenteraan sepenuhnya.

Bagi menangani masalah ini angkatan tentera perlulah memperbaiki diri demi menarik golongan anggota yang berkualiti, anggota yang berkualiti adalah prasyarat kepada keupayaan pertahanan alaf baru. Sehubungan itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat , Ahli-ahli Dewan untuk mengambil iktibar bagaimana kita menyaksikan kehancuran angkatan tentera di sebuah negara yang mundur teknologi walaupun kuat semangatnya yang sedang berlaku di Afghanistan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pentauliah pegawai masih belum diselaraskan, Sistem Penganugerahan Tauliah Jangka Pendek (TJP) kepada semua pegawai muda tidak akan menggalakkan kemasukan anggota baru kerana ia tidak menjamin hari depan pegawai-pegawai tersebut. Pentauliah tersebut mungkin diterima baik oleh mereka yang mempunyai kelayakan profesional ijazah seperti jurutera, doktor dan lain-lain tetapi bagi mereka yang tidak berkelayakan seperti dalam bidang infantri adalah tidak memberi semangat. Tambahan pula pegawai-pegawai yang bertauliah TJP, tidak dapat menikmati manfaat yang penuh seperti pegawai-pegawai bertauliah tetap.

Lagi satu isu yang mungkin tidak menarik ialah bagi mereka yang berijazah profesional tetapi telah bertukar ke pasukan yang mereka tidak dapat mengamalkan kemahirannya seperti pegawai muda berijazah jurutera ditukar ke pasukan infantri. Satu lagi isu berkaitan yang agak tidak menyenangkan ialah di mana ada lepasan universiti di pelawa masuk angkatan tentera dengan diberi pangkat Kapten, walhal mereka yang berkelepasan yang sama di ATHMA umpamanya hanya diberi pangkat Leftenan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kini latihan peralihan adalah perkara wajib bagi semua angkatan tentera , persediaan bagi anggota-anggota rendah telah tersusun rapi masih boleh lagi diperluaskan. Khas bagi pegawai-pegawai kanan, latihan ini masih belum teratur, bagi mereka yang bertuah mereka dilantik sebagai pengerusi dan pengarah syarikat-syarikat di mana LTAT ada kepentingan. Bagi mereka yang

kurang bertuah, mereka akan bekerja sebagai perunding bebas, menubuhkan syarikat mereka sendiri atau bekerja dengan syarikat yang ingin menerima mereka. Oleh yang demikian adalah wajar semua pegawai-pegawai kanan yang akan menamatkan perkhidmatan diberi peluang latihan dalam bidang perniagaan dan pentadbiran korporat dengan kerjasama yang sesuai.

Di bawah arahan Bursa Saham Kuala Lumpur yang baru, semua pengerusi dan pengarah syarikat *public listing*, diperlukan menghadiri kursus-kursus tertentu. Oleh itu adalah sesuai semua pegawai-pegawai kanan tentera yang mungkin bakal terlibat dengan syarikat-syarikat perniagaan perlu diberi latihan di bidang ini.

Bagi kebaikan negara, amalan menghantar pegawai-pegawai awam yang terlibat dengan pertahanan dan ketenteraan amatlah perlu dipertingkatkan kerana mereka adalah tiang sokongan angkatan tentera. Ini cara mereka akan lebih mengetahui keperluan angkatan tentera. Dengan adanya pegawai-pegawai awam yang selalu hantar dalam latihan angkatan tentera dengan itu lebih merasai bahawa tanggungjawab kepada negara.

Saya bagi pihak keseluruhan bekas-bekas tentera merasai bangga dan berterima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan dan diambil berat tentang jasa-jasa, bekas-bekas tentera yang telah berkorban untuk agama, bangsa dan negara. Dengan penganugerahan yang diberi iaitu darjah kebesaran PGB dan SP, kepada anggota-anggota yang berani mati mempertahankan negara walaupun tidak ramai yang mendapat PGB dan SP. Yang berani mati, SP lebih kurang dalam 11 orang dan PGB dalam 76 lebih kurang, saya pun tidak tepat, daripada beratus-ratus ribu angkatan tentera yang telah berkhidmat untuk negara. Kerajaan telah bersetuju memberi e laun kenangan mereka. Terima kasih saya ucapkan.

Elaun bukanlah penting, yang lebih penting pengiktirafan kerajaan kepada pejuang-pejuang negara yang telah berkhidmat untuk mempertahankan negara. Jasa kita bukan minta dibalas, hanya sebagai ingatan dan juga berterima kasih. Walau bagaimanapun wang adalah penting untuk mereka-mereka yang telah tua dan berkhidmat untuk negara kerana wang adalah nadi untuk hidup menyambung sisa-sisa hidup di masa akan datang.

Darjah kebesaran SP atau PGB adalah besar tetapi tidak ada gelaran dipangkat ataupun dipangkal mereka ini, kalau mengikut pandangan ataupun cakap-cakap orang, jika dibanding dengan Tun atau Tan Sri ianya lebih besar kerana sekarang ini kalau orang berani mati – tetapi kita ini berani mati untuk

mempertahankan negara bukan berani mati untuk menghancurkan negara. Jadi perlulah kita memikirkan supaya mereka-mereka ini dihormati dan disegani oleh semua pihak. Oleh itu jika sekiranya ada keramaian-keramaian, pemimpin-pemimpin setempat hendaklah menjemput mereka ini di kawasan masing-masing. Kalau dijemput itu berilah tempat duduk satu kerusi sebagai penghormatan kepada mereka-mereka yang betul-betul berjuang untuk mempertahankan negara, sanggup mati walau apa sahaja. Kebanyakan mereka ini pun yang bujang-bujang, tidak ada anak ramai-ramai sangat dan kebanyakan mereka ada semasa konfrontasi dahulu dan juga dapat di Sabah dan Sarawak

Dengan adanya gelaran ini maka dapatlah gelaran di pangkal maka dapat tahu bahawa ini adalah satu pejuang ataupun satu gelaran yang diberi gelaran tertinggi. Kalau kita dapat DSNS, Darjah Setia Negeri Sembilan misalnya dapat gelaran Dato' tetapi itu tidak dapat apa salahnya, kalau buat permulaan kita letak pangkal PGB, SP Muhammad Ghani, umpamanya itu, saya tidak dapatlah sebab saya dahulu tentera pensel duduk menulis sahaja. Jadi kalau adanya sebegini maka dia rasa megah, biar orang tahu bahawa dia ini adalah bekas tentera atau tentera yang berjuang bermati-matian untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Macam saya cakap tadi, jadi pihak-pihak pemimpin setempat atau pihak-pihak kerajaan negeri mesti renung kembali dan mengingati mereka-mereka ini, panggil berjumpa berbincang apakah masalah-masalah yang ada pada mereka, pada SP hanya tinggal kalau tidak silap saya dalam 3 orang sahaja lagi, kebanyakan SP ini apabila dapat SP ini dia meninggal dunia. Inilah kata orang itu berani mati untuk mempertahankan negara bukan menghancurkan negara.

Jadi dengan adanya sebegini saya mencadangkan supaya mereka ini diberi gelaran jika sekiranya layak memberi gelaran Dato' dan sebagainya, ini pun perlu dipertimbangkan hanya tidak sampai 100 orang. Kalau sebuah negeri itu ada 5- 10 orang, Sabah, Sarawak tidak menjadi halangan. Bukanlah nanti buat jasa semasa kini, jasa yang lepas itu pun wajar kita memberi gelaran-gelaran juga kepada mereka ini barulah mereka ataupun yang berjuang ataupun yang akan menyertai pasukan keselamatan merasa bangga kerana kita diberi satu pengiktirafan bahawa kita berjuang bukanlah sia-sia dan dikenang oleh anak cucu kita. Jadi kalau dicampurkan bintang ini di belakang dari tidak tahu PGB apa, PAT apa jadi ramai orang tidak tahu dan kalau kata SP Muhammad Ghani, PGB Muhammad Ghani jadi nampak adalah satu cara yang lebih baik.

Datuk Long bin Jidin: Dato' ada laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanyakan tentang gelaran yang hendak diberikan kepada mereka yang menerima pingat panglima gagah berani ataupun SP – Seri Pahlawan. Saya fikir-fikir tadilah Yang Berhormat, kalau kita hendak bagi Dato' Panglima, Panglima Tentera dia sudah semangnya ada Dato' tapi kita panggil Dato' Panglima juga, kalau kita hendak panggil Dato' Wira nanti yang dapat pingat Dato' Wira di Melaka tu semua mengaku sebagai mereka yang dapat PGB. Saya bersetuju sangat kalau bolehlah biar kementerian memikirkan satu nama yang boleh diberikan kepada mereka ini begitu juga kepada keluarga supaya keluarga ini dianggap sebagai satu keluarga yang mempunyai keturunan orang-orang yang gagah perkasa, saya tidak tahu Dato' Long orang dulu-dulu kalau Tok Batin punya keturunan itu, nama yang sedap-sedap boleh kita berikan saya mintalah daripada Dato' Long berikan nama-nama ini kita cadangkan kepada kementerian.

Jadi saya bersetuju sangat cuma saya hendak minta pandang Dato' Ghani, apakah wang sebanyak RM15,000 ni untuk kita berikan kepada mereka yang hanya lebih kurang 11 orang maksud Dato' tadi yang sebut 96 orang, 76 orang yang mendapat PGB, apakah jumlah ini cukup atau kecil sangat. Saya rasalah oleh kerana tidak ramai saya tidak tahu bagaimana caranya untuk mereka ini dapat mendapat gelaran PGB, mungkin ada jawatankuasanya, mengapa kita tidak beri sekali gus sebanyak yang baik yang begitu besar, mungkin RM100,000 mungkin RM200,000 kerana berikan satu penganugerahan kepada mereka yang benar-benar berani ini. RM15,000 ini macam saja-sajalah, jadi kita fikirkanlah oleh kerana dalam musim kita hendak membelanjakan wang yang banyak-banyak ni. Saya rasa tinggal hampir dua minggu sahaja kita hendak habis belanjawan, rangsangan yang kita hendak habiskan RM7 billion itu, kita tambahkanlah kepada mereka ini sebanyak RM100,000 pun tidak habis lagi daripada jumlah RM7 billion ini, itulah saya hendak minta pandangan Dato' tentang cadangan saya ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Sebentar, untuk makluman Yang Berhormat sekalian kita ada 9 rang undang-undang untuk ditamatkan pada hari ini dan kita ada masa lebih kurang 6 jam, kalau bagi satu jam maknanya kita kena tambah sampai pukul 9.00 malam, kalau boleh kita tidak hendaklah berbuka puasa dalam Dewan yang mulia ini. Jadi kalau boleh saya minta ahli Yang Berhormat sekalian cuba pendek-

pendekkan dan ringkas-ringkaskan perbahasan Yang Berhormat sekalian. Terima kasih. Sila.

Dato' Haji Muhammad Haji Abdul Ghani: Okey, terima kasih. Jadi terima kasih atas cadangan itu.

Memanglah RM15,000 itu tidak cukup kalau hendak kira dengan jasa perjuangan mereka sanggup ke depan mempertahankan negara, mereka sanggup mati. Hendak dapat PGB ini misal saya kata tentera, dalam beratus-ratus ribu hanya keseluruhannya tidak sampai 100 orang dan memang susah untuk mendapatkannya. Itu sebab daripada yang dapat SP itu - 11 orang kalau tidak silap saya - yang hidup hanya tiga orang sahaja termasuklah seorang jeneral dalam Al-Maunah yang ditangkap baru-baru ini di Sauh. Dari kebanyakan yang dapat ini pun lain-lain pangkat kerana mereka ke depan di medan pertempuran, ini antara lain. Jadi memanglah saya sangat setuju kalau diberi banyak. Yang saya minta, semasa kita berusaha hendak mendapatkannya dahulu, masa itu kerajaan kemungkinan kurang kewangan sebab perjuangan kita hendak meminta ini sudah hampir dalam tujuh atau lapan tahun ataupun sepuluh tahun. Pada saya memanglah tidak cukup tetapi sebagai ingatan dan rangsangan, kita terima juga. Kalau dapat banyak, alhamdulillah, kita sokong dengan sepenuhnya. Ini satu cara yang terbaik.

Dan juga berkenaan nama itu kalau katakan PGB itu Wira atau SP itu Wira Perkasa, jadi ada juga nama-nama "perwira" dan "wira perkasa", sekurang-kurangnya ada nama sebutan. Saya menonjolkan di sini biar nampak ke arah itu. Dengan itu jugalah yang kita hendak dan agar perkara-perkara ini dikaji balik dengan sebaik mungkin supaya biar ada betul-betul orang yang masuk tentera ini ada gahnya dan ada kekuatannya. Di samping itu saya juga selain daripada PGB dan SP yang memberi elaun, sekali lagi saya sarankan di sini dan mencadangkan supaya pencen kepada mereka yang kurang daripada paras kemiskinan hendaklah diberi sebanyak RM500 lebih bagi setiap seorang dan perlu dipercepatkan oleh pihak JPA.

Mengikut pengetahuan saya, Kementerian Pertahanan telah majukan perkara ini kepada JPA tetapi belum diselaraskan lagi. Ini kita minta untuk bekas-bekas tentera kerana bekas-bekas tentera ini maklum sahajalah masa mudanya telah diambil untuk berkhidmat untuk negara. Apabila umur sudah tua sedikit, susah mendapat pekerjaan untuk menyara hidup dan mereka ini sudah tua, sakit dan sebagainya. Hanya sekarang ini ada persatuan, kita ada bagi sumbangan RM100

sebulan dan sebagainya, ada berbagai-bagai cara untuk membantu mereka-mereka yang kurang upaya dan sebagainya. Dengan adanya penajaan pencen di masa akan datang, insya Allah bekas-bekas tentera kita ramai sedikit yang mendapat kepentingan itu. Jadi kalau sekiranya perkara ini dilaksanakan seberapa segera, sangatlah baik sekali.

Begitu juga saya harapkan kepada Kementerian Pertahanan mengkaji semula berkenaan dengan sagu hati kepada bekas-bekas tentera yang berkhidmat semasa darurat dahulu. Ini pun kita bukan kata hendak bangkitkan balik tetapi supaya jasa mereka ini dikenang kerana mereka tidak ada pencen dan sebagainya seperti POS 136. POS 136 ini berkhidmat ketika mula-mula ditubuhkan termasuklah Tun Abdul Razak, dahulu juga dari POS 136.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dato' Haji Muhammad Haji Abdul Ghani: Tidak, sudah habis.

Datuk Long bin Jidin: Seminit lagi.

Dato' Haji Muhammad Haji Abdul Ghani: Oh seminit lagi. Jadi dengan itu saya haraplah supaya perkara ini dikaji balik kerana ramai bekas-bekas tentera yang merungut di belakang. Saya tolong sampaikan sahaja, pencen pun saya tidak ada, apa pun tidak ada, hanya tolong membantu menyampaikan supaya semua bekas tentera rasa kepuasan. Ia bukan kata iri hati atau dengki atau apa-apa. Kalau tengok orang lain yang dapat itu, rasa hendak juga mendapatkannya. Macam kitalah, kalau Dewan naik elaun secara tidak langsung, kita hendak juga elaun itu naik. Jadi kalau polis boleh diberi sebanyak RM1,000 seorang, kenapa bekas-bekas tentera tidak boleh diberi?. Ini persoalannya. Kita tidak hendak kalau hendak beri walaupun sedikit tetapi tetap kena beri juga kepada bekas-bekas tentera.

Dengan cara ini maka tujuan saya juga supaya memberi rangsangan kepada anak-anak muda dan keturunan-keturunan bekas tentera. Dan kita hendak adakan promosi atau menarik generasi muda untuk menyertai pasukan keselamatan oleh bekas-bekas tentera itu sendiri. Kalau hendak mengharap anak-anak korporat, anak-anak menteri tidak mungkin menyertai pasukan keselamatan. Itulah sahaja dan dengan itu saya sokong sepenuhnya untuk diteruskan atau meluluskan Rang Undang-undang.....

Datuk Long bin Jidin: Panglima Gagah Berani

Dato' Haji Muhammad Haji Abdul Ghani: Panglima Gagah Berani dan SP bersama-sama. Mudah-mudahan banyak lagi elaun akan diberi kepada bekas-bekas tentera dan tentera yang sedang berkhidmat untuk negara. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, ada Yang Berhormat lain? Sila Dato' Dr. Chin kalau boleh pendek-pendekkan.

12.06 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, saya hanya ada satu perkara yang ingin saya bangkitkan. Pada keseluruhannya saya juga menyokong pemberian elaun kenangan itu tetapi saya hanya menyentuh tentang Seksyen 4 iaitu pemberhentian pemberian elaun kenangan. Semua telah berucap tentang bagaimana baiknya diberi, tetapi di dalam Seksyen 4 (1)(b) ini ada disebutkan bahawa kalau penerima itu disabitkan kesalahan oleh mahkamah di dalam persekutuan dan dikenakan hukuman mati ataupun dipenjarakan maka dengan secara automatik, itu akan mengakibatkan pemberhentian pemberian elaun kenangan itu. Jadi oleh kerana orang-orang yang menerima PGB ini adalah contoh atau teladan kepada masyarakat, apabila mereka melakukan kesalahan, patutlah dihentikan elaun yang diberikan kepada mereka itu. Tetapi saya hanya hendak tanya kenapa kesalahan yang dilakukan di dalam persekutuan sahaja yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah? Dalam persekutuan sahaja dikenakan penarikan elaun ini? Kalau askar ini menyertai, katakan askar Taliban, menyertai di Afghanistan melawan di tempat itu, menjadi seorang *mercenary* dan kemudian dihukum mati oleh mahkamah di sana, kenapa itu juga tidak dianggap sebagai satu kesalahan yang serius kerana ia akan memburukkan nama dan imej PGB ini? Bagi saya itu adalah satu yang harus kita tegaskan. Jadi lebih baik kalau jangan dihadkan untuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan di Malaysia dan didapati salah oleh mahkamah dalam persekutuan. Adalah lebih baik dipanjangkan kepada semua kesalahan.

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya cuma hendak pandangan Dato' Dr. Chin tentang masalah mahkamah Persekutuan ini, saya bersetuju dengan beberapa pandangan Dato' tadi. Cuma kalau kita berikan luar daripada Mahkamah Persekutuan sebagai contoh juga kita masukkan, mungkin ia melibatkan perkara-perkara sabotaj kepada Datuk Panglima Gagah kita yang terlibat di luar negara. Jadi in mungkin menyebabkan kementerian memikirkan kalau kita rasa ada masalah di luar negara, kita boleh ambil masalah itu dan dihukumkan di sini sebagai *treason*

sebagai contohnya dan itu kita boleh ambil melalui mahkamah persekutuan. Ini mungkin pada pandangan saya, saya hendak tanya Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih lah atas pertanyaan itu Ahli Yang Berhormat Dato' Hamzah.

Pada pandangan saya kalau seseorang itu telah diberi anugerah ini dan kemudian mendapat elaun, kalau ia melakukan sesuatu kesalahan khususnya kesalahan terhadap manusia di mana-mana tempat, bagi saya itu adalah satu kesalahan – a crime against humanity - dengan izin, iaitu satu kesalahan yang begitu serius dan kalau dihukum mati di mana-mana mahkamah, itu harus diambil kira.

Jadi pada pendapat saya kita tidak boleh bezakan, lebih baik kalau itu diambil kira kerana apa yang disebutkan ini kalau dikenakan hukuman mati ataupun dipenjarakan. Itulah aspeknya.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mansor Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh berkenaan dengan rang undang-undang ini tetapi di samping itu apa yang ingin saya katakan ialah, untuk mendapat pingat ini seseorang itu menjadi wira atau dalam Bahasa Inggerisnya – dengan izin - a hero. Ini satu perkara yang amat besar bagi beliau, bagi orang yang menerima dan bagi negara. Apa yang ingin saya cadangkan di sini ialah barangkali boleh diwujudkan satu dataran yang dikatakan tadi atau kita katakan dengan izin, "hall of fame" kerana mereka itu adalah sebagai wira atau hero negara akan diabadikan jasa-jasa mereka itu seratus tahun lagi, dua ratus tahun lagi atau tiga ratus tahun lagi. Dan jangan pada ketika itu kita tidak ada mempunyai sejarah ini. Kita ambil contohnya seperti Leftenan Adnan. Bila ditimbulkan balik cerita Leftenan Adnan, barulah ada orang hendak buat sejarahnya, baru sibuk ketika itu hendak tulis, barulah hendak cari bahan-bahannya, entah betul atau tidak, kita pun tidak tahu.

Jadi dalam hal ini kita tidak mahu ini berlaku lagi. Seratus tahun lagi, kalau misalnya ada seorang mendapat SP - Datuk Muhammad Ghani, misal namanya - seratus tahun lagi tidak payah buat kajian atas Datuk Abdul Ghani, semua sudah ada di satu bangunan atau di mana yang kita katakan "hall of fame". Jadi apa yang ingin saya cadangkan di sini perkara orang yang menerima SP atau PGB ini bukan satu

perkara yang main-main. Ini perkara yang terpilih daripada yang terpilih. Maka itu saya ingin mencadangkan selain daripada elaun-elaun kenangan yang mereka terima ini, mereka juga mesti diberikan satu pengiktirafan yang tinggi sehingga seratus tahun lagi atau seribu tahun lagi, benda ini diabadikan.

Jadi saya ingin menyatakan begitu untuk pihak kementerian memikirkannya kerana dalam hal ini barangkali bukan setakat tentera sahaja, barangkali polis pun layak menerimanya. Jadi saya suarakan. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih. Yang Berhormat menteri, silakan.

12.14 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil minat dalam perbahasan rang undang-undang ini dan beberapa perkara yang saya agak sama dan di antaranya berlainan yang telah dibangkitkan dan saya bagi pihak kementerian dan kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan menyokong tinggi tentang langkah kerajaan yang telah dilaksanakan sehingga rang undang-undang ini dibentangkan dan insya-Allah akan diluluskan sekejap lagi.

Yang Berhormat Dato' Senator Ghazi telah membangkitkan beberapa perkara. Beliau telah membangkitkan lima perkara. Yang pertama, mengenai dengan jasa pahlawan yang telah banyak berkorban dan bagaimana rasa penghargaan beliau telah nyatakan tentang tentera kepada anak-anak mereka yang masih hidup. Apakah kesudahannya mereka ini akan mendapat penghidupan yang agak selesa.

Di sini, tidak bererti bilamana Allahyarham ayahanda contohnya ataupun bapa kepada pejuang-pejuang ini telah meninggal dunia, maka mereka akan diketepikan. Kita akan ambil perhatian yang amat berat sekali kepada anak-anak dan juga balu-balu bekas-bekas perajurit ini sehingga pada hari ini, kita memberi pelbagai bantuan, kita berikan kepada pejuang-pejuang termasuklah contohnya, biasiswa dan juga bantuan-bantuan perubatan ataupun bantuan kewangan. Bilamana kita rasa terpanggil untuk keadaan mereka agak terdesak dan setelah kita kenal pasti mereka memerlukan bantuan maka kita akan bantu. Begitu juga dengan

Yang Berhormat Datuk Ghazi telah membangkitkan tentang bagaimana akan perbandingan taraf darjat di antara Tun dengan Tan Sri.

Dalam segi protokolnya, oleh kerana pingat ini tidak membawa gelaran Tun dan Tan Sri, maka ianya tidak akan mendapat satu ruang keutamaan bila ada majlis-majlis. Cuma, dua majlis sahaja di mana kita beri keutamaan yang sering bila berlaku. Yang pertama, di majlis istana, bila diadakan maka pihak protokol akan memberi keutamaan. Yang kedua, majlis ahli pahlawan dan majlis ahli pahlawan ini, mereka akan ke depan kerana di sinilah, kita akan meraikan bekas-bekas pahlawan dan mereka adalah tergolong daripada manusia, rakyat negara ini yang telah berani mengorbankan nyawa mereka untuk nama baik dan juga masa depan bangsa dan negara kita.

Maka dengan itu, kita mengambil perhatian tentang apa yang telah dibangkitkan begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat rakan-rakan yang lain telah membangkitkan adakah bercadang, contohnya kita akan seperti Dato' Hamzah dan Datuk Ghani supaya di masa yang mendatang diberi gelaran. Insya-Allah, pandangan Yang Berhormat dan juga rakan-rakan yang lain, kita akan ambil perhatian. Cadangan itu cukup baik di mana kita akan tetapkan. Walaupun demikian, pada setakat ini seperti yang saya sebutkan, walaupun dua majlis itu adalah merupakan majlis di mana kita akan memberi perhatian yang amat berat sekali, tidak bererti bahawa di majlis-majlis yang lain, mereka tidak akan mendapat wang dan tempat. Kita sudah pun menyatakan perkara ini kepada pihak Jabatan Protokol di Jabatan Perdana Menteri agar susunan yang membolehkan mereka, tempat-tempat yang agak sesuai agar rasa penghargaan kita bukan hanya dikira dari segi wang seperti Datuk Muhammad Ghani sebut bahkan juga dari segi kedudukan mereka dan juga sumbangan mereka kepada negara dan bangsa.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga telah menyebutkan tentang bilangan mempersoalkan berapakah bilangan? Setakat ini, kita telah menggunakan PGB seramai 96 orang dan 80 orang masih hidup dan 12 orang telah meninggal dunia. Di antaranya ialah 20 orang polis dan 76 orang tentera dan dia melibatkan jumlah tunggakan wang yang kita akan berikan dalam lingkungan RM5,070,600. Bagi SP, ada 26 orang dan 11 orang masih hidup dan yang lain sudah pun meninggal dunia. Di antaranya ialah anggota polis - 15 orang dan tentera - 10 orang dan ia melibatkan pembayaran kelak ialah sebanyak RM4,200,000. Nama-nama mereka ada tertera dalam senarai. Kalau Yang Berhormat hendakkan, saya akan berikan kepada Yang

Berhormat untuk mungkin buat kajian ataupun membuat penulisan kerana saya tahu Yang Berhormat mempunyai minat yang agak mendalam sedikit dalam perkara ini.

Dan yang kelima, Yang Berhormat telah membangkitkan bagaimana juga kita dapat memanfaatkan tentang disiplin di kalangan anak-anak sekolah supaya ibu dan pengalaman yang sedia ada di kalangan bekas tentera ini ataupun polis dapat dimanfaatkan oleh generasi anak-anak kita.

Pada hari ini, kita mempunyai hampir sembilan kadet dan juga pelapis-pelapis di peringkat institusi pengajian tinggi. Kita galakkan di semua peringkat, bukan hanya di peringkat universiti bahkan di peringkat sekolah menengah agar ditubuhkan pelapis ataupun kadet supaya nilai-nilai disiplin di kalangan anak-anak ini kita akan dapat dedahkan. Di samping itu, kita juga difahamkan kerajaan telah mengambil langkah di mana pesara-pesara polis contohnya, akan dilantik menjadi sebahagian daripada pegawai perhubungan di setiap sekolah-sekolah untuk membolehkan supaya dalam konteks disiplin, kalau ada bangkit perkara ini, maka mereka, pengalaman mereka boleh dimanfaatkan oleh para guru dan kakitangan yang memerlukan bantuan daripada mereka. Tetapi, dalam konteks seperti yang saya sebutkan, kadet tadi, telah banyak membawa manfaat kepada mendorong anak-anak ini terlibat dalam kegiatan yang baik dan mendisiplinkan cara peradaban mereka.

Ini kita dapat lihat bukan hanya mereka bilamana kelak keluar daripada institut pengajian itu, mereka mempunyai personaliti yang agak baik dan di samping itu, ada di antara mereka juga terpanggil untuk hendak berkhidmat menjadi pasukan tentera dan mereka saya lihat pada hari ini, ada yang memegang jawatan yang tinggi sehingga ke peringkat Brig. General ataupun full Colonel, oleh kerana mereka daripada bangku sekolah, selepas itu lepasan sekolah, mereka akan memasuki pasukan tentera dan pengalaman, kesinambungan dari segi penekanan nilai-nilai disiplin di kalangan mereka adalah menjadi satu dorongan dan juga memberi mereka kelebihan daripada perkhidmatan yang cemerlang berbanding dengan yang lain, bilamana tidak didedahkan di peringkat awal dan insya-Allah, kita di pihak kementerian tidak akan putus-putus untuk memberi bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan pengalaman yang agak luas bagi kita dalam konteks disiplin agar dapat dimanfaatkan oleh generasi negara kita.

Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri membangkitkan tentang pembahagian-pembahagian elaun ini dan sukar saya nyatakan di sini bahawa elaun kenangan

bukanlah pusaka. Jumlah wang RM15,000 yang dibayar kepada waris tadi, dikira sebagai amaun kenangan. Oleh itu, pembahagiannya kepada waris tadi, tidak sama dengan pembahagian pusaka. Kadar pembahagian kepada waris tadi yang layak akan ditentukan oleh Perdana Menteri di bawah Fasal 7, rang undang-undang ini.

Walaupun demikian, kita di peringkat kementerian akan mengambil pelbagai perhatian di peringkat contohnya, menjadi angkatan tentera yang mana kita hadir setiap bulan ataupun sekali dalam dua bulan, kita adakan mesyuarat. Kita akan berbincangkan pelbagai perkara dan melibatkan perkara-perkara ini, contohnya kalau sekiranya ada didapati bahawa kita perlu untuk mengambil perundangan Islam faraie', kita akan gunakan semata-mata menjadi panduan untuk kita membahagikan, mengagihkan agar sebaik mungkin penerimanya ialah penerima yang berhak untuk menerima.

Maka dengan itu, kita galakkan dalam perkhidmatan tentera ini, janganlah banyakan isteri sangat supaya memudahkan bukan hanya kehidupan dia selaku seorang suami bahkan juga kelak kita selaku pengurus manusia di peringkat kementerian akan dapat dipermudahkan nanti pula, bila dia masa hidup dia pelbagai masalah, bila dia mati, masalah dia sambung dekat kita, itu yang menjadi masalah bagi kita. Maka dengan itu, kita berharap pada setiap ketika di peringkat agama kita, seorang ustaz yang berpangkat Jeneral, yang mempunyai kepakaran dalam konteks agama bila melibatkan tentera yang ada hubung kait dalam konteks pembahagian-pembahagian ini ataupun permasalahan pilihan keluarga, kita telah mengambil kira, tidak akan ada peninggalan dari segi cara perjalanan yang tidak .sah, insya-Allah. Cuma, kita boleh nyatakan bahawa kita adalah manusia biasa. Kemungkinan ada kesilapan dalam pembahagian ini, bukanlah kita seorang malaikat. Walaupun demikian, kita berusaha sedaya yang mampu untuk membolehkan agar pembahagian ini akan dapat dicapai sebaik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Muhammad Ghani telah banyak menimbulkan beberapa perkara termasuk teknologi dan berbagai-bagai. Pandangan beliau cukup baik dan kita memang sedia maklum tentang contohnya dari segi konteks perumahan pun, kita ada peruntukan terdiri daripada sebilion ringgit dan hari ini kita tengah membina beberapa buah rumah di Lembah Klang yang menelan belanja lebih daripada sebilion untuk memastikan agar keselesaan pasukan tentera. Di samping itu, elaun-elaun yang sering kita bawa ke peringkat Kabinet, ke peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk mendapat kelulusan. Di samping itu, kita

mengadakan pelbagai insentif, galakan agar generasi yang mendatang ini akan terpenggil untuk menyambut seruan untuk ingin mempertahankan negara kita.

Pada hari ini, saya cukup gembira di ketiga-tiga perkhidmatan. Contohnya, di peringkat laut dan di peringkat udara. Banyak di antara anak-anak kita, bila kita mengadakan *interview*, kadang-kadang jawatan hanya kita adakan dalam lingkungan 300, yang datang hendak masuk *interview*, dalam 1000. Begitu juga termasuk kemungkinan di peringkat darat, saya akui sedikit ada permasalahan di peringkat awal. Alhamdulillah, pada hari ini, peratusan dia sudah meningkat. Saya, pada minggu yang sudah, balik ke kawasan pun, sehingga ada anak-anak agak ramai yang mempunyai kelulusan, *graduate*, yang minat hendak masuk dalam pasukan tentera darat. Ini adalah satu usaha dan niat yang baik daripada rakyat Malaysia, generasi muda khususnya untuk ingin melibatkan diri dalam mempertahankan negara kita.

Kita tidak akan putus-putus untuk menggalakkan dan kita akan menggunakan contohnya Jabatan Hal-Ehwal Veteran termasuk Yang Berhormat Dato' Muhammad punya badan pun, Persatuan Bekas Tentera untuk menjadi pelopor dalam menggalakkan, penyebar, pendorong kepada anak-anak untuk menggalakkan diri mereka berkhidmat dalam pasukan ketenteraan. Ini kerana, kita tahu bahawa pasukan ini amat penting kepada sebuah negara, apatah lagi bila negara itu semakin maju dan semakin terancam dan sudah pasti akan memerlukan sistem pertahanan yang agak baik dan sistem peralatan tidak mencukupi bilangan manusia diperlukan.

Bilangan manusia bukan hanya bilangan menjadi keutamaan tetapi bilangan yang mempunyai komitmen dan mempunyai iltizam dan kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan sebaik mungkin. Maka, dengan itu kita merangkumi pelbagai perkara. Contohnya, kita libatkan elaun. Yang Berhormat Dato' Muhammad Ghani juga menjadi pendekatan kita dan begitu juga dengan apa yang dibangkitkan oleh Dato' Hamzah tadi. Yang kita tahu bahawa RM15,000 ini adalah perkara yang kecil, yang tidak begitu besar, yang sudah meninggal dunia. Yang masih hidup kadang-kadang, kalau kita melihat undang-undang ini bilamana diluluskan mulai berkuat kuasa tahun 1983, ada di antara mereka yang akan menerima RM66,000, ada yang menerima sehingga ke-RM70,000 dan insya-Allah, ini akan memberi banyak manfaat kepada generasi ataupun mereka yang masih hidup ataupun keluarga yang akan menerima bantuan ini hasil daripada perjuangan mereka. Tidak bererti bahawa hanya setakat RM15,000 sahaja.

Di samping itu, daripada RM15,000, banyak seperti yang saya sebutkan di antara anak-anak bekas perajurit, bekas pahlawan ini yang mempunyai pingat. Dia masuk ke Affin Bank, dia masuk ke anak-anak syarikat di mana kita mempunyai pelaburan, kita memberi penekanan kepada agensi-agensi di bawah kementerian untuk memastikan agar keutamaan kepada anak-anak bekas tentera dan bekas perajurit yang telah berkorban untuk negara yang telah diiktiraf oleh kerajaan agar ditempatkan bilamana mempunyai kelulusan, kelayakan, mereka akan duduk sebagai seorang pegawai atau seorang pekerja di dalam agensi-agensi di bawah kementerian supaya diberi keutamaan dan ini telah banyak membuah hasil.

Di samping itu, kita memberi bantuan. Contohnya dari segi kewangan untuk mereka berniaga, tidak bukan hanya setakat RM15,000 sahaja. Mungkin ini adalah sebahagian daripada usaha yang murni kerajaan yang berwajib dan bertanggungjawab untuk ingin melihat agar mereka yang telah banyak berkorban untuk negara akan sedikit sebanyak dapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin membangkitkan tentang hukuman. Jika hukuman mati dikenakan oleh mahkamah asing, maka elaun boleh diberhentikan atas alasan Perkara 4(1). Perkara 4(1) yang saya sebutkan tadi iaitu pemberian elaun kenangan hendaklah dihentikan apabila penerima itu mati. Jadi, maknanya kalau dia mati ke Afghanistan, dihukum mati oleh rang undang-undang itu, kita akan luputkan. Walaupun demikian, manakala bersabit jenayah oleh mahkamah asing, tidak dikira sebagai rekod jenayah di dalam negara kita. Jadi, kita boleh kira bila dia mencuri dekat situ, kita tidak boleh iktiraf. Kadang-kadang pun, bila hendak kahwin di Saudi Arabia pun, dia tidak boleh kira kena kahwin di sini juga, sudah kahwin ke negara-negara lain, kecuali ada pengiktirafan. Itu sebahagian daripada contoh. Ada undang-undang dilanggar, undang-undang yang melibatkan undang-undang negara-negara asing, ia tidak sama dengan undang-undang dalam negara kita kerana kita mempunyai undang-undang yang agak berdasarkan *Common Law*.

Di samping itu, membuat pendekatan dalam konteks Islam juga ada. Maka dengan itu, agak berbeza daripada rang undang-undang yang lain, yang diamalkan oleh negara-negara yang lain. Maka, kita tidak boleh menghukum manusia dalam konteks yang tidak seimbang. Maka, tidak akan ada keadilan. Maka dengan itu, kita tidak boleh guna pakai keadaan seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Mansor dan saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor juga membangkitkan tentang penghargaan beliau dan mereka ini telah banyak berjasa. Atas rekod itu, seperti yang disebutkan Leftenan Adnan dan insya-Allah Yang Berhormat, kita di peringkat kementerian akan mengambil perhatian, saranan dan cadangan, pandangan yang baik daripada Yang Berhormat dan juga rakan-rakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas perhatian yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan usul ini.

Datuk Long bin Jidin: Ya, jemput.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya berhubung dengan kematian ataupun yang memegang pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P). berapakah yang masih hidup pada masa kini – polis berapa, tentera berapa dan awam berapa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi Seri Pahlawan Gagah Perkasa – bilangannya ada 26 orang: 11 orang masih hidup, manakala 15 orang telah meninggal dunia; dan pecahan mengikut perkhidmatan: 15 orang polis, 10 orang tentera dan 1 orang awam. Dan pecahan kaum pun ada.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tentera yang masih hidup berapa?

Datuk Long bin Jidin: Kemudian. Di luar Dewan nanti boleh dapat maklumat lebih terperinci.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain dan insya Allah mudah-mudahan perkara ini akan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang berhak untuknya. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin : Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SERI PAHLAWAN GAGAH PERKASA
(ELAUN KENANGAN) (PINDAAN) 2001**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.36 tgh.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 perlu dibuat selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 20 Jun 2001 bahawa elaun kenangan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dinaikkan daripada RM200 kepada RM400 setiap bulan seumur hidup berkuat kuasa mulai bulan Jun 1983. Selaras dengan itu satu Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 2001 diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa merupakan darjah kebesaran jenis gagah berani yang tertinggi sekali mengikut susunan kekananan anugerah-anugerah Persekutuan. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada siapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi musuh. Kebanyakan penerima darjah ini adalah terdiri daripada anggota pasukan keselamatan yang telah mencurahkan jasa bakti mereka menjaga keselamatan negara daripada ancaman Parti Komunis Malaya. Bagi anggota pasukan keselamatan, pengurniaan darjah kebesaran merupakan penghormatan yang tertinggi sekali. Penerima-penerima darjah kebesaran ini adalah pahlawan-pahlawan negara yang telah mencurahkan jasa dan bakti yang tidak ternilai sumbangannya. Mereka mempertaruhkan nyawa menghadapi musuh dengan penuh taat setia demi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta 439 – Akta Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990, penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa telah diberi elaun kenangan sebanyak RM200 sebulan seumur hidup kepada

penerima yang masih hidup atau sebanyak RM20,000 sekali sahaja kepada waris penerima yang penganugerahan dibuat secara *posthumous*. Pemberian elaun ini telah mula dikuatkuasakan mulai bulan Jun 1983.

Dalam hubungan ini, kadar elaun kenangan yang diberikan kepada penerima - penerima darjah kebesaran ini difikirkan wajar dinaikkan daripada RM200 kepada RM400 sebulan bagi penerima yang masih hidup memandangkan kepada kenaikan kos saraan hidup masa kini. Di samping itu, kadar RM400 sebulan ini adalah selaras dengan kedudukan taraf darjah kebesaran itu sendiri yang lebih tinggi daripada Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa yang diberi elaun kenangan RM300 sebulan. Peruntukan utama rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
- (ii) Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 3(iii) Akta 439 bagi mengadakan peruntukan yang menaikkan amaun elaun kenangan daripada RM200 sebulan kepada RM400 sebulan.
- (iii) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 439 bagi memasukkan subseksyen baru 1(A) yang memperjelas bila pemberhentian pembayaran elaun bermula sekiranya berlaku apa-apa hal keadaan yang diperuntukkan dalam seksyen itu.
- (iv) Fasal 4 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penerima darjah kebesaran yang telah menerima apa-apa amaun elaun kenangan di bawah Akta 439 sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan ini adalah berhak untuk dibayar perbezaan antara amaun elaun kenangan sekarang iaitu sebanyak RM200 sebulan dengan amaun elaun yang dinaikkan kepada RM400 sebulan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 2 Akta yang dicadangkan ini.
- (v) Fasal 5 bertujuan untuk memperkatakan bahawa jika penerima darjah kebesaran sudah meninggal dunia pada tarikh kenaikan elaun ini berkuat kuasa maka warisnya

akan menerima perbezaan antara amaun elaun kenangan sekarang dengan amaun kenangan yang dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Datuk Long bin Jidin : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.41 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sokongan saya kepada pindaan kepada Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) itu. Saya hanya ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan kerana pada keseluruhannya apabila kita bahaskan rang undang-undang tadi, kita telah membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dan juga sama. Hanya di bawah Fasal 4(2)(b) ada disebutkan amaun yang kena dibayar adalah dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu perbezaan di antara RM200 dengan RM400 seperti yang dicadangkan.

Jadi, saya ingin memberi cadangan saya supaya perbezaan yang kena dibayar itu harus dibayar dengan wang tunai. Jangan gunakan cara-cara lain. Saya tidak tahulah apa pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan cara pembayaran ini. Pada pendapat saya adalah lebih sesuai kalau mereka ini dibayar dengan wang tunai. Saya tidak tahulah sama ada apa yang disebutkan dalam Fasal 4(2)(b) ini cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beliau bercadang hendak bagi rumah sebagai ganti wang ataupun bagi *share*, saham dan sebagainya, saya tidak tahulah apa cara itu.

Jadi saya cadangkan adalah lebih baik kalau kita memberikan mereka itu dalam bentuk wang memandangkan bilangan mereka ini begitu sedikit sahaja dan adalah lebih baik kalau mereka mendapat sedikit kemudahan menggunakan wang tunai itu. Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan saya kepada pindaan ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat? Tidak ada? Tidak ada ya? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Chin Fook Weng yang telah membangkitkan tentang perkara Fasal 4(b) dan ini berhubung kait dengan Perkara 4(2)(b) yang mana bila perbezaan antara amaun, *is not in kind but the system*, dengan izin, bila ada perbezaan, contohnya perkiraannya, dan insya-Allah kebiasaannya kita akan membayar secara tunai kepada penerima-penerimanya, tetapi bila mana ada perbezaan antara jumlahnya di antara RM200 dengan RM400 kadang-kadang timbul beberapa perkara.

Maka perhitungan ini perlu dibuat dan seorang kena membuatnya, dan kita telah putuskan dalam rang undang-undang ini bahawa pembayaran tu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya yakin bahawa ini adalah merupakan cara yang terbaik untuk memungkinkan pihak penerima kelak akan mendapat manfaat daripada pemberian ini. Saya harap saya dapat menjelaskan perkara ini sejelas mungkin kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, dan sekiranya tidak jelas kita akan berbincang di luar Dewan ini untuk saya lebih memperjelaskan lagi secara mendalam kepada Yang Berhormat. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin : Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Long bin Jidin **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2001**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.46 tgh.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan dan Akta Setem 1949 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2001 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949. Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2002 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang telah dibuat yang mana memerlukan pindaan kepada akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang. Rang undang-undang ini mempunyai 21 fasal yang dibahagikan kepada empat bab seperti berikut:-

Bab I - Permulaan.

Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:-

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2001 dan Fasal 2 pula menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543] dan Akta Setem 1949 – [Akta 378].

Bab II - Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab II pula terdiri daripada 8 fasal iaitu Fasal 3 hingga Fasal 10 yang bertujuan untuk meminda Akta 53 seperti berikut:-

Fasal 3 adalah bagi menyatakan tarikh berkuatkuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta 53. Kesemua pindaan kepada akta ini adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2002 dan tahun-tahun taksiran berikutnya, kecuali fasal-fasal berikut:-

Fasal 6 berkuatkuasanya akta ini Fasal 8(c) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000 dan tahun taksiran 2000 berhubung dengan tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2000 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 8(k) berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran berikutnya dan Fasal 10(d) berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1998 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 adalah mengenai pindaan kepada seksyen 34 [Akta 53] yang bertujuan untuk memberi potongan bagi maksud cukai pendapatan ke atas perbelanjaan menyediakan latihan amali kepada bukan kakitangan. Langkah ini diharap dapat menggalakkan syarikat menyediakan latihan amali terutamanya di dalam latihan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perniagaan dan diceburinya kepada bukan kakitangan untuk meningkatkan penawaran tenaga manusia yang berkemahiran tinggi.

Fasal 5 adalah pindaan kepada seksyen 39 [Akta 53] yang bertujuan untuk:

- (a) membatalkan hak potongan atas bonus yang diberikan kepada pekerja; dan
- (b) menaikkan amaun bayaran sewa pajak yang dibenarkan sebagai potongan cukai daripada sehingga RM50,000 kepada sehingga RM100,000.

Langkah ini diambil untuk membuat penyelarasan dengan kenaikan amaun, elaun modal ke atas kenderaan bermotor persendirian kepada RM100,000 seperti mana diumumkan dalam Belanjawan 2001 tertakluk kepada syarikat kenderaan adalah baru dan berharga tidak melebihi RM150,000.

Fasal 6 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 75 [Akta 53] untuk mengecualikan pemakaian mana-mana undang-undang bertulis lain ke atas orang yang bertanggungjawab mengendalikan syarikat seperti pengarah dan pengurus. Dengan ini Seksyen 75 akan mengatasi peruntukan undang-undang lain umpamanya Akta syarikat 1965 yang memperuntukkan sesebuah syarikat adalah entity berasingan daripada mereka yang bertanggungjawab mengendalikan syarikat. Ini akan membolehkan semua perbuatan atau perkara yang perlu dilakukan bagi tujuan akta ini termasuk pembayaran cukai dapat dikuatkuasakan.

Fasal 7 adalah pindaan kepada :

- (a) Perenggan 1 Bahagian 1 Jadual 1 [Akta 53] mengenai kadar cukai pendapatan individu pemastautin yang diturunkan

antara 1 dan 2 mata peratusan kadar cukai maksimum diturunkan dari 29% kepada 28% dan pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM150,000 kepada melebihi RM250,000

- (b) Perenggan 1(a) bahagian 1 Jadual 1 kepada [Akta 53] mengenai penurunan kadar cukai individu bukan bermastautin daripada 29% kepada 28%; dan
- (c) Bahagian 4 Jadual 1 kepada [Akta 53] mengenai penurunan kadar cukai koperasi sebanyak 1% bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai. Ini menjadikan kadar cukai maksimum bagi kumpulan pendapatan bercukai yang melebihi RM500,000 diturunkan daripada 29% kepada 28%.

Fasal 8 meminda Jadual 3 [Akta 53] di mana perenggan baru 3A diwujudkan. Ini bertujuan untuk membolehkan bangunan yang dibeli menuntut elaun permulaan bangunan industri sebanyak 10%. Kadar tahunan yang sedia ada sebanyak 2% dinaikkan kepada 3%. Peruntukan elaun bangunan industri juga diperluaskan kepada hotel, lapangan terbang dan litar lumba kenderaan bermotor.

Fasal 9 adalah untuk meminda Jadual 3 [Akta 53] dengan tujuan mewujudkan peruntukan khas untuk membolehkan mana-mana pihak yang sedang menuntut elaun bangunan industri untuk terus menuntutnya berdasarkan formula yang dipakai pada masa lepas sekiranya ia memberi lebih faedah berbanding dengan kadar baru yang dicadangkan.

Fasal 10 adalah untuk meminda Jadual 7A di mana perenggan baru 1B diwujudkan. Ini bertujuan untuk menetapkan amaun perbelanjaan modal yang disifatkan dilakukan oleh pemeroleh supaya persamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang telah dilakukan oleh pelupus untuk mengelakkan syarikat daripada mengambil manfaat yang tidak sewajarnya terhadap galakan elaun pelaburan semula. Peruntukan ini juga melanjutkan tempoh insentif elaun pelaburan semula daripada 5 tahun kepada 15 tahun.

Bab III – pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543]

Bab III terdiri daripada 5 fasal iaitu Fasal 11 hingga 15 bertujuan untuk meminda Akta 543 bagi menyelaraskan akta ini dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan dengan latihan amali, bonus, sewa

pajak, elaun permulaan bagi bangunan yang dibeli dan elaun tahunan bagi bangunan yang dibeli mulai tahun taksiran 2002 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Bab IV pindaan kepada Akta Setem 1949 [Akta 378].

Bab IV terdiri daripada 6 fasal iaitu Fasal 16 hingga 21 yang bertujuan untuk meminda Akta 378 seperti berikut:-

Fasal 16 adalah bagi menyatakan tarikh berkuatkuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta 378. Kesemua pindaan kepada akta ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 17 hingga 21 bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran .. Fasal 17 adalah pindaan bagi memindahkan kuasa Menteri Kewangan kepada pemungut untuk membuat audit ke atas cek nota kontrak dan polisi insurans. Ini adalah untuk menyelaraskan dengan kuasa meluluskan pembayaran duti setem ke atas dokumen tersebut yang telah dipindahkan kepada pemungut.

Fasal 18 meminda akta ini bagi mewujudkan prosedur membuat rayuan kepada pemungut untuk menyemak semula duti setem. Fasal 19 adalah pindaan berbangkit daripada pindaan di Fasal 18. Fasal 20 adalah untuk meminda Seksyen 47A(2) bagi memindahkan kuasa mengurang atau meremitkan apa-apa penalti yang dikenakan daripada Menteri Kewangan kepada Pemungut.

Fasal 21 adalah untuk meminda Butiran 27(d) dan 32(c) Jadual 1 Akta 378. Peruntukan ini bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan yang sedia ada supaya selaras dengan perundangan berkaitan dengan Institusi Perbankan dan Kewangan kerana semasa Akta 378 digubal Institusi Perbankan dan Kewangan belum lagi dikawal oleh Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 atau di bawah Akta Bank Islam 1983. Atas sebab itu peruntukan yang sedia ada menetapkan Institusi Perbankan dan Kewangan perlu mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan untuk membolehkan penyeteman apabila pindaan ini dikuatkuasakan kelulusan Menteri Kewangan tidak lagi diperlukan untuk maksud penyeteman dengan itu urusan penyeteman dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Long bin Jidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama satu akta yang meminda Akta Cukai

Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Dr Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat sambung pukul 2.30 petang nanti.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Boleh, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana jam kita tepat pukul 1.00, saya tangguhkan Mesyuarat Dewan ini sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyambung ucapannya.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya juga ingin menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang Kewangan 2001 itu. Saya difahamkan kebanyakan daripada pindaan ialah akibat daripada kelulusan Rang Undang-undang Pebekalan tahun 2002.

Jadi, perkara-perkara yang kita telah bahaskan semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 itu tidak payahlah saya sentuh sekali lagi. Hanya ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Yang pertama ialah berkenaan dengan beberapa pindaan yang dibuat kepada Akta 53 iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967.

Di bawah Seksyen 34 Akta ini, ada diberikan galakan cukai bagi latihan amali kepada mereka yang bukan kakitangan iaitu di dalam cadangan ini ada diperuntukkan bahawa kalau seseorang itu memberi latihan kepada seseorang lagi yang bukan kakitangannya dalam urusan perniagaan itu, maka orang itu berhak mendapat potongan kepada pendapatan kasar.

Jadi, ini adalah satu kebaikan dan saya harap ini juga akan menggalakkan lebih orang memberi latihan sedemikian. Tetapi saya hanya ingin bertanya pada kali ini itu dihadkan kepada latihan perniagaan, dan kalau kita lihat kepada jangka masa yang lebih panjang, maka kita lihat juga di sektor-sektor lain, latihan sedemikian juga

akan membawa kesan yang baik dan akan memberi banyak manfaat kepada mereka yang terdedah kepada latihan-latihan sedemikian.

Jadi, harapan saya ialah kementerian boleh mengkaji sama ada sesuai atau tidak untuk melanjutkan latihan ini kepada sektor-sektor lain khususnya sektor-sektor perkhidmatan kerana dalam belanjawan yang kita bahaskan itu, sektor perkhidmatan menjadi satu sektor yang akan membawa banyak pendapatan kepada Malaysia dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini. Jadi, pihak-pihak yang memberi latihan kepada individu-individu dalam sektor ini juga harus dihargai dan usaha mereka patut disanjung juga oleh kerajaan dengan memberikan pemotongan kepada pendapatan kasar mereka.

Saya harapkan bahawa kemudahan ini akan dipanjangkan kepada sektor selain daripada perniagaan iaitu kepada sektor-sektor perkhidmatan. Katakan seseorang arkitek kalau ia memberi latihan kepada orang yang bukan kakitangannya, maka ia juga berhak. Seorang jurutera pun patut berhak dan seorang peguam pun patut berhak menerima potongan sedemikian. Jadi, saya haraplah itu akan dipanjangkan kepada mereka ini.

Dan pindaan kepada 39(1)H itu di mana dahulu pemotongan untuk pemberian bonus hanya dihadkan kepada dua bulan gaji setahun, sekarang sudah tidak ada had, jadi kalau seseorang itu menerima lapan bulan bonus, maka semuanya boleh dipotong daripada pendapatan firma itu.

Saya harap dengan memberikan insentif ini, lebih orang akan meningkatkan produktiviti mereka demi mendapat satu perkembangan business kepada syarikat-syarikat mereka. Pakej ganjaran ini pada pendapat saya sangat menarik dan saya harap dengan adanya satu kemudahan semacam ini maka lebih orang akan diberi insentif.

Tetapi tidak ada baiknya kalau ada peruntukan ini tetapi pihak-pihak tidak menggunakannya. Dalam keadaan yang tidak begitu baik ini mungkin tidak ada orang yang akan memberi bonus yang begitu tinggi dan saya harap kemudahan ini bukan dihadkan kepada masa sekarang tetapi akan juga dipanjangkan semasa ekonomi itu baik. Itu yang lebih penting kerana pada masa ini kalau kita memberikan katakana seseorang menerima lapan bulan bonus, semua itu boleh dapat potongan daripada firma, tetapi berapa orang yang akan menerima bonus sedemikian. Kalau kita menerima setengah bulan, kita sudah bernasib baik, dan kalau kita tidak kehilangan kerja, itu sudah bernasib baik.

Jadi, kemudahan semacam ini tidak boleh dinikmati dalam keadaan sekarang dan saya harap ini akan dipanjangkan kepada masa-masa yang baik, bukan pada masa di mana mungkin sebilangan kecil sahaja yang akan memberi kemudahan ini.

Berkenaan dengan Fasal 10 iaitu pindaan kepada Jadual 7A, saya sangat mengalu-alukan ini kerana ini adalah satu perenggan baru 1B yang dicadangkan di mana ada peruntukan mengelak cukai bagi mencegah sebuah syarikat daripada mengambil manfaat yang tidak wajar terhadap permohonan bagi akaun pelaburan semula. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas sekiranya ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan ini untuk menipu dan untuk mendapat apa kemudahan yang tidak harus diberi kepada mereka. Kalau kita tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap perkara ini, maka banyaklah pihak yang akan mengambil kesempatan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang tidak harus dinikmati oleh mereka.

Dalam pindaan kepada Jadual 7A ini juga ada diperuntukkan bahawa untuk elaun pelaburan semula sekarang, dari lima tahun dicadangkan dinaikkan ke 15 tahun taksiran. Ini juga ada baiknya dan saya harap bukan kita sebutkan ini sahaja, tetapi kementerian harus mengambil tindakan yang proaktif untuk menggalakkan mereka supaya menggunakan reinvestment allowance ini atau elaun pelaburan semula untuk menyediakan supaya bila ekonomi bertumbuh dengan lebih baik, maka kita sudah bersiap sedia untuk menikmati apa-apa perkembangan yang akan berlaku.

Jadi, saya harap bukan sahaja kita memberikan insentif ini tetapi maklumat itu harus dipanjangkan kepada semua pihak dan mereka digalakkan supaya menggunakan elaun ini untuk melabur semula, demi kebaikan negara pada keseluruhannya.

Tentang pindaan kepada Akta Petroleum itu tidak ada komen kerana ada sedikit pindaan sahaja dan seterusnya pindaan kepada Akta 378 iaitu Akta Setem. Di bawah seksyen baru 38A ini, ada disebutkan bahawa kalau seseorang itu tidak puas hati dengan taksiran yang dibuat oleh pemungut, orang itu boleh membantah taksiran melalui notis bertulis dalam masa 30 hari atau masa yang lebih panjang yang dibenarkan oleh Pemungut.

Selalunya kita kena adakanlah mekanisme di mana mereka yang telah dikenakan cukai tetapi tidak puas hati itu, mesti diberi satu laluan untuk merayu dan sebagainya. Pindaan ini bagi saya amat tepat. Seksyen baru 38A ini adalah sangat

tepat kerana ia akan memberi ruang kepada mereka yang kurang puas hati membuat rayuan dan sebagainya.

Pindaan kepada Seksyen 39 ini membolehkan mereka yang tidak puas hati dengan keputusan pemungut itu supaya merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam masa 21 hari, tetapi peruntukan yang ada di sini ada disebutkan bahawa duit yang dikenakan itu mesti dibayar dahulu sebelum boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

Jadi, di sini kalau kita hendak mengadakan keadilan, mungkin mereka yang dikenakan duit seperti yang diputuskan oleh pemungut itu, kalau mereka dibenarkan membayar duit yang mereka anggap sepatut dibayar oleh mereka, dan kemudian diberi peluang untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi, pada saya itu adalah lebih adil, kerana Mahkamah Tinggi mungkin akan mengambil satu masa yang begitu panjang. Dan kalau itu berlaku, maka tidak ada keadilanlah, kerana pihak itu kena bayar semua dan baru boleh berhak merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Adalah lebih baik kalau ia dibenarkan membayar sebahagian dan kemudian membuat rayuan dan kalau Mahkamah Tinggi memutuskan orang itu patut membayar lebih, maka tambahan itu termasuk faedah boleh dikira. Bagi saya itu adalah lebih adil dan lebih saksama kepada orang yang dikenakan duit tersebut.

Itu sahajalah pendapat saya tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan dan saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi.

2.44 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Kewangan 2001.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyampaikan dengan jelas peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini dan saya turut bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng secara menyeluruh tentang komen-komennya, cuma sedikit sahaja saya hendak membuat ulasan tentang pengkhususan beliau Fasal 4 dalam pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Saya juga melihat kepada Fasal 4 ini dari segi latihan amali di Malaysia yang diberi untuk bidang perniagaan orang itu. Pada saya ini baik, dan manfaatnya jelas

dari segi latihan, saya tidak payah komen banyaklah latihan ini. Cuma yang saya agak memberi pendapat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi mengatakan bahawa perniagaan sahaja tidak termasuk yang lain. Pada hemah saya, bila akta ini menyebut perniagaan, sebenarnya termasuk bidang-bidang perniagaan yang luas ertinya product and services, dengan izin, barang keluaran dan juga perkhidmatan. Oleh kerana itulah dalam fasal-fasal yang berikut disebut dalam bidang perkhidmatan perhotelan umpamanya juga termasuk dalam bidang lapang terbang dan litar lumba kenderaan bermotor. Ini setakat yang saya faham saya harap mendapat komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang lebih arif dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya nak sebut ialah tentang Fasal 5 berkenaan dengan had potongan berkenaan dengan sewa atas kenderaan motor, saya nampak ada penyelarasan di antara daripada RM50,000 ke RM100,000. Harga kereta itu dihadkan kepada kurang daripada RM150,000 ini berpatutan dan amat bersesuaian dengan seolah-olah juga menggalakkan penggunaan kereta-kereta motor keluaran tempatan sendiri dan di samping itu saya tiada peluang lain nak bercakap tentang produk tempatan ini saya ingat Bank Simpanan Nasional juga berada di bawah Kementerian Kewangan.

Saya melihat dalam iklan-iklan yang bertahun-tahun lepas, sijil premium bila ada peraduan, hadiah-hadiahnya semua kereta Mercedes yang besar-besar. Hadiah satu, dua, tiga dan kemudian yang rendah-rendah itu barulah kereta tempatan. Pada saya patut juga melihat dalam usaha menggalakkan penggunaan kereta tempatan dan memberi imej dan persepsi yang baik ialah hadiah-hadiah ini semua kita pakai yang tempatan, sebab baru-baru ini pun 'Menteri Perdagangan dan Industri' menyebut tentang barangan Malaysia dahulu.

Jadi ini selaras, jadi rasa saya melalui potongan cukai dan sebagainya hadiah pun suasana masyarakat nak ditonjolkan kereta tempatan, sedangkan sekarang ini kereta tempatan makin banyak, makin mempelbagaikan banyak pilihan kemudian kalau siapa nak beli kereta Mercedes itu hal dialah. Tapi dari segi kerajaan BSN kita nak promosikan. Sedangkan kerajaan sendiri menggunakan kereta-kereta proton, perdana dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya nak sebut ialah Fasal 8. Tadi saya kaitkan sikit Fasal 8 yang juga menyebut tentang digunakan khusus oleh seseorang untuk tujuan hotel, lapangan terbang dan litar lumba kenderaan bermotor.

Cuma yang saya agak musykil dan saya memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai pindaan Fasal 8 yang mengecualikan perenggan 37(g) dan 37(h), sedangkan yang lain berkuat kuasa bagi tahun taksiran pada tahun 2002 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Saya tidak nampak rasionalnya mengapa dalam ini kita hanya memberi pengkhususan kepada bidang perhotelan tetapi tidak kepada bidang lapangan terbang dan litar lumba kenderaan bermotor. Itu saya memohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua perkara lain yang saya nak bangkitkan ialah Fasal 10 dalam bab yang sama. Fasal 10 ini melanjutkan tempoh, yang suatu syarikat diberikan elaun pelaburan semula daripada 5 hingga 15 tahun taksiran. Ini pun Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dah bangkitkan dan saya bersetuju hal-hal lain yang dia sebut tadi, saya tak ada nak komen, cuma soalan susulan daripada itu ialah tentang penguatkuasaan lagi.

Dari segi Fasal 10 mengatakan Elaun Pelaburan Semula ini yang lima tahun kepada 15 tahun yang baik itu, dikuatkuasakan pada tahun taksiran 1998 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Kalau saya pandang menyeluruh kesemuanya mengikut tahun taksiran 2002. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah dalam Fasal 10 ini diberi pengecualian ataupun khas, special case, kita ke belakang sehingga 1998. Rasionalnya dan mungkin ada kes-kes syarikat-syarikat tertentu yang mempunyai permasalahan ataupun mempunyai ciri-ciri yang unik, yang menyebabkan kerajaan melihat ini sebagai special case dengan izin. Kita ingin mengetahui syarikat-syarikat itu dan dalam bidang perniagaan apakah yang mereka ini mengambil bahagian sama ada ianya kepunyaan tempatan ataupun luar negara. Dengan kata-kata itu saya turut menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

2.49 ptg.

Tuan K. R. A. Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membincangkan Rang Undang-Undang Kewangan 2001. Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya sehingga ini telah berbincang tentang beberapa fasal-fasal, saya hanya ingin sentuh tentang pindaan kepada Akta Petroleum yang saya ingin dapat sedikit penjelasan. Di sini saya ingin sentuh dengan izin tentang Petronas

Dalam perbahasan pada minggu ini Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah bin Ayub telah membangkit satu perkara di mana Petronas tidak

bertanggungjawab kepada Parlimen dan beliau sebagai seorang pengasas Petronas dan juga seorang Ketua Setiausaha Negara pada suatu ketika, tidak faham mengapa Petronas tidak bertanggungjawab. Setahu saya Petronas adalah satu syarikat yang berjaya di dalam dan di luar negara ini dan mempunyai imej yang begitu baik dan saya percaya bahawa jawapan yang diberi kepada Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah bin Ayub oleh pihak kementerian saya tidak faham, itulah sebabnya saya bangkitkan soal ini. Yang saya faham ialah daripada jawapan Timbalan Menteri pada ketika menjawab pertanyaannya bahawa syarikat Petronas adalah sebuah syarikat perbadanan yang bererti adalah sebuah syarikat swasta.

Kalau tidak bertanggungjawab kepada Parlimen ini bererti adalah sebuah syarikat swasta. Jadi saya haraplah ini akan menimbulkan kekeliruan orang ramai. Petronas adalah sebuah syarikat yang berjaya di dalam dan di luar negara mungkin ada orang tanya-tanyalah tentang transparansi. Jadi saya ingin tahu apakah kebetulannya Petronas tidak bertanggungjawab kepada Parlimen. Kalau tidak kepada siapakah dia dipertanggungjawabkan. Itulah soalan saya, saya ingin hanya tahu penjelasan tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab.

2.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak merakamkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang kerana sudi mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Kewangan 2001 ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh tentang seksyen 54 Akta 53 mengenai latihan amali yang diberikan potongan dan ini harus perluaskan di dalam bidang-bidang yang lain. Ini telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi yang menyentuh tentang perkara yang sama dan saya nak memberitahu kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bahawa Akta ini tidak, ataupun clause ini tidak terhad kepada perniagaan sahaja. Ia memang meliputi sektor-sektor yang lain kerana ia berbunyi *in relation to his business, businessnya* boleh jadi perniagaan biasa, perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya. Maka ini tidak terhad kepada perniagaan sahaja tetapi ia meliputi sektor-sektor yang lain.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang potongan bonus tanpa had dan telah memberikan beberapa cadangan dalam perkara ini, cadangan Yang Berhormat akan diberi perhatian dan Yang Berhormat juga menyentuh tentang seksyen 38A di

mana seseorang dikehendaki bayar dahulu sebelum merayu ke mahkamah dan Yang Berhormat juga mencadangkan supaya sama ada boleh beliau bayar sebahagian dan lepas itu boleh dibenarkan merayu kepada mahkamah tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat bayaran perlu dibuat dahulu kerana dokumen sebelum menjadi sah hendaklah disetemkan. Maka oleh kerana itu duti setem perlu dibayar dahulu kalau tidak perkara ini tidak boleh diambil mahkamah tinggi.

Yang Berhormat Datuk Ghazi menyentuh tentang EPS - Elaun Pelaburan Semula mengapa berkuat kuasa pada tahun 1998. Tarikh kuat kuasa EPS ataupun Elaun Pelaburan Semula dikuatkuasakan pada 1998 kerana EPS ataupun insentif ini mula dihadkan pada tahun tersebut. Bermula dari tahun tersebut syarikat dikenakan syarat-syarat tertentu. Maka bagi syarikat yang melabur semula sebelum tahun tersebut tidak dikenakan syarat tersebut. Dengan itu jika dikuatkuasakan pada tahun 2002 ia akan menyulitkan pentadbiran untuk mengira tahun pertama bagi tujuan lanjutan kepada 15 tahun. Maka ia mestilah dikuatkuasakan pada tahun 1998.

Yang Berhormat Senator Naidu menyentuh tentang mengapa Petronas tidak bertanggungjawab kepada Parlimen. Perkara ini telah terkeluar dari Akta 543 ini kerana Akta ini tidak menyentuh sama sekali tentang Petronas, ia tentang cukai pendapatan petroleum sahaja. Walau bagaimanapun pandangan dan cadangan Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan lagi yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENAPISAN FILEM 2001

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu penggubalan Rang Undang-Undang Penapisan Filem 2001 bagi menggantikan Akta Filem (Penapisan 1952) (Akta 35) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Rang Undang-Undang Penapisan Filem 2001 ini adalah bagi menggantikan akta yang sedia ada iaitu Akta Filem (Penapisan 1952) (Akta 35). Rang Undang-Undang Penapisan Filem 2001 ini telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 10 Disember 2001 dan selain daripada menggantikan Akta Filem (Penapisan 1952) yang telah digubal 49 tahun yang lalu, penggubalan Rang Undang-Undang Penapisan Filem 2001 ini adalah juga selari dengan perkembangan teknologi terkini khususnya dalam industri perfileman. Ini dapat dilihat menerusi bentuk-bentuk filem yang pelbagai yang terdapat di pasaran masa kini. Sehubungan itu, takrifan filem telah pun diperluaskan agar meliputi semua bentuk filem yang ada di pasaran pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar pasaran liberal dan terbuka, Malaysia terdedah kepada ledakan media dalam pelbagai bentuk termasuk filem. Dasar kerajaan terhadap pengimport, pengeluar dan pengedar filem di negara ini adalah toleransi dan liberal berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kita merasa kecewa dengan tindak tanduk segelintir syarikat pengedar filem yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata dengan mengabaikan tanggungjawab sosial dengan melambakkan bahan-bahan lucah dan haram dalam pasaran filem dalam negara kita. Kerajaan amat memandang serius kewujudan filem-filem lucah ataupun filem-filem haram kerana ianya bertentangan dengan nilai-nilai etika, budaya, moral dan agama masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Kesan daripada pengedaran dan penjualan filem lucah dan haram ini bukan sahaja boleh merosakkan akhlak dan moral masyarakat, malah turut menjejaskan usaha ke arah mewujudkan masyarakat harmonis yang berpegang teguh kepada nilai agama, moral yang tinggi. Kita merasa amat bimbang dengan gejala negatif kesan daripada menonton bahan-bahan lucah dan bahan-bahan haram ini.

Peningkatan filem lucah dan haram di pasaran boleh mempengaruhi masyarakat terutama golongan muda mudi. Kes-kes seperti jenayah rogol, seks bebas, *black metal*, *rose metal*, *red metal*, dengan izinnya sumbang muhrim dan sebagainya didapati amat dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif daripada filem.

Bagi memastikan aspek-aspek negatif dalam sesuatu filem tidak ditayang atau diedarkan, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Penapisan Filem di bawah Seksyen 3 Akta sedia ada dan ditadbirkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sepanjang tahun 2000 sebanyak 30,020 telah ditapis. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15,735 dilulus bersih, 10,606 lulus dengan potongan, 1,913 haram dan 1,766 ditolak. Pada tahun 2001 sehingga bulan Ogos, sebanyak 23,867 filem telah pun ditapis. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16,739 dilulus bersih, 5,982 lulus dengan potongan, 576 diharam dan 570 ditolak.

Aktiviti pengedaran filem yang melanggar undang-undang seperti filem VCD, DVD yang lucah dan tidak ditapis didapati begitu berleluasa. Oleh itu, kerajaan melihat aktiviti penguatkuasaan adalah amat penting bagi memastikan undang-undang yang digubal dipatuhi. Keupayaan Unit Penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri sentiasa ditingkatkan agar dapat menjalankan operasi di seluruh negara bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan.

Dari segi penguatkuasaan pada tahun 2000, sebanyak 641 buah premis telah diperiksa. Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 721,857 keping filem dalam pelbagai bentuk telah pun dirampas di bawah kesalahan-kesalahan seperti lucah dan tidak mempunyai Sijil Penapisan iaitu Sijil A dan Sijil Salinan iaitu Sijil B dengan bilangan kes ke Mahkamah sebanyak 611 kes. Bagi tahun 2001 pula sehingga bulan September sebanyak 1,846 buah premis telah pun diperiksa. Dari pemeriksaan tersebut 1,411,690 keping filem lucah dan tidak mempunyai sijil dalam pelbagai bentuk telah pun dirampas dengan bilangan kes ke mahkamah sebanyak 2,747 kes.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggubalan rang undang-undang yang baru ini adalah diharapkan agar kawalan dan penguatkuasaan undang-undang ke atas aktiviti-aktiviti pemilikan, pengedaran, penayangan, pempameran dan membuat salinan sama ada filem lucah atau filem yang belum lulus oleh Lembaga Penapisan Filem akan dapat diambil tindakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa filem merupakan suatu bentuk media moden yang boleh memberi impak ketara ke atas sikap, perilaku,

kepercayaan dan Gaya hidup rakyat, menjadilah tanggungjawab kerajaan memastikan tata nilai dan budaya masyarakat Malaysia tidak terhakis akibat dari unsur-unsur yang tidak sesuai dalam sesuatu filem.

Oleh yang demikian, rang undang-undang baru perlulah diadakan bagi memastikan hasrat dan dasar kerajaan tercapai. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu akta berhubung dengan penapisan filem dan perkara-perkara yang berhubung dengannya dibacakan yang kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas dan menyokong rang undang-undang yang dinamakan Akta Penapisan Filem 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Seperti apa yang dihurai dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, rang undang-undang ini digubalkan untuk mengganti Akta Penapisan Filem 1952 dengan bertujuan mengemaskinikan lagi undang-undang bagi mengawal dan menapis filem-filem yang ditonton oleh rakyat kita. Saya ucap tahniah di atas usaha kerajaan untuk menyekat rakyat terutamanya anak-anak kita daripada didedah dengan tayangan filem-filem yang akan merosakkan moral dan yang bercanggah dengan kebudayaan, cara hidup dan agama kita.

Bagaimanapun, apa yang kita bimbang di sini walaupun ada undang-undang dan peraturan yang kemas seperti akta ini tetapi pelaksanaannya atau penguatkuasaannya tidak dijalankan bersungguh-sungguh maka hasrat atau tujuan untuk mencegah filem-filem lucah dan sebagainya daripada diimport ke negara kita mungkin tidak dapat dicapai. Di sini saya ingin menyentuh tentang kawalan-kawalan di pintu masuk ke negara di sempadan-sempadan, di pelabuhan dan di lapangan-lapangan terbang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam akta ini di bawah tajuk Tafsiran iaitu seksyen 3 ada disebutkan "Pegawai Kastam yang hak dan Pegawai Polis dan Pegawai Penguatkuasaan" tetapi di Bahagian 6 iaitu "Kuasa berhubung dengan penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan dan sebagainya" di beberapa seksyen seperti seksyen 32, 33, 35, 36 tidak disebut tentang kuasa yang diberi kepada pegawai kastam. Di dalam seksyen-seksyen yang saya sebutkan ini, ada dinyatakan

tentang kuasa diberi kepada pegawai penguat kuasa atau pegawai polis sahaja tetapi tidak pula kepada pegawai kastam. Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah pegawai kastam tidak diberi kuasa sedemikian tetapi cuma disebut di Bahagian 1 di bawah tajuk Tafsiran sahaja.

Filem-filem lucah dan yang tidak ditapis dibawa masuk dengan mudahnya melalui VCD dan video tape oleh penumpang-penumpang dan kemudian boleh dengan senangnya dirakam semula dan dijual atau diedar di seluruh negara. Oleh itu pada pendapat saya, langkah dan tindakan hendaklah diambil supaya kawalan lebih ketat diambil di pintu-pintu masuk negara kita. Sekarang ini jika diperhatikan penumpang-penumpang yang membawa beg-beg kecil atau *briefcase* dengan izin, yang melalui *green lane* atau laluan hijau tidak diperiksa oleh pihak kastam, melainkan jika ada maklumat diterima oleh mereka. Tidak ada alat *x-ray screening machine*, dengan izin, atau mesin penapis xray yang di tempatkan di tempat atau *post-post* pemeriksaan kastam pemeriksaan penumpang-penumpang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita hendak mencegah filem lucah ini dari diseludup di dalam beg-beg penumpang-penumpang kemudian dirakam dan dijual atau diedarkan. Apabila sudah dibawa masuk ke negara, saya percaya sukarlah untuk mengesan pengedaran dan penjualannya. Oleh itu, saya harap pihak kementerian dapat bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya dapat membekalkan alat-alat *x-ray screening machine* ini di semua tempat-tempat pemeriksaan kastam di pintu masuk ke negara kita. Jikalau ini tidak dilakukan, saya rasa usaha penapisan filem ini hanya terhad kepada filem-filem yang ditayang di pawagam sahaja tetapi yang ditayang melalui VCD dan video tape di rumah-rumah tidak terkawal. Dan tujuan serta hasrat kerajaan untuk menggubal akta ini tidak tercapai dengan sepenuhnya.

Dari anggaran hasil bagi tahun 2002 hasil dari bayaran penapis filem dan video ialah sebanyak RM15,400,000. Mungkin pendapatan dari hasil ini akan bertambah jika filem-filem yang tidak ditapis tidak dapat diseludup dengan sewenang-wenangnya dan terpaksa ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini di dalam sidang yang terakhir bagi saya dan juga beberapa rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan Yang Berhormat Tuan Jang Chow Thye. Setelah saya berkhidmat selama hampir 6 tahun sebagai Ahli Dewan Negara, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak di atas kerjasama kepada

saya selama ini. Saya sama ada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, dan lain-lain lagi termasuklah Datuk Setiausaha Dewan Negara dan juga sahabat-sahabat sekalian, saya mendoakan dan sentiasa memberikan sokongan moral supaya Dewan Negara Malaysia ini bertambah-tambah cemerlang dan akan menjalankan tanggungjawab setinggi khidmat kepada rakyat dan negara. Akhirnya saya mengucapkan Selamat Hari Raya dan Selamat Tahun Baru kepada sahabat-sahabat sekalian. Sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang Akta Penapisan Filem 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Mansor.

3.15 ptg.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut membahaskan pindaan akta ini dan saya mulakan dengan ucapan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Dalam Negeri kerana akhirnya dapat mewujudkan satu pindaan akta yang menjadi begitu penting kepada kita sekarang bagi menggantikan akta yang digubal tahun 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan akta ini penting kerana ianya melibatkan kesejahteraan dan keharmonian institusi kekeluargaan, masyarakat dan keselamatan negara. Kita semua sedar, faham dan akui bahawa hari ini di antara punca masalah gejala sosial dan jenayah serta kemalangan yang berlaku dengan begitu banyak sekolah hari ini datangnya daripada pengaruh filem-filem dan bahan-bahan lucah dan ganas dan lain-lain lagi termasuk juga filem-filem kartun yang ganas.

Jika tidak dibendung dengan satu akta yang tegas dan berkesan akan membawa padah yang amat teruk kepada masyarakat kita dan generasi akan datang yang akhirnya akan melemahkan negara.

Tamadun kita, agama kita dan budaya kita tidak akan dapat menghalalkan nilai-nilai atau moral yang ada dalam filem-filem yang tidak dapat dikawal ini sehingga hari kiamat pun. Begitu juga dengan jurang kesopanan, tradisi dan amalan atas nama dunia dahulu dan dunia sekarang tidak harus dipersendakan dan dikompromikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itulah kita harus menangani masalah ini secara serius dan memberikan pertimbangan yang berat kepada perwujudan satu undang-undang yang mantap dan mampu membawa kesan yang mendalam cara

kita ala Malaysia. Sebab itu juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong kepada pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, setelah saya meneliti huraian-huraiannya saya merasakan ada sesuatu yang harus saya zahirkan untuk berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya dan mohon untuk mendapatkan penjelasan beliau bagi keserasian kita bersama.

Pertama, ialah dalam Bahagian I, Perkara 2(2)(a) Ketakpakaian. Saya mohon kiranya dapat difikirkan semula atas alasan-alasan kesan-kesan jangka panjang kerana siapa yang hendak menentukan jika ada filem-filem atau video-video aksi atau dokumentari, program atau filem propaganda yang boleh mempengaruhi sebahagian rakyat yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan negara yang ditaja oleh kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Ini barangkali kalau kita amati kembali apabila ketakpakaian akta ini dikecualikan kepada filem-filem yang ditaja oleh kerajaan negeri kita memikirkan semula kesan jangka panjang. Kiranya ada kerajaan negeri yang menaja filem-filem dokumentari ataupun propaganda yang boleh mempengaruhi sebahagian daripada rakyat yang boleh membawa ancaman kepada negara jika filem itu *in-circulation* dengan izin, kalau kiranya tidak ditapis. Jadi kalau diberikan *blanket approval* macam ini mungkin akan mendatangkan bahaya kepada kita suatu ketika nanti. Itu untuk difikirkan.

Yang kedua, Bahagian II, Perkara 4(1), saya mohon supaya difikirkan semula supaya dapat ditambahkan keahliannya bagi (b) dan (c) kerja-kerja menapis ini dengan izin *very monotonous* dan *time consuming*, hari-hari tak akan larat orang yang sama juga menontonnya dan dikhuatiri nanti dah hari-hari terdedah dengan lucah dan ganas, lama-lama dia sendiri terpengaruh jadi lucah dan ganas. *It can happen* dengan izin kerana perkara ini begitu *monotonous* dan *time consuming*, konsentrasi dia kepada perkara itu mungkin tidak dapat hendak dijadikan pandangan sama ada patut ditapis ataupun tidak mana-mana bahagian yang tertentu.

Keduanya, dalam keadaan yang sama, bila membuat tapisan ini, situasi, suasana, keadaan di sekeliling tempat dia membuat penapisan ini hendaklah menarik. Janganlah macam duduk dalam jejuga juga tidak akan menarik minat dia melihatnya dengan penuh konsentrasi. Makna cakap saya tadi itu, dalam hal yang macam ini, walaupun kerjanya menapis filem tetapi hendaklah memberikan satu

insentif kepada pemikiran dia, kepada daya tahan dia untuk membuat kerja yang sebaik-baiknya. Maka suasana dan situasi itu hendaklah *conducive* dengan izin, jangan terlalu *in the box*- dalam kotak, dengan izin.

Jadi dalam hal pertamanya ialah menambahkan bilangan keahliannya kalau boleh biar dia ada 100 orang satu kumpulan tetapi dipecahkan menjadi tiga orang, tiga orang, tiga orang sehinggakan ada lebih kurang 30 pasukan kerana begitu banyak filem untuk ditapis dan perlu disegerakan dengan video dan sebagainya.

Tetapi di dalam komposisi-komposisi ini juga mestilah difikirkan tahap-tahap orang yang duduk menganggotai badan penapis ini. Bermakna, biarlah ada kepakaran dari beberapa bidang untuk mereka membincangkan sesama sendiri ketika menonton. Jangan sudah lepas menonton baru hendak dibincangkan. Kerana jika selepas ditonton baru hendak dibincangkan dia mungkin akan lupa adegan-adegan tertentu tetapi dalam ketika dia menapis filem itu dia dilihatnya jika ada sesuatu perkara yang disangsikan, boleh dibincangkan serta-merta sebab itu dia memerlukan seorang atau dua orang sahabat lagi bersama-sama dengannya. Sebab itu kita memerlukan komposisi yang lebih banyak.

Kemudian saya tidak tahu di mana di dalam akta ini mengenai kuasa membayar imbuhan kepada mereka yang menjadi Lembaga Penapis Filem ini. Saya cuba lihat di dalamnya mungkin ada di mana-mana saya tak nampak tetapi mintalah penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai kuasa membayar imbuhan kepada mereka ini dan seterusnya di mana juga di dalam akta ini saya tak nampak, barangkali Timbalan Menteri boleh nasihatkan mengenai garis panduan kelayakan untuk menduduki Lembaga Penapis termasuk umur dan latar belakang orang-orang yang terlibat untuk menjadi badan penapis filem ini.

Yang ketiga, Bahagian III, mengenai Fasal 5, iaitu Filem lucah. Fasal 5-(1)(a) Kalau boleh saya memohon supaya memasukkan sekali orang yang membiayai pembikinan filem lucah ini kerana pemilik atau pemunya filem tidak semestinya pembiaya kepada filem ini. Kerana sebenarnya pembiaya kepada filem-filem seperti ini ialah watak yang paling jahat sekali. Jadi kalau kita tidak tegas dalam hal ini, orang yang membiayai, setakat pemilik ia mungkin pemilik kepada filem itu tetapi tidak bererti dia yang membiayai filem itu. Jadi saya rasa patut dimasukkan perkataan "pemiaya" itu kerana sebenarnya pemiaya itulah watak yang paling jahat kalau sekiranya wujud filem-filem lucah.

Perkara Fasal 5(1)(b) yang dapat saya cadangkan supaya memasukkan, kerana yang membuat filem itu tidak bererti pelakonnya. Jadi saya mohon dimasukkan sekali orang yang hendak kena hukum ini sekali ialah orang yang berlakon. Oleh yang berlakon pun kerana mereka turut menyumbang kepada industri ini. Ini dalam akta ini, pelakon tidak kena ini.

Manalah tahu muka sesiapa yang kita lihat dalam itu orang tempatan. Pemunya kena denda, pemilik kena denda, pembiaya kena denda, ya berlakon tidak kena denda. Sebab tidak ada dalam akta yang berlakon di dalam filem lucah itu boleh dikenakan tindakan. Sebab itu saya mohon supaya dimasukkan perkataan "yang berlakon" sekali.

Kemudian, Fasal 5 (2) mengenai denda. Di dalam ini diperuntukkan denda RM50,000 atau hukum penjara. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini industri ini adalah satu industri yang lumayan. Kalau setakat denda RM50,000, satu jam duit itu sampai untuk bayar denda itu. Saya selalu menekankan dalam hal kita hendak membendung hal semacam ini kita perlu bertegas bahawa saya dengan izin, *we mean business* bukan *business* buat filem. Tetapi *business* untuk memamatkan gerak kerja membuat filem-filem lucah seperti ini.

Sebab itu saya mencadangkan setakat denda RM50,000 walaupun ada hukuman penjara tetapi hukuman penjara itu sebagai satu opsyen, saya ingin mencadangkan supaya hukuman penjara itu menjadi mandatori. Walaupun sehari. Saya suka sangat hendak penjara orang satu hari. Dengan izin, walaupun satu hari penjara itu, tetapi mandatori. Tidak menjadi opsyen sahaja kerana kalau opsyen lazimnya memanglah pergi kepada hukuman denda sahaja. RM50,000 dia boleh bayar, RM100,000 dia boleh bayar kerana industri filem seperti ini ialah satu industri yang sangat lumayan. Macam mengedar dadah juga.

Sebab itu saya mencadangkan supaya hukuman penjara itu ada mandatori, walaupun satu hari. Kerana orang takut hendak pergi satu hari pun dalam penjara.

Fasal 6, filem-filem atau bahan-bahan untuk tapisan. Serupa juga dengan Fasal 5 mengenai memasukkan orang yang membiayai dan juga hukuman mandatori yang saya cadangkan tadi.

Kemudian selepas itu Fasal 8(3)(b), menyatakan kegunaan peribadi boleh. Kegunaan peribadi tidak payah hendak hantar tapis. Jadi saya memikirkan dalam hal ini filem sama ada kegunaan peribadi atau tidak peribadi, setakat mana kita hendak menahan benda itu jadi peribadi. Tidak ada jaminan macam mana kita

hendak baca *the mind of the people* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi jika ada filem yang dia kata peribadi, dia tidak payah hantar kepada penapisan. Jadi setiap kali saya masukkan ke mana-mana saya hendak buat, saya kata ini peribadi. Saya punya. Kalau filem lucu pun, ini peribadi, saya punya. Tetapi soalnya di mana *limit* peribadi ini. Kalau saya simpan di rumah, saya cakap dengan Dato' Kayveas, saya ada ini, tetapi peribadi. Kalau you hendak datanglah rumah saya. Saya tutup mata, you ambil. Sudah tidak jadi peribadi.

Tetapi itu sebab saya, kata macam mana kita hendak menahan, tahap di mana peribadi itu. Sebab itu saya mencadangkan, walaupun peribadi, ianya kalau sekiranya untuk simpanan dia pun, kalau sudah filem itu filem lucu kah atau apa, dia ada satu permit kah atau macam mana, saya tidak tahulah tetapi saya mencadangkan supaya tidak ada pengecualiannya, yang peribadi tidak payah dihantar untuk penapisan. Itu maksudnya.

Kemudian Fasal 46, kompaun atas kesalahan. Saya tidak tahu hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri sama ada kompaun ini bagi semua kesalahan di bawah Akta ini ataupun *on specific offences* sahaja, dengan izin. Fasal saya tak berapa jelas. Bagi saya, bagi kes-kes yang ringan, bolehlah kita kompaun. Tetapi bagi kes yang berat-berat di mana peruntukan penjara atau denda yang banyak itu ada, janganlah ada kemudahan kompaun untuknya. Ini dengan izin, *as a very easy way to get out*. Kalau kita beri dia peruntukan itu, cukup mudah. Besok ramai orang yang akan masuk terlibat dalam pengeluaran filem-filem lucu apa hendak susah, boleh kompaun punya. Jadi kita jangan bagi ruang untuk memikirkan dengan mudah.

Jadi, kalau sekiranya kompaun itu hanya untuk kes yang ringan-ringan mengenai barangkali buku, kalender yang ada gambar lucu sikit, tidak apalah tetapi kalau yang berat-berat, filem dan sebagainya yang mana peruntukan hukumannya ialah penjara dan denda atau penjara atau denda, saya rasa saya mencadangkan supaya kemudahan kompaun itu ditarik semula.

Benarlah macam mana yang saya katakan selalu falsafah hukuman dalam undang-undang itu kebanyakannya dengan izin *is a corrective in nature* bukan *punitive*. Tetapi dalam hal-hal yang macam ini, *corrective* pun kita mesti menunjukkan teladan, selalulah kalau pendakwa mengatakan hukum menunjukkan teladan. Jadi, dalam hal ini tidak adalah kompaun.

Saya nyatakan juga begitu kerana apa juga kesalahan-kesalahan yang dapat dilihat di bawah akta ini nyata susah kita hendak katakan benda itu tidak sengaja kecuali orang *planted*, orang buat aniaya pada kita. Tetapi apa pun yang lain, saya tidak percaya dan tidak fikir dia tidak sedar dan tidak tahu yang dia melakukan kesalahan di bawah akta ini kerana kalau dia hendak import filem itu dia boleh tengok dahulu, sama ada lucah atau tidak lucahnya sebelum dia import.

Sebab itu selain daripada itu dari segi moral pun seseorang itu sepatutnya mesti mahu tahu dan sedar akan kesalahan-kesalahan apabila terlibat dalam industri seperti ini. Sebab itu saya - pesalah seperti ini tiada maaf baginya. Maka dijatuhkan hukuman dan hukuman itu haruslah hukuman yang menunjukkan teladan.

Akhirnya, mengenai fasal 50. Banyak lagi fasal, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ambil yang sedikit-sikit sahajalah. Fasal 50 mengenai kekebalan. Kekebalan ini – Yang Berhormat Timbalan Menteri memanglah bagus diadakan fasal ini sebab memberikan keyakinan kepada orang yang hendak menapis filem ini, memberikan semangat kerana dia dilindungi dengan apa juga perbuatan yang dilakukan kerana menjalankan tugas.

Tetapi, bagaimana pula kita atau kerajaan hendak memastikan kekebalan itu tidak disalahgunakan. Sekian, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:

3.34 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Penapisan Filem 2000 dan saya mulakan dengan ucapan tahniah kepada Timbalan Menteri dan juga kepada usaha kerajaan untuk meminda Akta Penapisan Filem 2001 ini yang bertujuan untuk melindungi rakyat Malaysia dari terdedah dari tayangan-tayangan yang negatif dan juga yang mungkin akan menggugat maruah negara kita.

Sungguhpun kerja-kerja menapis sebuah filem ini telah wujud semenjak Akta Penapisan Filem 1952, namun negara kita telah bergerak di dalam semua dimensi untuk menjadi sebuah negara yang dinamik dengan menentukan semua sistem nilai dapat kita jangkau dan bertindak untuk memenuhi Wawasan 2020. Sebab itu

perancangan negara lebih ditekankan kepada pengetahuan maklumat oleh kerana ahanya sahajalah akan bangkit pelbagai kesedaran di dalam kehidupan rakyat.

Masyarakat yang kaya dengan maklumat, dengan izin, information riched society akan bersikap lebih sederhana, mempunyai toleransi yang tinggi di dalam menjalankan kehidupan seharian dan akan tahu mengimbangi antara kepentingan diri sendiri, kepentingan awam dan kepentingan negara. Rang Undang-undang untuk menubuhkan sebuah lembaga penapis bagi menggantikan yang lama memang sudah kena pada tempatnya kerana perkembangan industri filem ini sendiri memerlukan satu perubahan yang besar setelah tamatnya perang dunia dan selesainya zaman koloni, perang dingin dan kini memasuki alam globalisasi.

Bayangkan sahaja filem yang tertua yang diusahakan oleh perfileman di Malaya bermula dalam tahun 1933 dengan niat untuk menghibur dan membentuk minda masyarakat dan kita boleh melihat dalam beberapa generasi keluaran filem-filem ini, ianya telah diulang tayang beberapa ratus kali selama 67 tahun dan telah diperiksa, diperakui mempunyai nilai penting kepada masyarakat. Kita tidak hairan ada ketikanya dialog-dialog begitu meresap dan mempengaruhi sehingga diamalkan di dalam kehidupan kita seharian.

Bahkan sepanjang hari jika kita bertutur di dalam bahasa Melayu daripada masa kita bangun tidur sehingga kita melelapkan mata tidak dapat tidak pergerakan kita kadang-kadang terikut-ikut dengan telatah-telatah dan kehidupan yang digambarkan di dalam filem-filem lama kita. Begitu kuatnya peranan ataupun pengaruh filem sehingga sekiranya ada mesej yang mahu disampaikan maka filemlah yang boleh menjadikan sebagai utusan untuk mengemukakan pandangan-pandangan yang tersirat dengan cara menyindir tetapi dalam bentuk hiburan.

Unsur-unsur keganasan dan filem lucah tidak boleh diterima sama sekali oleh sistem nilai kita dan kawalan yang ketat sebagaimana yang dicadangkan di dalam beberapa peruntukan rang undang-undang ini amat tepat dan saya juga ingin mencadangkan beberapa cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Mansur tadi, di ambil kira untuk memperketatkan lagi rang undang-undang ini. Bahkan hari ini kita mengetahui cabaran yang berhadapan dengan kita bukan sahaja datang daripada luar mahu pun daripada dalam dengan keadaan yang amat sofistikated yang cuba merasuk pemikiran anak-anak kita di dalam negara kita yang kita cuba bersihkan daripada unsur-unsur merosotnya moral.

Rupa-rupanya lebih banyak maklumat yang tersebar, lebih mudah pula unsur-unsur ini menyelit masuk dan membara di pelbagai tempat yang tersorok dan sukar untuk dikesan oleh undang-undang. Apatah lagi pada hari ini cara penyampaiannya lebih mudah dengan alat-alat video, disc, kemudahan internet, ia meningkatkan cabaran kepada penapisan kerana bahan-bahan yang pada mulanya bersifat hiburan sebenarnya ada juga mengandungi unsur-unsur keruntuhan akhlak.

Walau bagaimanapun, oleh kerana tiap-tiap filem yang masuk dan yang dibuat perlu ditapis, ini tidak bermakna pula kita menjadikan ia sebagai satu masalah dengan izin, *constrain* kepada filem-filem yang bertujuan untuk memperkembangkan industri ini kerana kita harus mengikuti perkembangan dan peredaran masa di mana persaingan industri perfileman amat hebat.

Gunakanlah masa yang sesingkat-singkatnya dan prosedur yang semudah-mudahnya kepada pengeluaran filem dan jangan disebabkan hanya kerana ia memerlukan kuasa penapisan permohonan mesti melalui pelbagai birokrasi yang boleh menyusahkan penguasa. Tetapi saya menyokong benarlah bahawasanya perlu kita tambah anggota, perlu kita tambah seberapa ramai kakitangan supaya siapa yang diberi tugas untuk menjadi penapis ini tidak terlalu letih, tidak mempunyai kepakaran yang cukup, tidak mempunyai masa sehingga melepaskan tanggungjawab sewenang-wenangnya.

Selain daripada unsur-unsur seks dan keganasan, saya juga ingin menarik perhatian Lembaga Penapisan Filem supaya turut memeriksa filem-filem yang ada kesan psikologi negatif yang mengganggu saraf terutamanya cerita-cerita kartun yang pada satu ketika dahulu pernah mengganggu kanak-kanak di Jepun sehingga memudaratkan kesihatan mereka.

Sungguhpun ini tidak ada mempunyai unsur seks tetapi ia mempunyai unsur hipnosis kerana adegan disisipkan dengan lembaga pantas atau dengan izin, *flashing images, very fast flashing images*. Keadaan *flashing images* ini telah lama digunakan dalam media perfileman untuk membawa maksud tersirat (*subliminal messages*). Mesej tersebut biasanya tidak dapat dilihat oleh mata kasar kerana kekelipannya dengan begitu pantas.

Menurut kajian, otak manusia dapat menangkap imej dan mesej tersebut tanpa disedari. Sudah ada wayang-wayang kartun yang mengandungi bahan-bahan seumpama ini dan saya berharap supaya tayangan seperti ini mestilah disekat

daripada tayangan di negara kita kerana ia merbahaya kepada sistem naluri manusia.

Saya harap Lembaga ini bukan sahaja mempunyai kakitangan yang cukup, malah berupaya dan sensitif untuk membendung kandungan-kandungan filem daripada perkara-perkara yang memudaratkan. Pada sepintas lalu, kerja-kerja penapisan filem ini mungkin mudah, ataupun kita seolah-olah melihat dan menganggap menapis filem ini mudah, akan tetapi jika direnung betul-betul, tanggungjawab untuk menjalankan penapisan amatlah berat kerana ia mesti dilihat bukan sahaja dari sudut rohani semata-mata, malah untuk mengesan kecabulan yang mungkin sukar untuk dibaca pada pandangan kali pertama.

Kadang-kadang apabila kita tengok dan kita tapis filem itu, *first run* tidak boleh kenal, tidak boleh nampak mesej yang akan disampaikan, mungkin perlu diulang. Jadi, inilah di antara masalah yang mungkin dialami oleh penapis-penapis filem.

Lembaga Penapisan juga harus berperanan untuk memberikan input kepada RTM, FINAS dan persatuan artis, pengeluar dan pengedar filem di atas perkara-perkara yang dibolehkan di dalam sesuatu pengeluaran filem di negara kita. Pandangan-pandangan haruslah rasional dengan tujuan untuk memperbaiki industri pengeluaran filem di Malaysia supaya ia mendapat tempat di dalam industri filem antarabangsa. Ini penting kerana kita sudah mempunyai *e-village* dan cara-cara untuk mengeluarkan filem kini lebih mudah dan boleh dibuat dengan kamera dan sistem komputer yang rendah kos (low budget) kerana alam perfileman kini sudah memasuki era digital.

Dalam hal yang sama, saya suka menegur sikap sesetengah pengeluar filem yang tidak sensitif dengan cara-cara hidup masyarakat di negara ini. Ini mungkin kerana kita kurang kawalan kepada pembuat-pembuat filem yang datang ke negara kita. Ada yang mengambil kesempatan untuk mengeluarkan filem yang tidak menggambarkan keadaan sebenar. Sebuah filem Taiwan telah menayangkan cerita mengenai masyarakat Iban di televisyen Taiwan dan tidak sensitif terhadap kebudayaan dan keharmonian hidup masyarakat di Sarawak.

Sungguh pun kita harus menggalakkan pengeluar-pengeluar filem untuk menggunakan latar belakang serta keindahan alam semulajadi negara kita seperti hutan rimba, laut, sungai, pergunungan, kebudayaan orang-orang kita supaya dapat dipopularkan untuk industri pelancongan tetapi mestilah ada batasan-batasan kerana

sesetengah tempat dan kebudayaan orang etnik kita mempunyai kepentingan saintifik dan *world heritage* yang harus dilindungi.

Anak-anak tempatanlah yang harus menerokai terlebih dahulu kawasan-kawasan yang mempunyai potensi penggambaran yang boleh mereka gunakan untuk membawa kejayaan kepada mereka jika mereka sedar potensi perniagaan yang boleh diperolehi oleh mereka. Ini adalah sebagai langkah mengawal mutu dan ragam kebudayaan yang terdapat di negara kita supaya tidak dieksploitasikan atau disalahgunakan oleh pengeluar-pengeluar filem yang mahu mensensasikan keadaan hidup di negara kita.

Jika terlalu bebas, krisis kebebasan ini akan menjadi masalah yang sama dengan apa yang dialami di Sarawak dua minggu yang lalu. Saya telah difahamkan beberapa pulau di Sabah kini diduduki oleh orang-orang luar yang bebas membuat penggambaran tanpa disemak dan dibuat paman tauan. Saya cadangkan sekiranya kita rasa kita mahu membenarkan mereka ini bebas membuat penggambaran, mereka haruslah membuat penggambaran mereka melalui syarikat usaha sama dengan anak-anak tempatan yang ada kemudahan, yang ada kepakaran yang kemudiannya boleh kita buat pemantauan melalui agensi kerajaan.

Dengan cara begini, pengeluar-pengeluar filem tempatan sama ada secara rekreasi ataupun komersial akan dapat bersama-sama menimba pengalaman dan dapat belajar memasuki filem-filem festival di mana sahaja dan mereka akan dapat menikmati anugerah ini bersama-sama. Ini bermakna kita dapat mewujudkan satu kesedaran - dengan izin - *win-win situation*, di mana kedua-dua pihak akan dapat merasakan keuntungan dan berbangga dengan kejayaan masing-masing.

Cadangan ini mempunyai hikmah kerana selera penonton di Barat kini lebih cenderung kepada keadaan semulajadi. Dengan sebab itu, program "*Survival*" yang dibuat di Pulau Tiga di Sabah mendapat *rating* yang tinggi di televisyen yang dipasarkan di seluruh dunia.

Satu peruntukan yang menarik perhatian saya ialah alat-alat yang disita hendaklah disimpan dengan baik kerana jika sabit kesalahan atau kompaun dijalankan, peralatan hendaklah dipulangkan balik tetapi dalam keadaan yang sama sebelum ianya ditahan untuk disimpan supaya tidak timbul keraguan bahawa Lembaga tidak menjaga keselamatan dan kesempurnaan barang-barang yang ditahan.

Saya menekankan kepada perkara ini kerana lazimnya dan kebanyakannya yang telah berlaku apabila sesuatu tindakan dibuat untuk menahan bahan-bahan, tidak ramai yang akan mengambil kira untuk menjaga kesempurnaan barang-barang yang ditahan kerana tindakan seperti ini sudah dicap orang yang didakwa sebagai sudah bersalah.

Oleh yang demikian, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 .

Dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua rakan-rakan di sini dan semua umat Islam di seluruh Malaysia. Selamat Menyambut Hari Natal ataupun Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Kristian dan juga Selamat Tahun Baru bercuti di pangkuan keluarga. *Enjoy your family during the holidays.* Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Gha zi.

3.48 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001.

Setinggi-tinggi tahniah dan sekalung bunga saya sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pihak kerajaan yang telah berhempas-pulas memikir dengan begitu berat dan susah untuk mewujudkan rang undang-undang ini.

Kita melihat senario umumnya, dunia hiburan begitu amat mengasyikkan dan dunia pendidikan kita selalu tekankan. Dunia hiburan dan pendidikan kita hendak dihubungkan dan kita panggil "*edutainment*", pendidikan bersama hiburan. Oleh kerana itu, terdapat ruang kawasan kelabu (grey area) yang kadang-kadang walaupun agak susah tetapi terpaksa kita kena hadapi dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada rang undang-undang ini awal-awal lagi bila menyebut tentang perkataan filem lucah umpamanya. Dalam bab tafsiran ada 15 perkara yang diberi tafsiran. Tetapi dalam 15 ini termasuklah satu bab barang. Barang pun cerita apa maksud barang. Tetapi perkataan lucah tidak disebut definisinya. Kalau kita bercakap dalam dunia sekarang yang mencabar mengenai *terrorism* kita selalu berkata "mari kita kenal pasti apakah itu pengganas" sebab kadang-kadang pejuang sesebuah negeri boleh bertukar menjadi pengganas. Samalah juga dengan perkataan 'lucah' ini. Saya rasa walaupun secara umum kita

agak tahu, tetapi kalau kita sudah mewujudkan akta, menggunakan kepakaran dan kemahiran dan kewangan untuk mewujudkan ini, pada saya kita terpaksa berhadapan dengan satu soalan yang susah. Bagaimana susah pun terpaksa kita cuba *set parameters*, dengan izin, sekurang-kurangnya ada *guidelinenya*. Kalau tidak, masalah yang telah diceritakan oleh rakan-rakan lain sebelum ini, umpamanya dengan teknologi terkini digital dan sebagainya masing-masing boleh buat filem, boleh buat itu dan ini jadi agak susah untuk kita hendak menentukan sekatan.

Begitu juga dengan wujudnya Lembaga Penapis. Kalau ada Lembaga Penapis kita selalu memberi tanggungjawab. Tanggungjawab biasanya disebut inilah tanggungjawab anda sekalian untuk melihat begini, begini, begini. Tetapi kalau tidak ada garis panduan amat terlalu susah. Sekurang-kurangnya kalau ikut pengalaman, saya pernah sebut dalam dunia kanak-kanak kita dulu, kalau kita main bola, tidak ada goal post kita letakkan sesuatu untuk hendak mengukur supaya bagi ada juga untuk kita mengira. Tidak kira sama ada ia tepat, *goal postnya* elok atau tidak tetapi sekurang-kurangnya kita kira. Kalau ada apa-apa pun, kaedah mengukur dan membuat perbandingan adalah mustahak. Oleh itu, saya harap bagaimana susah pun saya rasa patut kita adakan definisi ini.

Sebab kalau kita tengok dalam Astro umpamanya, TV3 atau ntv7 jelas ternyata kadang-kadang kita pun hairan yang mana yang ditayangkan itu semuanya kita andaikan semuanya lulus. Walaupun kita melihat sebagai lulus, tetapi mengikut hukum hakam kefahaman saya dari tafsiran kata aii, ini tidak patut lulus. Maka timbullah mungkin terlepas pandang Lembaga Penapis. Oleh kerana itu, saya agak bersetuju juga dengan bersetuju juga dengan Dato' Mansor bila menyatakan bahawa patut di banyakkkan, dipelbagaikan cara kita mengurus boleh jadi mengikut kumpulan. Saya tidak tahulah sampai bilangan yang begitu ramai. Mungkin terlalu ramai, suasana *environment* yang sedap itu pun saya bersetuju. Cuma saya ingin menambah lagi dari segi ...nanti sekejap belum saya masuk itu. Jadi, bab-bab tentang filem-filem yang ditayangkan oleh televisyen-televisyen ini kadang-kadang sudah masuk unsur hiburan ini dengan bertopengkan agama. Saya katakan dengan bertopengkan agama kerana kalau kita melihat hiburan yang datang daripada Kaherah, Baghdad, Lebanon dan sebagainya umpamanya, kalau kita melihat video CDnya atau MTVnya melalui televisyen, mungkin melalui ini pun ada juga unsur-unsur lucahnya. Oleh kerana itu, saya rasa perkara ini hendaklah diberi perhatian dan dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Lembaga Penapis yang saya sebut sedikit tadi, saya amat bersetuju kalau sekiranya ia ditukar ganti mengikut skala, mengikut masa tertentu. Kalau kita selalu melihat terlalu amat lama kita sudah jadi *get used to it*, mangli, tidak nampak. Samalah dengan saya kata kenyataan di papan tanda di luar mengatakan kediaman Perdana Menteri, masih ada. Sebab kita selalu tengok kita sudah *take for granted* dengan izin. Oleh kerana itu, kalau kita menguruskannya secara *organize* dan yang hendak saya lebih tekankan yang pernah saya masukkan dalam soalan susulan dahulu tetapi saya hendak tekankan dengan lebih jelaskan ialah patut pihak kerajaan menggunakan peluang Ahli-ahli Lembaga Penapis ini yang memang sudah dipilih mengikut kriteria tertentu. Saya anggap sebagai baik, tetapi beri satu tanggungjawab lain kepada mereka iaitu tanggungjawab menggunakan proses pemilihan atau penilaian penapisan ini sebagai proses membuat kaji selidik tentang isi *content* filem-filem itu sendiri. Kalau semua tidak boleh ada kemahiran ini lantik seorang atau dua dalam komponen lembaga itu supaya dia ada ciri-ciri menyelidik, kerana yang kita dedahkan itu beratus beribu filem. Yang hendak kita lihat hanya setakat kalau A salah, kalau B terima, kalau C was-was, umpamanyalah.

Tetapi selain daripada itu, adakah kita mengumpulkan segala bentuk isi-isi ini dan dimanfaatkan dengan menganalisis ini supaya dapat dimanfaatkan pula oleh dunia karyawan, oleh dunia perfileman yang masih tercungap-cungap dari segi industri hiburan ini. Sedangkan dunia mengakui telah terbukti bahawa dunia hiburan di antara industri yang paling laris, yang paling membawa pendapatan dari segi ekonomi dengan begitu banyak sekali. Dan tadi pun ada Yang Berhormat menyebutkan sedikit, saya ingat Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani sebut kewujudan e-village (entertainment village). Dengan adanya Koridor Raya Multimedia berterusan dengan kewujudan *entertainment village* ertinya kita menggalakkan masyarakat untuk melahirkan sesuatu yang baik untuk Malaysia.

Jadi, kalaulah Lembaga Penapis ini juga berfungsi untuk membuat dan menerima analisis isi-isi ini, saya rasa akan memberi manfaat kepada masyarakat sekalian. Oleh kerana itulah kalau kita melihat filem-filem besar seperti *Titanic*, beratus juta ringgit yang dapat dipungut, diterima dan dihasilkan oleh kerana filem itu hebat dari segi persembahan kreativitinya. Tetapi kalau kita mengkaji dan melihat dari segi struktur jalan ceritanya, mungkin jalan ceritanya berpusat daripada perbezaan antara dua darjat yang P. Ramlee pun ada buat filem 'Antara Dua Darjat'.

Mungkin berpusat kepada isu cinta antara dua darjat. Antara satu tragedi yang hendak diselesaikan, *simple* tetapi bidang kreativiti boleh kita manfaatkan di sini.

Oleh kerana saya kata begitu kerana tidak semua orang yang boleh menonton beratus beribu filem, tetapi kalau beratus beribu filem itu dikenal pasti yang mana boleh dijadikan model untuk kita perhebatkan saya rasa amat baik sekali. Begitu juga tentang aspek cerita yang di Jepun Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani sebut. Saya hendak ambil ukuran lain sikit ke arah itu. Tetapi kadang-kadang dunia kanak-kanak sekarang ini umpamanya begitu hebat dengan cerita *Harry Potter*. Kalau kita melihat apakah kehebatan *Harry Potter*. Kehebatan *Harry Potter* kerana penulis ini berjaya menangkap, menarik imaginasi kanak-kanak muda dari segi kuasa ajaib itu sahaja. Kita pun banyak cerita hantu sebenarnya. Cerita hantu dan cerita dukun dan sebagainya banyak. Tetapi kita biarkan begitu tidak pernah menghasilkan untuk kepentingan industri filem kita. Bayangkan kalau kita mendidik menghasilkan idea-idea ini terus mengeluarkan produk yang bersesuaian dengan Malaysia maka kewujudan e-village (entertainment village) itu akan lebih bermanfaat. Maka dalam masa hadapan apabila kita melihat persembahan-persembahan di tempat itu akan lebih memberi manfaat lagi kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang telah pun disebutkan oleh beberapa rakan saya yang lain saya turut bersetuju. Saya memang juga ingin menekankan apa yang Dato' Charern sebut tentang penguatkuasaan dari segi ini kerana walaupun kita mengetahui bahawa penguatkuasaan ini amat rumit tetapi kadang-kadangkala kalau sekiranya syarikat-syarikat besar yang melakukan kesalahan itu saya rasa patut ditonjolkan bahawa kita juga melihat kepada permasalahan yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat besar ini. Kalau tidak, selalunya kita hanya memberi pengkhususan kepada masalah yang dibuat oleh industri kecil mengenai penjualan VCD yang sama mustahak, tetapi saya juga ingin melihat kepada syarikat-syarikat besar seperti Astro, ntv7 dan sebagainya yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri yang kadang-kadang kita terlepas pandang. Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini kita menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Penapisan Filem. Mereka adalah seperti Dato' Charern Intachat, Datuk Mansor, Dato' Dayang Mahani dan akhir sekali Datuk Ghazi. Sekarang saya ingin cuba untuk menjawab dengan sedaya-upaya tentang soalan-soalan yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang semasa mengambil bahagian dalam perbahasan.

Yang pertama Dato' Charern Intachat dan juga Dato' Ghazi menyentuh tentang kawalan filem di pintu-pintu masuk dengan soal-soal penguatkuasaan, kuasa kastam, sebab apa kuasa kastam tidak disebut dalam rang undang-undang ini kecuali satu dua tempat sahaja dan sebab apa semua tumpuannya diberikan kepada pihak polis dan juga pihak penguasa dari KDN.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan setiap filem yang diimport daripada luar negara, mestilah mendapat permit filem daripada Lembaga Penapisan Filem sebelum ianya boleh dilepaskan oleh kastam. Ini bermaksud tempat pertama di mana penguatkuasaan dijalankan adalah di peringkat kastam. Di semua pintu-pintu masuk ke negara kita memang barisan pertama adalah anggota kastam dan selepas itu memang tidaklah kastam akan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan selepas barisan pertama maka segala penguatkuasaan akan dijalankan oleh pihak polis ataupun penguat kuasa dari KDN. Manakala pemeriksaan bagi filem-filem yang berada di pasaran akan dikuat kuasa oleh pegawai KDN, seperti penjual-penjual VCD ataupun filem-filem terdapat di pasaran ataupun pasar-pasar malam tempat seumpama ini. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini juga saya juga diberitahu oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi bahawa kerajaan barulah meluluskan peruntukan untuk membeli 4 buah lagi *x-ray screening machine* yang akan ditempatkan di pintu-pintu masuk utama ke negara kita. Walaupun kita tahu pada lazimnya kalau kita berjalan melalui *green line* dengan izin, tidak ada pemeriksaan kecuali secara terkecuali diberi *tick off*, ataupun kadang-kadang secara ...apa perkataan itu....secara

Datuk Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:rambang.

Dato' Chor Chee Heung: Ha....Ya, secara rambang tetapi oleh kerana kita dapat membeli 4 buah mesin ini mungkin masa sudah tiba di mana empat-empat

mesin ini akan digunakan sebagai *test case* tidak kira sama ada *green line* ke *red line* ke, semua harus memasuki *screening machine* ini. Dan kita percayalah dengan kemudahan macam ini di pintu-pintu masuk maka filem-filem lucah dan bahan-bahan lucah dan tidak sihat akan disekat di tempat itu.

Dato' Charern juga mencadangkan penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh di kawalan pintu masuk. Memang kita jalankan. Sepanjang tahun 2000 sebanyak 640 premis di periksa pada masa yang sama juga di tempat-tempat pintu masuk ke negara, kita juga kita mempunyai anggota-anggota kastam, pegawai-pegawai penguat kuasa KDN juga berada di situ dan ini adalah menjadikan satu amalan berterusan.

Dato' Yang di-Pertua, mengenai soalan oleh Dato' Mansor di mana beliau mencadangkan supaya hukum penjara mandatori dikenakan ke atas pesalah-pesalah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan ini memberi pilihan oleh pihak mahkamah untuk membuat penghakiman yang adil berdasarkan merit sesuatu kes. Hukuman bagi filem lucah di fasal 5(2) telah pun memperuntukkan bagi mengenakan denda penjara atau kedua-duanya sekali, maksudnya mahkamah diberikan pilihan ataupun kebijaksanaan sama ada kes-kes berkenaan, ataupun kes-kes tertentu agak serius atau tidak, kalau agak serius maka selain daripada denda penjara juga akan dikenakan ke atas pesalah berkenaan.

Mengenai soalan Datuk Mansor menambah keahlian LPF, memberikan perkhidmatan tempat kerja yang lebih selesa ini telah pun dibuat oleh kerajaan. Kerajaan memang hendak memastikan supaya kita mempunyai satu tempat di mana ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem, betul-betul dapat menjalankan tugas dalam suatu suasana yang baik sempurna. Kalau Dato' Mansor berpeluang sila ke Kementerian Dalam Negeri, dalam satu bangunan besar kita mempunyai macam satu kemudahan pawagam, pawagam kecil dalam selesa, *air-cond* semua dan tiap-tiap hari semua ahli-ahli jawatankuasa Lembaga Penapisan Filem menjalankan tugas.

Untuk makluman Dato' Mansor dan juga Datuk Dayang Mahani buat masa ini kita mempunyai 62 orang ahli Lembaga Penapisan Filem dan kita tidak mempunyai had angkanya, menteri dari masa ke semasa berhak untuk membuat pelantikan lagi dan 62 orang buat masa ini munasabah. Walaupun begitu banyak sekali filem-filem yang masuk yang dibuat dalam negeri, yang diimport dari luar negeri sentiasa

berada untuk ditapis maka kita menjalankan tugas dengan 62 orang dan jika perlu kita akan tambah lagi.

Mengenai imbuhan setiap ahli Lembaga Penapisan Filem akan diberikan elaun RM3,600 sebulan dan mereka akan juga diberikan dengan lain-lain kemudahan yang diperuntukkan kepada seseorang pegawai kerajaan. Dato' Mansor juga bertanya mengenai jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompakan berpandu kepada rang undang-undang Seksyen 46(5) di mana ianya berbunyi, kesalahan-kesalahan yang boleh kompaun ertinya suatu kesalahan yang akan ditetapkan oleh peraturan dan peraturan akan dibuat dalam bukan sahaja akta ini kita mempunyai peraturan-peraturan dan peraturan akan dibuat mengenai kesalahan-kesalahan yang agak remeh bolehlah diberikan kompaun seperti yang dikatakan oleh Dato' Mansor kalau mungkin kita beli satu kalendar di luar negara mempunyai wanita yang pakai seluar yang tidak begitu pendek maka kita kompaun sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang tidak begitu pendekkah atau yang tidak begitu panjang Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Tidak begitu panjang, maaf, maaf. Terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, mengenai soalan Dato' Mansor minta supaya definisi orang-orang yang dianggap salah diperluaskan kepada perbiaya-pembiaya termasuk juga dengan pelakon. Kalau kita betul-betul membaca seksyen yang berkenaan sebenarnya ianya agak telah diperluaskan maksudnya siapa-siapa yang terlibat dengan tayangan dan membuatkan filem-filem lucah dan haram itu akan juga dikenakan diperangkap dalam seksyen itu, maksudnya kita tidak payah tambah lagi pesalah-pesalah pun sudah mencukupi buat masa ini sebab kita tahu dengan pengalaman yang kita ada semua yang agak terlibat dengan filem-filem lucah, pembuatan filem-filem lucah, pelakon ke siapa-siapa ke akan juga sekali gus dikenakan di bawah akta ini .

Mengenai isu filem dokumentari yang ditaja oleh kerajaan yang boleh juga membahayakan dan filem-filem kepunyaan peribadi yang tidak ditapis, sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini khususnya Datuk Mansor, kalau seseorang mempunyai sesebuah filem, walaupun akan disimpan sendiri dan kalau hendak tengok pun, dia tengok sendiri kira-kiranya ini filem peribadilah. Tetapi ini tidak bermaksud bahawa filem-filem yang disimpan oleh seseorang untuk kegunaan peribadi boleh mengandungi kandungan lucah dan haram tidak boleh, jika kita membeli sesebuah filem dari sesebuah negara, bawa masuk ke negara ini, kalau

ianya haram atau tidak ditapis, tidak boleh juga. Ini memang di sisi undang-undang tidak boleh juga, salah juga kecuali kita bawa keluarga katakanlah melancong ke negara Jepun, lepas itu dalam perjalanan melancong kita ambil video cam, itu pun membuat filem juga tetapi bahan-bahan seumpama ini dibenarkan untuk kegunaan sendiri tanpa tapisan sebab ini tidak menyalahi apa jua undang-undang yang sedia ada ataupun mana-mana seksyen yang terkandung dalam Rang Undang-undang Penapisan Filem ini.

Datuk Mansor juga menyebut tentang kekebalan sama ada keistimewaan ini akan disalah guna. Untuk makluman Datuk Mansor, tidak ada sebab supaya keistimewaan ini boleh disalahgunakan kerana semua Ahli Lembaga Penapisan Filem akan menjalankan tugas berlandaskan kepada garis panduan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Maksudnya, mereka ini harus menjalankan tugas mengikut setiap peruntukan yang terkandung dalam garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak kerajaan sejak 1963. Bagi filem yang diimport dari luar negara, untuk kegunaan peribadi pun jika kita tidak *sure*, tidak pasti, lebih baik kita hantar kepada Lembaga Penapisan Filem untuk buat penapisan dahulu ataupun mendapat kelulusan.

Mengenai denda maksimum RM50 ribu, minimum RM10 ribu, kita dengan sengajanya tidak menetapkan denda ataupun mempertingkatkan lagi jumlah angka ini sebab dalam pengalaman kita dari segi kajian-kajian yang dibuat, buat masa ini RM50 ribu maksimum denda itu adalah munasabah dan kita tidak sengajanya tidak akan bagi sekian kesalahan berapa jumlahnya, ini kita serah kepada kebijaksanaan mahkamah.

Datuk Dayang Mahani dalam ucapannya telah pun membangkitkan tentang garis panduan penapisan filem kepada penerbit filem. Memang ada, Untuk makluman Datuk

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, Datuk Mansor cuba hendak menyoal.

Datuk Mansor Haji Md. Jaafar: Sedikit sahaja Dato', tertinggal barangkali ya. Saya ada perkara yang rasa saya penting iaitu berkenaan bab tak keterpakaian tadi. Sebab di dalam rang undang-undang ini mengatakan mana-mana filem yang diterbitkan oleh kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat, undang-undang ini tak keterpakaian. Maknanya saya membangkitkan tadi kalaulah sebuah filem itu diterbitkan oleh sebuah kerajaan negeri, filem itu mengandungi perkara-perkara yang

boleh mempengaruhi sebahagian rakyat yang boleh mengancam negara tetapi oleh kerana kekebalan sudah ada daripada undang-undang asli, tidak payah ditapis. Maka filem itu barangkali berkeliaran dekat rumah Yang Berhormat Haji Rosli dan orang terpengaruh dengan filem itu. Itu yang saya maksudkan lebih baik dari kesan jangka panjangnya perkara itu barangkali kita kena tarik balik. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Saya faham, saya faham Datuk, saya faham apakah maksud Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', ada yang lagi soalan tambahan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan menyambung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor. Saya lihat dalam akta baru ini tidak ada sebarang tafsiran mengenai lucah dan ganas, tidak ada. Jadi mungkin agak sukar kita hendak memahami mana filem yang lucah, mana filem yang ganas, perkataan ganas itu langsung tidak ada. Jadi kalau katakan kerajaan negeri, saya tidak apa tidak kira kerajaan negeri mana pun, kerajaan negeri Selangor barangkali, boleh jadi, dia keluarkan filem, filem itu boleh jadi tidak lucah tetapi ganas. Tetapi oleh kerana tafsiran mengenai ganas ini tidak ada dalam akta ini dan saya kalau boleh kalau ada pindaan yang akan datang, mereka kena buat apa dia ganas dan apa dia keganasan dan siapa dia orang-orang yang boleh dianggap sebagai pegganas, manalah tahu pegganas ini menjadi penerbit filem atau dia membiayai filem-filem yang akan diterbitkan oleh mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan boleh jadi juga. Hendak dapat duit banyak dia salurkan melalui Kerajaan Persekutuan, boleh jadi juga. Itu boleh jadi juga. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Datuk Mansor dan Yang Berhormat Hassan Shukri. Mengenai soalan oleh Datuk Mansor, pada lazimnya segala filem-filem dan bahan filem yang dikeluarkan oleh kerajaan-kerajaan negeri, tidak payah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem sebab kita berpegang teguh kepada prinsip iaitu semua kerajaan negeri yang dapat membentuk kerajaan di sesebuah negeri itu memang sebuah kerajaan yang diiktiraf dan tidak akan melakukan apa juga kesalahan. Tetapi ini tidak bermaksud bahawa ada setengah kerajaan negeri yang agak tidak bertanggungjawab dan mungkin hendak mencapai matlamat politik mereka, mereka ini dengan sengajanya mengeluarkan filem-filem

yang agak boleh mempengaruhi rakyat mereka atau memesongkan rakyat kita. Ini saya setuju kemungkinan akan berlaku tetapi buat masa ini saya tidak mempunyai jawapan bagi Yang Berhormat tetapi saya akan bawa balik soal ini untuk dibincang dengan lebih teliti dengan pegawai-pegawai sebab mereka ini mempunyai pengalaman bagaimana kita akan dapat elakkan situasi ini berlaku ataupun perlu atau tidak kita mengambil tindakan dalam cara yang lain.

Yang Berhormat Hassan Shukri saya akan jawab sebab ada lagi, saya tidak sampai, tidak habis lagi. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani membangkitkan bagaimana filem melalui Internet dan secara *online*. Ini telah pun dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Mereka ini juga susah hati sebab mereka ini apabila buka ASTRO boleh lihat macam-macam yang tidak senonoh dan tidak sihat mengikut pendapat mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Penapisan Filem tidak menapis filem-filem Internet atau *online* seperti stesen ASTRO. Perkara ini di luar bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem sebab seperti kita semua sedia maklum stesen ASTRO dan Internet ini adalah di bawah kawalan Kementerian Multimedia dan Telekom ya.

Datuk Dayang Mahani juga bertanya mengenai filem-filem yang boleh membawa kesan psikologi terutama filem-filem kartun...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', ada yang minta laluan. Dijemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya hendak minta penjelasan sedikit, yang ASTRO dan sebagainya seperti di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, itu tidak apalah dari segi pentadbiran tetapi apakah akta ini tidak merangkumi kesemuanya sebab akta yang kita buat adalah untuk negara, untuk kepentingan nasional? Jadi saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Datuk Ghazi. Akta ini adalah untuk filem-filem yang terdapat di mana-mana sahaja di Malaysia sama ada diimport, diterbitkan dalam negara, dibeli dan diimport dari luar negara tetapi kerajaan kita memberikan keistimewaan kepada stesen ASTRO dan juga Internet semasa kita membangunkan Multimedia Super Corridor dan semua perkara termasuk dengan telekomunikasi tidak kira apa jenis, ianya akan dibawa dalam bidang 'Kementerian Multimedia dan Telekomunikasi'.

Kerajaan juga berpendapat jika kita betul-betul hendak mengadakan satu super-corridor yang agak canggih, yang akan mendapat layanan yang baik di

antarabangsa, maka kita harus memberikan keistimewaan kepada kedua-dua bidang ini.

So, Yang Berhormat boleh juga bangkitkan ini dalam sesi yang lain sebab pada pendapat saya mungkin sudah tiba masanya kita mengadakan undang-undang untuk menyekat apa sahaja yang tidak sihat yang tidak sesuai bagi masyarakat kita dan yang tidak sesuai ditonton oleh anak-anak kita ini. Kita perlu mengadakan undang-undang seperti negara lain, seperti negara Barat, seperti Itali dan UK. Saya difahamkan mereka telah pun mengadakan undang-undang, seperti sesiapa atau pihak-pihak yang load masuk Internet dengan bahan-bahan lucu akan didakwa di mahkamah. Ini ada dan mungkin kita bolehlah bincang, ya.

Mengenai filem-filem yang boleh membawa kepada kesan-kesan psikologi terutama filem-filem kartun dengan *flashing images* yang disebutkan oleh Datuk Dayang Mahani, saya ingin memberitahu bahawa adegan-adegan biasanya dipotong. Setakat ini, filem-filem kartun yang ditayangkan di negara kita tidak mempunyai unsur-unsur seumpama ini, tetapi, oleh kerana peringatan yang diberikan oleh Yang Berhormat, saya dan pegawai-pegawai saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini sebab memang saya akui bahawa kadang-kadang dia boleh buat dengan cara-cara lebih subtle yang tanpa kesedaran kita, tetapi anak kita dapat *pick up*. Itu saya setuju.

Sekarang, berbalik kepada takrif filem lucu yang disoal oleh Datuk Ghazi, Datuk Mansor dan juga Yang Berhormat Tuan Hassan tadi. Adalah sangat sukar hendak menentukan apakah seks di dalam konteks perfileman. Apakah lucu? Apakah ganas? Ianya boleh digambarkan dalam pelbagai cara daripada cumbu-cumbuan hingga kepada perlakuan seks sebenarnya.

Di dalam memeriksa sesuatu filem yang beradegankan seks, yang sudah pasti melibatkan perkara-perkara moral dan akhlak serta sopan santun dan penapis akan mengkaji tema dan kandungan filem itu dengan menggunakan ukuran-ukuran dari segi darjah moral, kebudayaan sesuatu bangsa, akhlak dan kesopanan yang diterima oleh masyarakat keseluruhannya di waktu itu. Tafsiran lucu tidak dimasukkan, dan keganasan tidak dimasukkan dalam akta bagi mengelakkan tafsiran yang rigid. Kita tidak hendak tafsiran ini begitu rigid sekali sebab kita tidak boleh mempunyai suatu definisi yang tetap untuk keganasan dan untuk kelucuan. Tidak mungkin. *This is very subjective*. Mungkin seorang balik dari negara barat, sudah tinggal di negara barat 20 tahun, dia lihat seorang wanita pakai seluar yang

agak pendek, dia kata: "Okay, no problem". Kita tidak boleh. Betulkah tidak? So, agak susah.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai garis panduan. Garis panduan ini begitu tebal. Tengok [*Menunjukkan buku Manual Lembaga Penapisan Filem*] , dalam ini. Semua ahli Lembaga Penapisan Filem akan sentiasa merujuk kepada Manual Lembaga Penapisan Filem ini yang mengandungi apakah unsur-unsur kelucuhan, apakah unsur-unsur keganasan dan semua penerbit-penerbit filem ataupun producers di negara kita, mereka ini juga kena tahu sebab kalau mereka membuat filem, nanti ditapis, potong kiri, kanan, tidak dapat jual, mereka rugi. Ini bermaksud mereka ini harus bersiap sedia dengan pengetahuan-pengetahuan yang terkandung dalam buku ini.

Saya ingin bagi satu, dua contoh mengenai apakah misalan-misalan adegan seks ataupun babak seks. Okay, ada banyak, 22 ini. Yang 22 ini, wanita membuka zip seluar lelaki. Ini pun sudah tidak boleh. Yang Berhormat Tuan Hassan tidak tahu kata boleh atau tidak? Jadi, memang tidak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bulan puasa tidak payahlah macam itu. [*Ketawa*].

Dato' Chor Chee Heung: Oh!! Begitu? Okay, baik. [*Ketawa*].

Datuk Dayang Mahani juga, berhubung dengan pengusaha-pengusaha filem negara membuat penggambaran di Malaysia. Semua pihak asing yang ingin membuat filem di negara kita harus mendapat kebenaran dahulu. Kita hendak lihatlah dia punya skrip apa dia, boleh atau tidak boleh. Dan Yang Berhormat Datuk Ghazi juga membangkitkan supaya Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem selain daripada menapis filem juga supaya memilih *content* filem, maksudnya dari segi kreativiti dan dari segi karyawan. Kementerian merakamkan sebanyak terima kasih atas pandangan yang baik dan kementerian akan mengambil perhatian dan kita akan mengkaji secara teliti macam mana kita dapat mewujudkan satu suasana di mana karyawan dan *creativity* - dengan izin - dapat diwujudkan dalam industri perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah jawapan yang saya telah berikan kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk meminda Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 1998 bagi melicinkan operasi Bank Negara Malaysia dalam mengendalikan biro kredit. Pindaan ke atas rang undang-undang ini pada amnya bertujuan untuk:

- (i) mempertingkatkan pengumpulan dan penyediaan maklumat kredit pelanggan institusi kewangan;
- (ii) mempertingkatkan perlindungan bagi kepentingan pelanggan;
- (iii) memperkukuh kehematan kredit sistem kewangan negara;
- (iv) membolehkan institusi kewangan dan biro kredit untuk memberikan maklumat kredit pinjaman kepada peminjam sendiri untuk membolehkan peminjam tersebut menyemak ketetapan maklumat tersebut;
- (v) menggabungkan biro maklumat cek dengan biro kredit untuk membenarkan perkongsian maklumat pengeluaran cek

lambung kepada institusi kewangan bagi tujuan penilaian kredit; dan

- (vi) memasukkan pendedahan maklumat kredit yang menyalahi undang-undang sebagai kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 51(5), Akta Bank Negara Malaysia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Biro Kredit telah ditubuhkan di bawah Seksyen 30(1)(*mmm*) Akta Bank Negara Malaysia 1998 untuk mengumpukan maklumat kredit pelanggan institusi kewangan dan menyediakan maklumat yang dikumpulkan kepada institusi berkenaan. Mengikut undang-undang semasa, Bank Negara Malaysia sebenarnya boleh mengendalikan sistem maklumat kredit pelanggan melalui Biro Kredit. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan seksyen yang sedia ada, skop penggunaan maklumat adalah terhad dalam beberapa ciri iaitu:

- (i) penggunaan maklumat kredit pinjaman tidak dinyatakan dalam seksyen tersebut;
- (ii) maklumat cek lambung hanya boleh diberi kepada bank; dan
- (iii) maklumat kredit peminjam tidak boleh ditunjukkan kepada peminjam sendiri.

Fasal 2 – salah satu daripada tujuan pindaan Seksyen 30(1)(*mmm*) adalah bagi menggabungkan operasi Biro Kredit dan Biro Maklumat Cek. Di bawah undang-undang kini Biro Maklumat Cek telah ditubuhkan di bawah Seksyen 30(1)(*mmmm*) untuk mengumpukan maklumat mengenai pengeluaran cek lambung.

Pemberitahuan maklumat tersebut kepada bank hanyalah bertujuan untuk menolong pihak bank menilai kelayakan pengeluar cek untuk mengendalikan atau membuka mana-mana akaun semasa dengan bank. Oleh kerana maklumat tersebut boleh juga digunakan untuk membantu institusi kewangan dalam menilai kedudukan kredit pelanggan mereka, institusi kewangan telah memohon Bank Negara Malaysia untuk memasukkan maklumat mengenai pengeluaran cek lambung ke dalam laporan kredit pelanggan. Dengan ini maklumat kredit itu boleh diperolehi oleh institusi perbankan dan institusi kewangan lain untuk membantu institusi perbankan dan institusi kewangan lain untuk membuat penilaian kebolehpercayaan kredit bagi pelanggan yang sedia ada atau bakal pelanggan.

Pemberitahuan maklumat mengenai pengeluaran cek lambung boleh juga digabung memandangkan pengeluaran cek lambung adalah petunjuk yang berguna mengenai sifat pengendalian kewangan yang tidak berdisiplin dan seterusnya

memberi panduan petunjuk bakal masalah aliran tunai pelanggan. Tambahan lagi, pemberitahuan ini akan menggalakkan disiplin yang baik di kalangan pelanggan bank dalam pengeluaran cek. Untuk memudahkan penggunaan maklumat, adalah wajar Biro Kredit dan Biro Maklumat Cek digabung menjadi satu biro dan bukan sebagai dua biro yang berlainan.

Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan bahawa Seksyen 30(1)(*mmm*) dipinda untuk menyatukan fungsi Biro Maklumat Cek ke dalam Biro Kredit dan Seksyen 31(*m m m m*) dihapuskan.

Pindaan yang dicadangkan juga akan membolehkan maklumat kredit itu diberikan kepada pelanggan institusi perbankan dan institusi kewangan lain. Pelanggan dibenarkan mendapatkan satu salinan laporan kredit untuk tujuan memeriksa ketetapan maklumat kredit yang diberikan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan lain untuk menentukannya sendiri.

Selain daripada itu seksyen ini masih mengekalkan kedudukan bahawa maklumat yang diberi kepada institusi perbankan dan institusi kewangan lain adalah rahsia melainkan sekiranya maklumat itu diberitahu atas permintaan pelanggan tersebut.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 51, Akta 519 dengan memasukkan subseksyen baru, iaitu subseksyen 5)a) ke dalam Akta 519. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan pelanggaran seksyen 30(1)(*mmm*) yang baru sebagai kesalahan yang boleh dihukum supaya ianya boleh mencegah seseorang yang mana mempunyai access maklumat kredit daripada membuat pendedahan yang menyalahi undang-undang kepada orang yang ketiga.

Kesimpulannya pindaan undang-undang yang saya syorkan ini akan melicinkan operasi Bank Negara Malaysia dalam mengendalikan Biro Kredit untuk tujuan memperkukuh kestabilan sistem kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum saya menjemput perbahasan saya hendak memaklumkan bahawa kita masih ada lima lagi rang undang-undang. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

4.37 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan atas pembentangan satu pindaan Akta Bank Negara dan saya harap pindaan ini akan mengukuhkan sistem perbankan di negara kita.

Seperti kita sedia maklum, apabila kita mengalami kegawatan ekonomi, kekuatan perbankan adalah suatu faktor di mana pelabur-pelabur daripada luar negara tidak begitu mengadakan kepercayaan kepada perbankan kita oleh kerana NPL atau *non performing loans* adalah 15%. Ini adalah satu kelemahan perbankan kita dan keadaan ini berlaku oleh kerana pinjaman kepada institusi-institusi atau individu-individu diberi tanpa *collateral* yang secukupnya dan keadaan ini telah memberi kepada satu situasi di mana kepercayaan kepada sistem perbankan kita telah merosot, dan juga FDI - *foreign direct investment* telah merosot. So, berdasarkan sebab-sebab itu saya harap bahawa pindaan ini akan memperkukuh sistem perbankan kita dan saya tidak ingin berucap dengan panjang lebar tetapi cuma menyentuh atas satu, dua perkara sahaja.

Apabila saya meneliti huraian ini, Fasal 2 adalah baik iaitu kita mengumpulkan data-data mengenai pelanggan ataupun pinjaman-pinjaman yang diberi kepada pelanggan-pelanggan itu. Ini adalah satu usaha yang baik dan seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini boleh meningkatkan kebolehpercayaan (*credibility*) dalam perbankan atau sistem perbankan negara kita.

Saya setuju juga dengan fasal-fasal yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. Saya ada beberapa masalah ataupun apa yang saya kawatiri ialah bolehkah maklumat ini disalahgunakan oleh orang-orang yang di dalam perbankan kita. Di Fasal 1 ada disebut bahawa "Pengumpulan maklumat kredit ini hendaklah dijalankan mengikut cara pada setakat yang difikirkan patut oleh bank." Saya berpendapat bahawa maklumat-maklumat ini adalah sulit dan rahsia dan saya

berharap perkumpulan data-data ini adalah secara sulit dan penggunaan maklumat ini juga adalah sulit dan rahsia.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh sistem perbankan kita adalah saya selalu terbaca di dalam surat khabar bahawa kakitangan-kakitangan di dalam bank itu telah membuat beberapa kesalahan ataupun penipuan akaun-akaun pelanggan di bank itu. Saya difahamkan ada satu kes di mana seorang kakitangan di dalam bank tidak tahu apakah bank itu, telah meminda satu sen tiap-tiap hari daripada pelanggan-pelanggan di bank itu dan fikirlah berapakah jumlah itu daripada akaun-akaun pelanggan. Inilah kes-kes seperti ini tidak akan meningkatkan kredibiliti di dalam perbankan kita di negara ini.

Saya berharap fasal-fasal yang terkandung di dalam rang undang-undang ini akan mempertingkatkan kepercayaan bukan sahaja di dalam negara kita tetapi juga di luar negara. Oleh kerana pelaburan daripada luar negara akan meningkat dan saya berpuas hati bahawa rizab luar negara telah bertambah daripada RM29.9 bilion kepada RM30.2 bilion. Ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur daripada luar negara adalah kepercayaan kepada negara kita, bukan sahaja kepada negara kita tetapi perbankan di negara kita. Beberapa ahli ekonomi menyatakan bahawa kekuatan ataupun kekuatan perbankan adalah satu faktor yang penting untuk pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan itu usaha-usaha oleh Kementerian Kewangan adalah satu usaha yang baik dan saya ingin menyokong dengan sepenuhnya apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi dan juga fasal-fasal yang terkandung di dalam rang undang-undang ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa info ataupun data-data persendirian kita tidak didedahkan kepada individu. Saya khawatir sedikit mengenai apa yang ada di dalam Fasal 2 di mana dikatakan "maklumat kredit oleh itu juga boleh didedahkan pelanggan institusi ataupun individu" dalam bahasa Inggeris ada dikatakan bahawa *"Provided that the information disclosed by the Bank to the banking institutions and other financial institutions shall be secret between the Bank and the institutions unless the banking institutions and other financial institutions were requested by a customer."* Ini saya ingin mendapatkan se dikit penjelasan mengenai ini. Ini adalah seorang individu *by a customer to disclose the information in respect of his account.* So inilah kekeliruan sedikit, saya ingat saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkataan itu.

Saya ingat itulah sahaja seperti yang saya telah janji saya tidak akan mengambil masa yang panjang dan dengan itu saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya. Oleh kerana ini adalah sesi yang terakhir, walau pun tempoh kita adalah sehingga April. So, saya ingin mengucapkan selamat tinggal dan juga mengucapkan Selamat Hari Raya, Selamat Hari Krismas dan tahun baru 2002. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

4.46 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan rakaman tahniah kepada Kementerian Kewangan khususnya kerana telah dapat menyediakan satu akta yang sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang berkaitan dengan sistem maklumat, yang berkaitan biro kredit dan juga biro maklumat cek yang akhirnya digabungkan sebagaimana dijelaskan tadi untuk menyediakan satu keadaan yang lebih tertumpu kepada keberkesanan dan keyakinan kepada Bank Negara Malaysia sebagai satu daripada institusi yang menjadi harapan dan kebanggaan kita dalam mengurus kedudukan institusi kewangan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi di negara kita ini.

Walau pun perkara-perkara seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Kewangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada juga hubung kaitnya dengan masalah pendedahan maklumat kredit daripada biro kredit. Apa yang berlaku sekarang apabila seseorang menemui permasalahan, pelanggan yang menemui permasalahan dalam biro kredit, kedudukan biro kredit tidak efisien, ada pelanggan yang mempunyai masalah dengan satu-satu bank yang akhirnya dilaporkan kepada satu bank komersial yang lain, setelah 10 tahun ataupun 7 hingga 8 tahun perkara itu masih tidak diperbaharui. *There is no updating.* Jadi, saya rasa elok dan molek sangatlah gabungan di antara biro kredit ini dan saya berkeyakinan perkara ini dapat diselaraskan di peringkat pengurusan di Bank Negara nanti.

Tuan Yang di-Pertua, institusi Bank Negara kita adalah satu institusi yang penting, ada sejarah-sejarah hitam yang dilalui oleh Bank Negara kita sehingga timbul perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan pegawai-pegawai bank yang terpaksa terkorban atas sejarah dan juga ada skandal yang dinyatakan di dalam

beberapa tahun kebelakangan ini dan juga berlaku perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah kolar putih yang sentiasa menjadi perkara yang boleh menjejaskan imej kerajaan dan juga imej negara kita. Jadi, saya yakin dan percaya perkara-perkara seperti ini dapat kita bendungkan sekurang-kurangnya melalui pindaan akta ini, melalui kelulusan akta ini dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan harian di bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Bank Negara Malaysia ini saya ingin mencadangkan juga kepada Bank Negara iaitu dahulu selepas kegawatan dan kemelesetan ekonomi ada dikatakan menubuhkan unit aduan di Bank negara.

Saya tidak berapa pasti unit aduan ini dapat berfungsi dengan baik ataupun tidak. Unit aduan ini mengikut rakan-rakan usahawan yang menemui permasalahan dengan bank-bank komersial yang lain, rasanya seperti pejabat posmen sahaja kerana tidak mempunyai kelengkapan dan authority yang diberikan kepada unit aduan ini.

Maksud saya kalau bolehlah Bank Negara Malaysia dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri supaya unit aduan ini dijadikan satu jabatan yang penting dalam Bank Negara kerana sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju, pelanggan kepada Bank Negara kita selain daripada rakyat ialah bank-bank komersial, bank-bank antarabangsa di luar Malaysia dan juga merupakan usahawan-usahawan yang menjadi satu daripada agregat di dalam struktur pembangunan ekonomi negara kita.

Jadi, unit aduan ini dahulunya sebelum diadakan di bawah Bank Negara dilakukan oleh ICU, dengan izin, di peringkat Jabatan Perdana Menteri. Jadi, semua usahawan yang bermasalah dengan bank-bank dan institusi kewangan seperti finance companies, dengan izin, dapat memaklumkan aduan-aduan mereka supaya dapat menyediakan diri mereka dengan lebih adil, dengan saksama kerana banyak di antara tragedi di dalam negara kita sudah dua kali kemelesetan ekonomi dan juga krisis ekonomi yang kedua pada tahun 1997 dan kemelesetan ekonomi pada tahun 1984.

Tetapi oleh kerana Kementerian Pembangunan Usahawan diwujudkan selepas itu, maka seluruh unit berkaitan dengan pembangunan usahawan ini, yang sepatutnya menjadi tempat rujukan dan tempat aduan usahawan-usahawan kita di Malaysia, akhirnya berpindah kepada Kementerian Kewangan yang bertukar fungsinya.

Jadi, elok sangatlah dengan kebijaksanaan yang ada oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita supaya dapat memikirkan sama ada unit aduan ini diperbesarkan untuk dijadikan sebuah jabatan penyelarasan aduan kepada semua usahawan dan pelanggan, kalau tidak ianya tidak akan dapat memberi keadilan kepada pelanggan-pelanggan kita terutama sekali kepada usahawan.

Maksud saya walaupun dalam kaedah undang-undang di negara kita akhirnya mahkamah akan menentukan sama ada bank komersial adalah di sebelah yang benar ataupun usahawan kita di sebelah yang benar tetapi kita kena ingat, kita mempunyai dasar pembangunan usahawan di negara kita.

Dasar perlindungan masih diperlukan oleh usahawan-usahawan di Malaysia kita dan bukan sahaja usahawan yang besar tetapi usahawan yang bertaraf kecil dan sederhana. Usahawan besar berkemungkinan mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan secara undang-undang kerana mereka mempunyai ilmu dan kelengkapan serta pengurusan yang teratur, tetapi usahawan kecil dan sederhana memerlukan perhatian berat kerajaan. Mekanismenya mestilah bergantung penuh kepada kedudukan dan cara kita mengurus satu daripada jabatan penyelarasan aduan ini dapat dipertingkatkan di Bank Negara.

Walaupun seorang usahawan akan menghadapi masalah dengan satu-satu bank komersial, tetapi akhirnya tindakan mahkamah akan berlarutan dan akhirnya yang menjadi mangsa ialah usahawan kerana mereka tidak mempunyai tempat untuk mengadu.

Jadi, saya beranggapan supaya Bank Negara menjadi "buffer" bank dan tempat mengadu usahawan-usahawan kecil dan sederhana kita supaya tindakan mahkamah sekurang-kurangnya boleh ditangguhkan dahulu oleh mana-mana bank komersial, kerana walaupun kita tahu bahawa setiap yang meminjam wang daripada bank komersial pasti wajib mesti membuat penjelasan, tetapi ada suasana iklim ekonomi yang tidak selesa seperti baru-baru ini. Berapa ribukah yang terlibat dengan masalah pinjaman bank dan juga dengan finance companies, dengan izin?

Apakah mereka ini akan gulung tikar kerana keadaan suasana ekonomi negara, tetapi tidak mempunyai cukup masa untuk menyelesaikan dengan bank-bank?

Saya beranggapan bank-bank komersial di negara kita juga tidak mempunyai satu sikap yang agak positif di dalam meletakkan diri mereka untuk menterjemahkan dasar ekonomi negara. Apabila usahawan-usahawan kita ditekankan oleh kerajaan

dengan menyediakan dana-dana - berpuluh-puluh dana - tetapi banyak di antara bank-bank kita tidak dapat menterjemahkan bagaimanakah hendak menyalurkan pinjaman sehingga akhir tahun lepas sahaja tidak kurang daripada RM30 bilion dana yang disediakan oleh kerajaan tidak dapat diurus dan dibelanjakan oleh bank-bank komersial kita.

Jadi, sama ada ianya menjadi satu daripada mekanisme yang kurang berkesan oleh bank-bank komersial, saya kurang pasti; tetapi yang pastinya ialah banyak di antara dana-dana ini tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh usahawan-usahawan kita terutama sekali usahawan kecil dan sederhana yang memerlukan pinjaman ini. Perkara ini tidak harus diulangi lagi oleh bank-bank komersial dan saya berharap banyak juga perkara pemilik-pemilik dan pengurusan tertinggi bank dan juga pengurus-pengurus bank tidak lambat memberi penerangan kepada perkara-perkara yang diusahakan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara.

Sebagai contohnya, seketika dahulu apabila kita menggabungkan beberapa dana daripada kerajaan yang diluluskan oleh kerajaan, bank-bank ini tidak membuat satu pemasaran yang positif supaya maklumat ini dapat disalurkan terus kepada usahawan dan pelanggan di seluruh negara kita.

Berkemungkinan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab bahawa Bank Negara sudah mempunyai mekanisme dengan menggunakan dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina, India dan lain-lain, tetapi adalah tidak mencukupi mekanisme baru tidak digunakan kerana sebagai salah seorang pemimpin kerdil daripada luar bandar memang memahami apa yang sedang berlaku di dalam negara kita ini.

Biasanya bank-bank komersial hanya dapat dipermudahkan usahawan-usahawan kecil dan sederhana di kawasan luar bandar sahaja dan ini menyekat maklumat kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana kita di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia terutama sekali Kelantan, Terengganu dan Pahang termasuk juga Sabah dan Sarawak.

Jadi, kita berharap Bank Negara Malaysia dapat memberi sedikit peruntukan khas untuk mendapat satu kedudukan pemasaran yang lebih positif supaya akar umbi usahawan kita dapat kita dedahkan maklumat-maklumat semasa. Kalau tidak akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengumumkan setiap akhir tahun sebanyak mana dana yang tidak digunakan tanpa merujuk dan memantau apakah bank-bank komersial kita dapat menterjemahkan harapan Bank Negara,

Kementerian Kewangan dan Kerajaan Malaysia yang mahu membantu rakyat dan usahawan-usahawan kita.

Saya meminta kerajaan membuat pemantauan yang rapi supaya mana-mana ada pemilik bank yang tidak dapat menterjemahkan dasar-dasar dan kehendak kerajaan ini, yang akhirnya yang menjadi mangsa ialah usahawan, yang menjadi mangsanya ialah kerajaan, maka bank-bank ini membuat kerja seperti "Melepas batuk di tangga". Saya mintalah lesen mereka dipertimbangkan untuk ditarik balik

Jadi, lesen-lesen kepada bank ini bukan satu daripada hak tetapi adalah merupakan privilege, dengan izin, oleh kerajaan kepada mereka. Sepatutnya perkara ini dapat kita sama-sama gabungkan tenaga kita dalam merangsang kedudukan ekonomi kita. Serupa juga dengan apabila RM7.3 laksa yang diluluskan oleh kerajaan, bermula Mac sehingga baru-baru ini iaitu satu usaha kerajaan, usaha Kementerian Kewangan yang amat murni untuk melihat satu pertumbuhan yang berasaskan kepada faktor domestik yang harus kita usahakan bersama. Tetapi apakah sebenarnya bank-bank komersial kita dapat menyediakan satu daripada bentuk bagaimanakah kita dapat membantu pihak swasta ataupun pihak swasta dan usahawan di luar yang tidak lagi bergantung kepada keperluan dana daripada kerajaan tetapi memerlukan dana daripada gabungan di antara bank-bank kita?

Apakah bank-bank kita hanya melihat sepi perkara ini supaya sama-sama dapat kita bergabung tenaga, sama-sama untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi negara kita, kerana kita ingin mengingatkan walaupun kerajaan sahaja akan berusaha akhirnya pihak-pihak lain seperti bank-bank komersial tidak berusaha dengan bijaksana bergabung tenaga dengan kerajaan, saya beranggapan ianya tidak akan dapat membantu memberi satu kekuatan baru untuk membawa pertumbuhan yang lebih baik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia juga harus menggunakan kebijaksanaannya supaya melalui gabungan Biro Kredit dan Biro Maklumat Cek ini, tidak akan menjejaskan peluang pembangunan usahawan kepada usahawan kita bagi kali yang kedua. Saya nampak ramai di antara usahawan-usahawan kita yang telah melalui proses jatuh bangun dalam keusahawanan ini akhirnya kerana ada masalah kecil, kerana pinjaman yang kecil dan akhirnya dia mempunyai jalan untuk membangunkan organisasi dan perniagaannya tetapi akhirnya oleh kerana kita sudah ada satu bentuk maklumat di peringkat pusat yang dapat memberi maklumat dan tidak diberi peluang kedua kepada usahawan-usahawan kita.

Jadi saya berharap, Bank Negara kita tidak lagi menjadi sebuah organisasi yang tidak melihat secara subjektif dan positif kepada usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan kita. Jadi saya berharap melalui beberapa tabung dan pendekatan-pendekatan yang senantiasa digalakkan oleh kerajaan kepada usahawan-usahawan kita, supaya menyediakan diri mereka untuk mendapat peluang kedua ini, supaya Bank Negara dapat menjalankan usaha-usaha ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi dalam pengurusan pembangunan usahawan jangka panjang di negara kita ini di buat secara *ad-hoc*, secara tidak dirancang dengan baik dan rapi. Dalam satu masa kita melihat kakitangan kerajaan diseru untuk melalui satu latihan pembangunan usahawan kerana kerajaan menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan kita yang berilmu supaya bersama-sama mendapatkan ilmu pembangunan usahawan dan akhirnya menjadi usahawan.

Jadi saya rasa, Bank Negara Malaysia harus menjadi dengan izin, *training center*— pusat latihan kepada pembangunan usahawan walaupun mungkin dengan menggunakan bank-bank komersial, dengan menggunakan institusi-institusi lain tetapi ia harus digerakkan, diusahakan melalui Bank Negara untuk melatih pegawai-pegawai kita, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berhasrat untuk menjadi usahawan. Setakat ini saya tidak berapa nampak kekuatan ini. Mungkin pandangan kerajaan satu ketika menggalakkan kakitangan kerajaan tetapi satu masa ianya tidak memberi galakan kepada kakitangan kerajaan kita untuk menyediakan diri mereka untuk menjadi seorang usahawan di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh ringkaskan sikit....

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Saya tidak ada masalah Yang Berhormat, saya rasa itulah lebih kurang, saya ini selalu patuh kepada kepimpinan, ketua. Saya rasa itulah lebih kurang pandangan saya dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Kalau boleh jawablah, kalau tak boleh pun dapat mengambil langkah-langkah tertentu supaya akhirnya, sebagai rakyat Malaysia kita harus melihat institusi Bank Negara Malaysia ini, bukan sahaja sebagai bapa kepada bank-bank yang lain tetapi menjadi tempat mengadu dan menjadi satu institusi yang dihormati di peringkat negara kita dan juga di peringkat antarabangsa.

Dengan kata-kata itu saya menyokong cadangan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan Tuan Rosli bin Mat Hassan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan akta ini.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu bahawa pertamanya, peruntukan kerahsiaan dan di sini 'SICRIS' yang saya akronimkan tidak sama sekali melanggar peruntukan kerahsiaan perbankan dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1998. 'SICRIS' beroperasi berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1998 dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1998 yang membenarkan Bank Negara untuk mengumpulkan dan memberikan maklumat kredit pelanggan kepada institusi kewangan.

Maklumat kredit pelanggan adalah rahsia antara Bank Negara dan institusi kewangan itu sendiri. 'SICRIS' telah digabung dan memberi perlindungan utama kepada kerahsiaan maklumat pelanggan dan juga untuk mempertingkatkan ketepatan maklumat kredit pelanggan. Dengan adanya maklumat kredit yang tepat dan menyeluruh, institusi kewangan boleh membuat penilaian dan pemberian kredit yang bijak dan cepat kepada pelanggan mereka.

Apa yang berlaku tatkala ini, di mana apabila seseorang hendak meminjam, dia terpaksa menunggu begitu lama kerana tidak ada penyelarasan di antara bank-bank dengan Bank Negara dan bank berkenaan terpaksa merujuk kepada bank-bank yang lain sama ada sipeminjam itu ada meminjam ataupun tidak. Tetapi dengan adanya perubahan akta ini nanti setelah diluluskan maka kita terus *on-line* kepada Bank Negara dan keselamatan dalam 'SICRIS' ini dilindungi kerana langkah-langkah yang mencukupi untuk mempertingkatkan perlindungan data dan sistem 'SICRIS' ini, access kepada pangkalan data adalah terhad dan pengguna yang dibenarkan access hanya boleh memperoleh yang terhad dan dibenarkan saja. Jadi peminjam boleh meminta data-data mengenai pinjaman dia kepada Bank Negara cuma Bank Negara tidak beritahu bank mana yang dipinjam, cuma dia boleh beritahu agregat yang telah dipinjam dan berapa yang telah dibayar. Tetapi ini pun dia mesti mempunyai ID yang sah dan lepas itu baru Bank Negara bagi maklumat.

Kalau misalnya Datuk Ghazi nak tahu kredit dia di bank, di merata-merata bank, dia cuma perlu minta pada Bank Negara dan Bank Negara dapat mengumpulkan *credit worthiness* Yang Berhormat Datuk Ghazi dan sekali terus dapat memberitahu mengenai *credit worthiness*.

Orang kedua kata Dato' Dr. T. Marimuthu tadi, isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat tidak tahu, cuma Datuk Ghazi sahaja yang tahu kerana inilah yang kita hendakkan supaya di dalam sistem ini Bank Negara juga ada sistem *firewall* dan *encryption* untuk mengawal pencerobohan sistem.

Dan kalau misalnya pelanggan yakin maklumat dalam 'SICRIS' tidak dibekalkan kepada agensi yang lain, ini perlu supaya *confidence* kita tinggi dan 'SICRIS' beroperasi berdasarkan peruntukan kerahsiaan, yang saya katakan tadi maklumat kredit hanya boleh dikongsi antara Bank Negara dan institusi kewangan sahaja dan peminjam apabila mereka meminta, dengan ID yang sah.

Sebagai satu langkah untuk memperkukuh lagi kerahsiaan maklumat kredit pelanggan, pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998 dan di bawah Seksyen 51(5a) yang baru, menjadikan maklumat kredit yang menyalahi undang-undang sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum.

Sekiranya, kalau misalnya ada orang-orang dalam bank itu sendiri yang mendapat *access* dan cuba oleh kerana sesuatu perkara *political mileage* kah, atau bertujuan hendak menjatuhkan Yang Berhormat yang berkenaan tentang *credit worthiness* nya, dia boleh dihukum di bawah perkara yang telah ditetapkan.

Jadi perkara ini dapat kita ketahui dengan lekas kerana apabila dia hendak mendapatkan *access* pada data itu dia terpaksa masukkan ID yang sah, masa direkodkan dan kita boleh dapat tahu, siapakah orang ketiga yang mendapat *access* daripada pegawai-pegawai bank untuk memberi maklumat kepada orang ketiga, orang keempat dan orang kelima yang lain.

Di sinilah kita harapkan bahawa bentuk-bentuk kesalahan pendedahan yang menyalahi undang-undang sebagaimana yang dikata oleh Dato' Dr. T. Marimuthu tadi, pendedahan kredit maklumat yang menyalahi undang-undang termasuk menunjuk, memberi maklumat kepada kredit pelanggan kepada pihak ketiga yang tidak mendapat kelulusan, mendapatkan maklumat kredit pelanggan untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang, berkongsi kad pintar, kata laluan dengan pihak ketiga yang menyebabkan pihak ketiga mendapat *access* kepada sistem 'SICRIS' dan manipulasi maklumat kredit pelanggan untuk mempengaruhi keputusan institusi kewangan ataupun untuk kepentingan pihak ketiga.

Jadi dengan cara ini saya rasakan, apa yang dikata oleh Dato' Dr. T. Marimuthu tadi bahawa NPL kita dapat kita jaga kerana orang yang meminjam itu

ada *credit worthiness*. Kalau tidak NPL kita akan naik, sekarang pun sudah 8.3, kita harapkan perkara ini dapat kita bendung.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah mengatakan mengenai cadangan supaya bank-bank negara Malaysia membukakan satu atau menubuhkan satu unit aduan sebagai jabatan penting dalam Bank Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, banyak surat-surat yang datang kepada saya mengenai pin jaman yang tidak diberi oleh Commercial Bank tanpa apa-apa alasan. Alhamdulillah, apabila saya rujukkan kepada unit ini yang telah pun kita tubuhkan di Bank Negara, mereka telah pun berikan ucapan terima kasih kerana apa yang dilakukan oleh Bank Negara akan memanggil bank yang berkenaan dan bertanya kenapa perkara-perkara ini berlaku dan sebagainya.

Jadi kita hendakkan seperti mana kata Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi, mengatakan bahawa kita berkehendakkan semuanya kemas kini supaya tidak ada inconvenience kepada pelanggan dan bank-bank bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat kredit pelanggan yang dilaporkan kepada Biro Kredit adalah tepat dan kerap serta kemas kini dan maklumat kredit ini dilaporkan kepada Biro Kredit secara on-line dan kita hendakkan bahawa ini akan mengemaskinikan maklumat yang terkini mengenai kedudukan kewangan seseorang pelanggan itu. Dan pelanggan juga boleh melaporkan kepada banknya atau kepada Bank Negara sekiranya dia mendapati bahawa data-data mengenai *credit worthinessnya* yang tidak betul. Jadi di sinilah saya rasakan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa dengan adanya on-line dengan Bank Negara kita akan dapat mengemaskinikan data-data yang telah diperkatakan tadi.

Aduan ini saya akan pantau lagi Yang Berhormat, kerana kita hendakkan bahawa Unit Aduan Pinjaman di Bank Negara ini dilengkapi dengan pegawai-pegawai yang khusus untuk menangani aduan-aduan pelanggan. Dan kita juga ada satu unit khas untuk bumiputera dan kita akan bertindak supaya aduan-aduan yang dapat disalurkan melalui unit ini dapat kita lihat tindakannya dengan segera. Di peringkat Bank Negara di Malaysia juga, saya hendak beritahu Yang Berhormat jika seorang kontraktor kecil mendapat projek daripada kerajaan dan apabila ditawarkan projek berkenaan, surat berkenaan untuk menjalankan projek itu, kontraktor yang berkenaan boleh memberitahu Bank Negara. Kita ada satu peruntukan dan satu unit khas untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil ini mendahulukan wang

pendahuluan sebagai *capital* untuk menjayakan projek-projek yang telah diberi oleh kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih kerana Bank Negara akan sentiasa mengkaji keberkesanan unit-unit ini yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Dan seterusnya bagi mengatasi masalah yang diperkatakan antaranya kempen 'Kesediaan dan Pembelajaran Pengguna' akan dipergiatkan lagi untuk memberikan maklumat yang cukup kepada pelanggan-pelanggan bahawa kita ada satu unit dan unit ini bersedia untuk memberikan perkhidmatan.

Mengenai Dasar Kelas Menengah Melayu ini, saya setuju dengan kata Yang Berhormat tadi, bahawa kita telah pun secara ringkasnya meminta pegawai-pegawai profesional daripada jabatan-jabatan profesional kerajaan sekiranya mereka hendak cenderung pergi ke satu dunia usahawan mereka boleh meminta pencen awal dan lepas itu kita akan bantu tetapi dasar ini tergendala seketika apabila kita dilanda masalah ekonomi dahulu. Dan sekarang ini kita akan mulakan balik insya -Allah, dan usahawan-usahawan ini untuk memenuhi kelas menengah Melayu ini akan juga kita bantu. Dan seterusnya seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa sekarang ini pihak kontraktor telah memberikan semua projek-projek kepada Kelas 'F' di peringkat bawahan yang banyak mengatakan bahawa mereka tidak dapat projek-projek di bawah pihak kerajaan.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk meminda Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 1989 akibat pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998 yang baru sebentar kita luluskan tadi. Akibat penghapusan perenggan 30(mmmm) dari seksyen 30(1) iaitu penghapusan perenggan berkaitan dengan Biro Maklumat Cek, seksyen 43 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 adalah dipinda dengan memotong perenggan 43(2)(b). Kesimpulannya, dengan pindaan rang undang-undang yang saya syorkan ini ianya akan menyelaraskan rang undang-undang berkenaan akibat dari pindaan pada Akta Bank Negara Malaysia 1998 yang baru sebentar kita luluskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

5.18 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya turut menyokong rang undang-undang ini tetapi saya mohon izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat dua pengumuman yang agak penting yang saya rasa penting sebelum saya membahas.

Pertama dengan penuh ikhlas saya percaya rakan-rakan lain dalam Dewan ini bersetuju untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khas, penghargaan khas kepada tiga senator kita yang jadi Timbalan Menteri yang turut bersama-sama kita dalam *lab* yang terakhir ini dan saya percaya dalam tiga rang undang-undang lagi ini, kita akan terus bersama-sama untuk meluluskannya.

Keduanya, saya juga turut mengucapkan Selamat Hari Raya, Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru, kalau-kalau saya tidak berkesempatan bercakap kemudian. Dan terus mengucapkan selamat berpisah dan selamat berjumpa lagi kepada rakan-rakan yang akan meninggalkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, penyampaian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cukup jelas dan penyampaiannya pun sebenarnya adalah merupakan pindaan yang berbangkit, dengan izin, *consequential*, oleh itu tanpa membahas saya menyokong sepenuhnya. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.21 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan untuk meminda Rang Undang-undang Bank Islam 1983, akibat pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 yang telah pun diluluskan.

Akibat penghapusan Perenggan 30(1)(*mmmm*) dari Seksyen 30(1) iaitu penghapusan perenggan berkaitan dengan Biro Maklumat Cek.

Seksyen 19 Akta Bank Islam 1983 adalah dipinda dengan memotong perenggan 19(1)(*da*) dan memotong rujukan kepada perenggan (*da*) yang terdapat dalam perenggan 19(2).

Kesimpulannya dengan pindaan rang undang-undang yang saya syorkan ini, ianya akan menyelaraskan rang undang-undang berkenaan akibat dari pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998 yang telah sama-sama kita luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Bank Islam 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa samalah dengan pindaan ataupun kelulusan Akta D.R.46/2001 tadi. Jadi kita rasakan ianya mempunyai satu hubung kait yang agak rapat dengan pindaan ini. Jadi saya mencadangkan menyokong penuh tanpa bahas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 2 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2001**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.25 ptg.**

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi memperuntukkan pengawalseliaan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) di Malaysia, langkah-langkah untuk memastikan peruntukan tersebut dipatuhi dan perkara-perkara bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Rang undang-undang ini pada amnya bertujuan:

- (i) Untuk memastikan institusi kewangan pembangunan terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan strategi-strategi pembangunan negara dengan memastikan IKP melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagaimana yang diamanahkan.
- (ii) Mengadakan satu rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang menyeluruh bagi IKP. Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan ini disusun rapi berdasarkan kepada sistem perbankan di dalam negara dan pengalaman institusi-institusi yang mempunyai fungsi yang sama di peringkat antarabangsa seperti Taiwan, Amerika Syarikat, Jepun dan juga Korea. Ianya juga dirangka dengan mengambil kira keunikan mereka dalam mencapai objektif pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang dirangka khusus untuk menghasilkan sistem pengawalseliaan yang menyeluruh dan memenuhi ciri-ciri untuk IKP. Ia akan wujud seiringan dengan akta-akta lain yang berkaitan dengan IKP. Walau bagaimanapun, sistem pengawalseliaan yang dicadangkan tidak melibatkan keperluan pelesenan.

Antara aspek-aspek penting dalam rang undang-undang ini ialah"

- (a) pengawalseliaan yang fleksibel. Memandangkan setiap IKP mempunyai peranan khusus dan beroperasi dalam struktur yang berbeza, rang undang-undang disediakan khas dengan memberikan kuasa kepada Menteri untuk menyesuaikan

struktur kawal selia bagi setiap IKP dengan ciri-ciri unik yang ada padanya. Antara lain ialah;

- (i) pengawalseliaan boleh ditumpukan kepada IKP tertentu berdasarkan keperluan yang ditentukan oleh Menteri; dan
 - (ii) rang undang-undang ini disediakan dengan mengambil kira keupayaan IKP itu untuk mematuhi keperluan kawal selia yang ditetapkan secara berperingkat-peringkat. Oleh itu rang undang-undang memberikan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menimbang sama ada sesebuah IKP perlu diberikan kelonggaran dalam mematuhi keperluan yang tertentu.
- (b) Badan Pengawalseliaan Berpusat. Kerajaan telah bersetuju untuk melantik Bank Negara Malaysia sebagai Badan Pengawalseliaan untuk semua yang IKP terpilih. Dengan pemusatan Badan Pengawalseliaan ini, semua kerja-kerja pengawalseliaan akan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan. Pengalaman Bank Negara Malaysia dalam mengawal selia institusi perbankan dan insurans akan dapat dimanfaatkan untuk mengukuhkan lagi sistem pengawalseliaan IKP.
- (c) Memantau peranan dan tanggungjawab institusi kewangan pembangunan. Menyedari betapa pentingnya peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh IKP, rang undang-undang telah diperuntukkan bahawa pelaksanaan peranan dan tanggungjawab tersebut akan dipantau untuk memastikan ianya dilaksanakan dengan sempurna mengikut dasar yang dimandatkan oleh kerajaan. Rang undang-undang juga membenarkan IKP menjalankan perniagaan di luar skop peranan yang dimandatkan kepadanya sekiranya mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia bagi tujuan:
- (i) IKP dikehendaki menyerahkan penyata keperluan korporat kepada Bank Negara Malaysia dan Bank

- Negara Malaysia akan memastikan peranan tersebut dilaksanakan;
- (ii) Bank Negara Malaysia akan menguasai perancangan dana agar ianya mencukupi bagi memenuhi peranan yang telah dimandatkan;
 - (iii) Bank Negara Malaysia akan memastikan bahawa dana yang telah diperuntukkan bagi melaksanakan dasar yang dimandatkan oleh kerajaan yang khusus hanya digunakan bagi memenuhi tujuan tersebut sahaja.
- (d) Meningkatkan kecekapan pentadbiran dan urus tadbir korporat yang berkesan. Untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan urus tadbir korporat di kalangan IKP, rang undang-undang memberi penekanan kepada beberapa perkara berikut:
- (i) Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Meningkatkan kualiti lembaga pengarah dan pihak pengurusan dengan menghendaki Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah memenuhi kriteria layak dan sesuai. Bank Negara Malaysia akan memantau kepatuhan berkenaan perkara ini, di samping itu satu garis panduan akan dikeluarkan berhubung urus tadbir korporat bagi meningkatkan amalan terbaik pengurusan;
 - (ii) mengelakkan percanggahan kepentingan dengan mengawal pemberian kemudahan kredit oleh IKP kepada Pengarah, pegawainya dan perbadanan berkaitan. Sama ada daripada dananya sendiri atau daripada mana-mana dana amanah yang diuruskan;
 - (iii) melarang seseorang pengarah atau pegawai sesuatu IKP dari memberi apa-apa kemudahan kredit yang melebihi had atau di luar bidang mana-mana terma dan syarat yang dikenakan ke atasnya.

- (iv) memperuntukkan kesalahan jenayah, pecah amanah bagi mana-mana Pengarah atau pegawai IKP yang menyalahgunakan dana amanah sama ada secara bersendirian atau bersama dengan mana-mana orang lain.
- (e) Pemeriksaan oleh Juruaudit Luar yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Setiap IKP dikehendaki melantik bagi setiap tahun kewangan, seorang Juruaudit yang perlu mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia yang akan mengaudit operasi dan kedudukan kewangan IKP. Ini ialah untuk memastikan hanya Juruaudit terpilih yang mempunyai rekod kecekapan yang baik akan menjalankan audit ke atas IKP.
- (f) Meningkatkan kebertanggungjawaban dengan ketelusan. Rang undang-undang ini juga berusaha meningkatkan kebertanggungjawaban melalui ketelusan iaitu dengan mendedahkan maklumat tertentu termasuk kedudukan kewangan kepada Bank Negara Malaysia dan orang awam. Ini dapat dilihat daripada 3 peruntukan seperti berikut:
 - (i) Fasal 73 memperuntukkan bahawa IKP perlu mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia satu salinan akaunnya yang telah dibentangkan pada mesyuarat agung tahunannya berserta minit mesyuarat masing-masing;
 - (ii) Fasal 78 menghendaki IKP untuk menyiarkan akaunnya di dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia dalam Bahasa Kebangsaan dan satu lagi dalam Bahasa Inggeris;
 - (iii) Fasal 116 menghendaki IKP menghantar maklumat dan dokumen kepada Bank Negara Malaysia dan IKP hendaklah memastikan yang maklumat tersebut adalah benar.
- (g) Mekanisme pengawalseliaan yang menyeluruh. Rang undang-undang merangka pengawalseliaan yang

menyeluruh dan membuat pengawalseliaan dari berbagai sudut seperti berikut:

- (i) Pengawalseliaan *off-side* iaitu dengan mengawasi keadaan kewangan dan operasi am IKP melalui maklumat yang perlu diberikan dan pada suku tahunan dan tahunan serta maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia pada bila-bila masa yang difikirkan perlu ;
 - (ii) Pengawalseliaan *on-side* iaitu dengan membuat pemeriksaan ke atas IKP secara langsung mengikut keperluan. Ini dapat memastikan ketetapan maklumat yang diberi semasa pengawalan *off-side* dan membuat penilaian secara langsung mengenai operasi IKP dan
 - (iii) Penyiasatan iaitu dengan memperuntukkan kuasa-kuasa penyiasatan terhadap pelanggaran rang undang-undang .
- (h) Mengukuhkan kedudukan kewangan dan meningkatkan kecekapan aset tabungan. Rang undang-undang juga mempunyai mekanisme untuk mengukuhkan kewangan IKP selaras dengan amalan terbaik yang diamalkan oleh penanggung insurans dan Institusi bank. IKP dikehendaki menyenggarakan aset cair, dana modal minimum, dana rizab minimum dan lain-lain keperluan *prudential* yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Rang undang-undang ini juga mempunyai peruntukan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aset tanggungan seperti berikut:
- (i) melarang IKP daripada memberi apa-apa kemudahan kredit melainkan bagi tujuan yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia;
 - (ii) menghadkan peredaran risiko oleh seseorang pelanggan terhadap IKP ke satu takat yang berhemah ; dan

- (iii) memastikan apa-apa pelaburan yang hendak dibuat oleh IKP adalah selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan 2001 ini adalah seperti berikut:

Bahagian I – Rang Undang-undang mengandungi peruntukan umum berhubung pemakaian akta, takrif dan pelantikan Bank Negara Malaysia sebagai badan berkuasa yang mengawal selia Institusi Kewangan Pembangunan dan kuasa-kuasa sampingannya.

Bahagian II rang undang-undang adalah berkaitan dengan pengurusan, pemilikan dan pengawalan institusi yang ditetapkan. Bahagian ini mengandungi peruntukan mengenai tanggungjawab Lembaga Pengarah institusi yang ditetapkan kriteria kelayakan dan prosedur pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah, pemantauan kawalan institusi yang ditetapkan terutamanya berhubung pemegangan kepentingan dalam *share* dan prosedur memudahkan pemindahan perniagaan institusi yang ditetapkan setelah mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia.

Bahagian III rang undang-undang ini mengandungi peruntukan berhubung kawalan tahap terhadap perniagaan institusi yang ditetapkan. Aktiviti berhubung perubahan dan pemulihan subsidiari, pemberian kemudahan kredit dan cara pelaburan aset akan dikawal selia.

Bahagian IV rang undang-undang ini bertujuan untuk mengenakan obligasi kewangan dan lain-lain obligasi ke atas institusi yang ditetapkan dan menyatakan cara institusi yang ditetapkan mendapatkan dananya. Ia mengandungi peruntukan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, aset dan tanggungan seperti yang ditetapkan keperluan untuk menyenggarakan aset cair, amaun minimum bagi dana modal, dana rizab dan lain-lain keperluan berhemah yang akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

Bahagian V rang undang-undang mengandungi peruntukan institusi yang ditetapkan berhubung urus niaga dana kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dana kerajaan oleh institusi-institusi yang ditetapkan.

Bahagian VI rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan arahan dan kawalan terhadap institusi yang ditetapkan yang bermasalah. Ia memberi kuasa

kepada Menteri dan Bank Negara Malaysia untuk mengambil langkah-langkah perlu untuk menangani masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi tersebut.

Bahagian VI rang undang-undang ini membincangkan perkara yang berkaitan dengan Juruaudit dan akaun sesebuah institusi yang ditetapkan. Standard penyenggaraan akaun yang setanding dengan institusi perbankan dan insurans diperkenalkan.

Bahagian VIII rang undang-undang bertujuan untuk membuat peruntukan yang berkaitan dengan pemeriksaan dan penyiasatan institusi yang ditetapkan. Ia juga mengandungi peruntukan yang membolehkan institusi kewangan membangun yang tidak ditetapkan di bawah Fasal 2 untuk diperiksa sekiranya perlu.

Bahagian IX rang undang-undang ini mengandungi peruntukan berhubung perkara-perkara pelbagai termasuklah peruntukan berhubung penalti am, kuasa untuk mengkompaun, kerahsiaan, peruntukan tanggung rugi bagi Menteri, Bank Negara Malaysia dan pekerjanya, kuasa untuk membuat peraturan, pengecualian, pekeliling, garis panduan, kuasa untuk meminda jadual dan prosedur yang perlu dipatuhi untuk menjalankan perniagaan perbankan dan kewangan Islam.

Jadual memperuntukkan kriteria minimum perlantikan Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan akta di atas dibuat dengan mengambil kira pentingnya Malaysia untuk melaksanakan satu undang-undang bagi memastikan institusi kewangan pembangunan terus berfungsi dengan berkesan di dalam persekitaran perbankan yang berubah-ubah.

Rang undang-undang-undang yang saya syorkan ini, saya yakin institusi kewangan pembangunan akan terus menyediakan pembiayaan untuk menggalakkan perindustrian, sektor perkhidmatan dan pemodenan sektor pertanian sekali gus menyediakan sokongan kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawasan institusi-institusi kewangan pembangunan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang

kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Jemput Yang Berhormat Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menyampaikan rang undang-undang-undang ini dengan begitu jelas, terang walaupun naskhah asalnya begitu tebal tetapi penyampaiannya begitu jelas. Kita pun tidak banyak hendak membahaskannya kerana penjelasan itu. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkit empat perkara fokus secara ringkas:

Pertamanya saya begitu yakin sekali dengan penyampaian tadi yang memberi pengkhususan kepada IKP dari segi penyeliaan dan implementasi pentadbiran urus korporat dengan baik, dari segi benda-benda lain Yang Berhormat sebut tadi. Saya hendak khusus kata, yang timbul isu sekarang ialah kewujudan Tabung Haji.

Saya hendak kaitkan di mana sebenarnya perwujudan Tabung Haji dari segi akta-akta yang dah kita ada ini, dari segi institusi kewangan kah, bank kah, IKP kah. Sebab timbul umpamanya keperluan umpamanya ia patut di bawah BAFIA, *Bank And Financial Institution Act*, dengan izin ataupun yang ini saya panggil 'DAFIA - *Development Financial Institution Act*' walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut IKP, tidak apalah. Sebab saya sudah tulis, saya baca juga.

Jadi, ini yang saya hendak tanya sebab kalau ini terkumpul semua di bawah pengurusan Bank Negara, oleh kerana kita sudah menyatupadu dan menyelaraskan segala-galanya, kenapa tidak satu institusi kewangan lain yang memang cemerlang dalam bidangnya itu juga di bawah kawalan yang sama atau serupa? Pertama.

Yang keduanya ialah Fasal 6 tentang perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah sesuatu institusi yang ditetapkan, kena maklum kepada bank. Bank ini adalah Bank Negara. Saya hendak tanya adakah central data atau maklumat pusat mengenai hal ini supaya memang dikemaskinikan? Sebab beberapa tahun dahulu saya dengar mereka boleh elak daripada kawalan ini. Entah macam mana, dia pandai main silap mata. Jadi, walaupun kawalan maklumat ketat, kadang-kadang pegawai dari satu bank tidak sepatutnya resign atau berhenti dari satu bank dan masuk ke dalam perbankan yang lain tetapi ini boleh dibuat. Jadi, saya ingin bertanya tentang bagaimana kuatnya sistem data maklumat yang berkenaan dengan hal ini.

Ketiganya, saya hendak bangkitkan bahagian III yang menyebut undang-undang ini bertujuan membuat peruntukan menyekat perniagaan institusi yang ditetapkan dan sebagainya. Itu huraiannya. Saya nampak hajatnya baik supaya kalau ada bank-bank yang hendak buat subsidiari (anak syarikat) pun terkawal. Yang saya hendak soal ialah bagaimana pula tentang tuan tubuh Bank Negara itu sendiri? Sebab Bank Negara sendiri pun ada juga anak syarikatnya. Yang saya persoalkan, apakah patut Bank Negara yang menjadi bapa dan jaguh kepada semua yang hendak control, ia juga mempunyai cawangan ataupun anak syarikat yang khusus? Umpamanya setakat yang saya tahu, syarikat mengenai perumahan PPRT. Apakah tidak kerajaan memikirkan supaya syarikat PPRT itu tujuannya baik untuk rakyat termiskin, juga dimasukkan sekali dengan Syarikat Perumahan Negara, umpamanya? Itu yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dan akhir sekali yang keempat, Fasal 30 membenarkan pemberian kemudahan kredit kepada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa kepada mana-mana Pengarah atau pegawai institusi. Ia sebut "isteri". Dalam Islam, boleh ada 4 isteri. Ada rakan-rakan kita sudah ada 2 isteri. Ada yang setengah berkeinginan untuk ada isteri, hanya setakat keinginan sahaja, tidak diimplimentasikan. Jadi, saya ingin bertanya bagaimana kita hendak mengimplimentasikan dari segi ini?

Dengan komen yang tepat bagi perkara tadi, saya ingin menutup dengan menyokong rang undang-undang ini dan mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

5.44 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh satu dua perkara sahaja kerana kesingkatan masa.

Saya pada keseluruhannya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan di atas usaha mereka untuk mengadakan satu akta yang baru, satu rang undang-undang IKP dan apabila saya membacanya, ia mengandungi begitu banyak perkara dan nampaknya semua adalah baik untuk kawalan dan untuk memastikan bahawa dalam IKP ini, maka semua pihak dapat menjalankan urusan mereka dengan baik.

Bagi saya, ada 3 cabang yang penting di sini : Satu Bank Negara, satu Lembaga Pengarah termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan satu lagi cabang ialah juru audit. Jadi, saya hanya tumpukan komen saya kepada juru audit iaitu Bahagian VII. Juru audit ini mesti diluluskan oleh Bank Negara. Saya hendak tanya, kenapa

Bank Negara itu mendapatkan cadangan-cadangan daripada IKP? Kenapa Bank Negara tidak melantik juru audit dan siapa yang dilantik itu dimestikan diterima oleh IKP? Bagi saya, itu adalah lebih baik kerana di bawah 63(3) itu, ada disebutkan bahawa kalau institusi gagal melantik juru audit sebelum tarikh yang ditetapkan, maka Bank Negara boleh melantik kalau mereka gagal berbuat demikian. Lebih baik kalau terus melantik pada awalnya supaya mereka tidak gagal melantik.

Dan juga kalau mereka tidak mematuhi 63(3) itu, kenapa ini bukan dijadikan satu kesalahan? Kenapa tidak ada denda dan sebagainya? Nampaknya itu bukan satu kesalahan. Sungguhpun mereka tidak melantik dalam masa yang ditetapkan, Bank Negara minta mereka lantik, bayar ganjaran dan sebagainya, tetapi tidak menjadikannya satu kesalahan. Bagi saya, ini adalah penting dan Bank Negara harus menjadikan ini satu kesalahan sekiranya mereka gagal berbuat demikian dalam masa yang ditetapkan.

Dan juga ada di bawah 64(3) itu, Bank Negara boleh meluluskan perantikan seorang juru audit yang hilang kelayakan seperti yang disyaratkan oleh 64(1). Saya hendak tahu kalau juru audit itu sudah hilang kelayakan, kenapa dibenarkan menjadi juru audit lagi? Lebih baik dikeluarkan daripada daftar dan sebagainya. Jangan bagi dia jadi juru audit kerana ini adalah satu cabang kawalan yang sangat penting.

Jadi, itulah sahaja komen saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan saya menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Dr. Chin. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.47 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi dan Dato' Dr. Chin.

Mengenai IKP ini, buat masa ini kita ada senarai yang telah pun dikenal pasti. Pertamanya, pembiayaan untuk sektor pertanian iaitu macam Bank Pertanian Malaysia. Ia akan diletakkan di bawah IKP. Pembiayaan sektor pembangunan infrastruktur modal insentif dan teknologi seperti Bank Industri dan Teknologi (Malaysia) Berhad, Bank Pembangunan Infrastruktur (Malaysia) Berhad. Dan satu lagi ialah pembiayaan eksport seperti Bank Eksport-Import, Malaysian Export Credit Insurance Berhad ataupun pembiayaan IKS, Industri dan Perdagangan, Malaysia Industrial Development Finance, Sabah Development Bank, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah), Borneo Development

Corporation (Sarawak), Credit Guarantee Corporation of Malaysia (CGC) dan lain-lain bank seperti Bank Simpanan Malaysia dan juga Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

Jadi, kalau kita lihat, semuanya bank. Tabung Haji, dia tabung bukan bank. Jadi, apa yang kita adakan di sini ialah kita cuma ambil 5 sahaja dahulu. Pertamanya, Bank Industri dan Teknologi (Malaysia) Berhad; kedua, Bank Pembangunan Infrastruktur (Malaysia) Berhad; ketiga, Bank Eksport-Import; keempat, Bank Export Credit Insurance Berhad; dan kelima, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

Jadi, 5 ini dahulu yang kita dahulukan, secara beransur-ansur kita akan pergi kepada bank-bank yang lain. Seperti mana yang Yang Berhormat Datuk Ghazi katakan tadi bahawa ini adalah untuk mempertingkatkan lagi kemahiran, ketelusan dan profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas.

Mengenai profil, kita lihat bahawa kalau tidak silap saya, jika salah seorang pegawai dari satu bank, Bank A pergi ke Bank B, Bank B terpaksa membayar Bank A. Sama ada Bank B membayar secara terus ataupun melalui pegawai yang berkenaan, dia bayar dan dia tidak boleh pergi begitu sahaja. Tetapi kalau di Jepun, orang seperti ini kalau dia lari dari satu bank ke satu bank, tidak akan diterima oleh bank yang berkenaan. Ini oleh kerana kita tidak mengehadkan begitu ketat, jadi kalau seseorang hendak pindah daripada satu bank ke bank yang lain, dia boleh tebus balik diri dia dan berpindah ke bank yang lain.

Mengenai dengan subsidiari yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, kita lihat bahawa IKP boleh menubuhkan anak syarikat tetapi dengan kelulusan Bank Negara Malaysia. Antara pertimbangan sama ada peranan anak syarikat itu sejajar dengan modal IKP tetapi yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, Bank Negara sendiri mempunyai subsidiari.

Mengenai dana-dana yang ditubuhkan seperti dana projek terbengkalai dan sebagainya. sekarang ini semua projek pembinaan telah pun diserahkan kepada satu unit luar daripada Bank Negara seperti mana Yang Berhormat katakan tadi. Jadi, peruntukan-peruntukan yang berkenaan telah pun dipindahkan kepada yang diketuai sekarang oleh Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Tentang pinjaman kepada Pengarah dan sebagainya, ini adalah satu standard procedure kerana kita tidak hendak ada orang mengatakan bahawa oleh

kerana mereka Pengarah dan rakan-rakan, mereka mendapat pinjaman daripada IKP yang berkenaan. Oleh kerana itu, kita kena berwaspada tentang perkara ini.

Jadi, kalau kita tengok seperti mana yang saya katakan tadi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif ini perlu mematuhi kriteria layak dan sesuai. Ini yang penting. Dan satu lagi kita ada garis panduan berhubung dengan tadbir korporat yang kita keluarkan nanti dan juga mengawal pemberian kemudahan kredit oleh IKP kepada pengarah, pegawai dan perbadanan yang berkaitan supaya tidak timbul banyak fitnah dan buruk sangka. Pengarah-pengarah atau pegawai IKP memberi kemudahan kredit melebihi had atau luar bidang terma dan syarat-syarat ditetapkan. Jadi, ini semuanya mengenai ketelusan dan memperuntukkan kesalahan jenayah pecah amanah bagi mana-mana pengarah atau pegawai IKP yang menyalahgunakan dana dan amanah yang berkenaan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyatakan mengenai pelantikan juruaudit luar dan pelantikan juruaudit luar perlu mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia bagi memastikan hanya juruaudit yang mempunyai rekod kecekapan yang baik boleh menjalankan audit ke atas IKP yang berkenaan. Cuma yang dipertanyakan kenapa tidak dilantik terus daripada diambil nama-nama daripada IKP yang berkenaan.

Di sini kita hendak memberikan satu ruang lingkup di mana sekarang ini apabila kita meluluskan peruntukan ini, kita akan membuat cara beransur-ansur. Jadi, kita tidak begitu drastik, kita hendakkan mereka boleh memberikan nama-nama juruaudit yang berkenaan dan Bank Negara Malaysia akan melihat profil-profil itu supaya sejajar dengan apa yang dibangkitkan oleh Datuk Ghazi tadi. Kalau sendiri kita buat nanti nampak sangat kuku besinya. Jadi, kita hendak cara beransur-ansur dan cara inilah saya rasa yang paling molek, yang paling bagus untuk sama-sama IKP dapat menerima dan Bank Negara dapat membuat penyeliaan dengan lebih bagus lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Shafie.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 130 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.51 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001 dengan izin, *Malaysia Industrial Development Incorporation (Amendment) Act 2001* dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah ditubuhkan dalam tahun 1997 dan diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) 1995 dan disemak pada tahun 1989. MIDA merupakan agensi utama kerajaan dalam menggalakkan dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di Malaysia. Di antara fungsi-fungsi utama MIDA adalah untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor perindustrian, merancang pembangunan perindustrian negara, menilai permohonan bagi lesen pengilang, insentif, jawatan asing, pengecualian cukai bagi komponen dan mesin serta membantu syarikat-syarikat perkilangan dalam melaksanakan projek masing-masing.

Selaras dengan perkembangan pesat sektor perindustrian dan dalam usaha mempertingkatkan peranan MIDA sebagai sebuah agensi yang efisien dan profesional maka pindaan-pindaan yang sewajarnya perlu dibuat ke atas akta yang sedia ada. Pindaan-pindaan dibuat bagi merangkumi fungsi-fungsi tambahan MIDA yang tidak diliputi dalam akta sedia ada. Antara pindaan-pindaan utama adalah;

- (a) peruntukan mengenai penubuhan lembaga, menjelaskan tanggungjawab lembaga termasuk pelantikan anggota lembaga oleh Menteri dan tanggungjawab lembaga dalam memberi pandangan terhadap polisi yang berkaitan dengan fungsi dan tugas MIDA;
- (b) peruntukan mengenai pelantikan Ketua Pengarah serta menggariskan tanggungjawab Ketua Pengarah;
- (c) memperluas fungsi lembaga yang juga meliputi sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan perindustrian termasuk memberi perkhidmatan perundingan bagi tujuan latihan dan bantuan teknikal selaras dengan Program Kerjasama Selatan-Selatan;
- (d) peruntukan mengenai kuasa lembaga mewakilkan kuasanya kepada Pengerusi, Ketua Pengarah atau mana-mana anggota lembaga bila perlu serta melantik jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan hal-hal pentadbiran.

Pindaan-pindaan juga dibuat selaras dengan keperluan bagi badan-badan berkanun seperti peruntukan baru yang mewujudkan Kumpulan Wang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia serta kuasa untuk membelanjakan kumpulan wang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, MIDA adalah penting kepada negara kerana perlu menerajui sektor perkilangan sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor perkilangan perlu ditingkatkan lagi bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3) dan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2). Dengan adanya pindaan-pindaan ke atas Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) 1995 dijangkakan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sektor perindustrian yang akan dijalankan oleh MIDA akan lebih jelas, teratur dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga

Kemajuan Perindustrian Malaysia Perbadanan 1995, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Tuan Zainal.

6.03 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mengambil bahagian turut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mengikuti perkembangan-perkembangan dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian ini kerana ianya adalah merupakan nadi kepada kemajuan perkembangan ekonomi negara kita. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, perkembangan industri dalam negara kita tertakluk banyak kepada perkembangan-perkembangan dan tindakan-tindakan proaktif Lembaga ini untuk menarik pelabur-pelabur asing menanam modal mereka dalam negara kita.

Dengan adanya kemasukan industri-industri ke dalam negara kita, peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dan dengan ini kita akan dapat mengurangkan *unemployment*, dengan izin, mengurangkan pengangguran dalam negara kita dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kalangan anak-anak muda di kalangan pencari kerja dalam negara kita sendiri. Jadi, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Lembaga ini harus disambut dengan begitu baik dan sokongan penuh kerana ianya merupakan sebuah Lembaga yang memberangsangkan ekonomi negara kita.

Saya yakin dengan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan ini akan memantapkan lagi Lembaga ini untuk bergerak lebih cergas untuk menarik pelabur-pelabur asing dan saya mewakili pergerakan sekerja, Tuan Yang di-Pertua, kami selalu diundang untuk mengikuti rombongan ke luar negeri melalui Lembaga ini untuk memberikan penjelasan dan penerangan kepada pelabur-pelabur asing terhadap situasi keharmonian perhubungan perusahaan dalam negara ini dan kami sentiasa memberikan pandangan-pandangan yang proaktif dan perkembangan-perkembangan perburuhan negara kita dan undang-undang yang ada dalam negara kita ini selaras dengan kehendak kerajaan supaya pelabur-pelabur asing dapat menanamkan modal mereka dalam negara kita.

Satu perkara, sambil saya menyokong penuh usaha-usaha MIDA, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hendak saya bangkitkan dalam isu ini ialah soal pegawai-pegawai dagang yang diambil bekerja dalam syarikat-syarikat yang dibawa masuk. Umpamanya baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku satu perkara yang

kita sendiri tidak ingini iaitu syarikat B Brown, Pulau Pinang, di mana *sexual harassment*, dalam bahasa Malaysianya iaitu gangguan seksual di kalangan pekerja-pekerja wanita di mana seorang pegawai dagang mengganggu-gugat pegawai eksekutif dan kakitangan wanita kemudian bila perkara ini terbongkar dan aduan telah dibuat dan diadakan penyiasatan dalaman, *domestic enquiry* dan 6 orang pekerja wanita rakyat Malaysia telah dibuang bekerja.

Saya telah diberitahu bila perkara ini telah dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri dan *work permit* pegawai dagang ini telah dibatalkan oleh pihak kerajaan dan dia patut kembali ke tanah air mereka tapi malangnya saya diberitahu, has gone to, dengan izin, pergi ke luar negeri balik luar negeri *they use another passport*, dengan izin, dengan pasport lain mendapatkan permit untuk bekerja dalam negara kita. Dan saya telah menulis surat kepada Menteri Dalam Negeri bertanyakan mengapa keadaan sedemikian berlaku sedangkan perintah telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Imigresen ianya permit kerja tidak harus diperbaharui dan beliau menggunakan pasport lain setelah keluar balik kembali mendapat *work permit*.

Jadi, ini satu perkara yang saya kira sambil kita mengalu-alukan kemasukan pelabur-pelabur asing dan mereka turut serta membawa pegawai-pegawai mereka untuk bekerja dan kita harus memastikan bahawa undang-undang di negara kita ini harus dipatuhi. Kalau tidak ia akan balik ke negara *Malaysia is nothing you can do anything you like*, dengan izin, *you* kena buang balik ke negeri lain *you* balik kembali *you get another passport* dengan izin, yang boleh dapat *work permit*, dia akan memandang hina kepada negara kita.

Ini satu perkara yang harus kita pandang berat, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali para pedagang bukan sahaja dalam B-Brown, Tuan Yang di-Pertua, saya banyak menerima laporan sebuah syarikat yang besar juga beroperasi di Seremban, di Shah Alam, di Pulau Pinang juga menggunakan kekerasan terhadap pekerja-pekerja wanita, merogol dan menjadi police case dan sebagainya dan bila mana perkara yang diketahui, pegawai tersebut dihantar kembali dan tidak ada tindakan apa-apa diambil.

Jadi kita tidak mahu orang-orang luar negeri memandang jijik negara kita. Memandang negara kita ini tidak ada undang-undang, undang-undang tidak begitu ketat. Jadi sambil kita mengalu-alukan kedatangan mereka kita harus memastikan undang-undang negara kita dipatuhi oleh mereka.

Dengan kata-kata ini saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

6.08 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara iaitu tentang 3 (a) (1) iaitu penubuhan Lembaga untuk MIDA ini iaitu keahliannya tidak boleh melebihi 10 orang selain daripada pengerusi, KSU kewangan, KSU MITI dan Ketua Pengarah iaitu ahli-ahli lain tidak boleh melebihi 10 orang dan tidak boleh melebihi 7 itu mesti mewakili sektor komersial, pembuatan, kewangan, industri dan perkhidmatan, semua sudah ada lima.

Jadi, saya mahu tanya kalau kita hadkan dengan bilangan yang begitu kecil sahaja, di mana ada ruang penyertaan untuk MTUC, FMM dan juga badan-badan lain yang munasabah kerana kalau kita lihat dari segi fungsi yang disebutkan dalam seksyen 6 baru itu dari segi fungsi, saya dapati ada beberapa fungsi yang memerlukan kepakaran yang khas untuk menjalankan fungsi ini sebagai contoh 6 (c) menyatakan menasihati kerajaan di atas pengeluaran lesen pembuatan. Ini memerlukan orang dalam Lembaga yang mungkin tahu sedikit sebanyak tentang hal-hal WTO, insentif dan sebagainya yang patut diberikan, itu memerlukan kepakaran khas dan juga fungsi 6 (h) yang disebutkan itu iaitu membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam mencari teknologi serta peluang pelaburan di luar Malaysia. Ini juga memerlukan kepakaran-kepakaran khas, jadi dari segi anggota Lembaga saya dapati itu adalah sangat penting dan kalau kita mahukan MIDA ini memainkan peranan yang begitu aktif dalam perkembangan kemajuan dalam Malaysia ini maka kita kena lihatlah dari segi bilangan ahli dalam Lembaga itu.

Jadi, itu komen saya dan saya menyokonglah pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.09 ptg.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zainal Rampak dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kesatuan sekerja kebangsaan yang telah banyak kali mengambil bahagian mengikuti rombongan MIDA dalam misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri dan dalam misi perdagangan tersebut pihak wakil kesatuan sekerja Malaysia telah pun memainkan peranan yang positif dalam memberikan gambaran kepada pelabur-pelabur asing yang ingin tahu keadaan sebenar di Malaysia dan gambaran yang diberi oleh mereka telah meyakinkan pelabur-pelabur asing betapa harmoni suasana pekerjaan di Malaysia dan kestabilan politik yang terwujud di Malaysia dan peranan mereka memang amat penting dalam sama-sama meyakinkan pelabur-pelabur asing untuk memilih melabur di Malaysia.

Tentang masalah gangguan seks oleh pegawai dagang yang telah berlaku di 'B-Brown', untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin saya maklumkan bahawa pegawai-pegawai dagang biasanya dalam satu permohonan oleh syarikat-syarikat antarabangsa untuk mengadakan pegawai-pegawai dagang, MIDA akan siasat dan akan mencadangkan bilangan pegawai dagang mengikut nilai yang dilabur dan keperluannya. Biasanya jika kemahiran yang tidak didapati dalam negara kita maka kita mungkin memberi lebih ramai bilangan pegawai dagang dan jika ada kes-kes spesifik seperti B-Brown di mana didapati pegawai dagang telah terlibat dalam gangguan seks terhadap pekerja tempatan, saya minta pihak persatuan melaporkan kepada MITI supaya MITI itu boleh siasat dan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya tidak mengeluarkan permit masuk kepada mereka walaupun ini adalah pemberian permit masuk adalah tugas dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri tetapi jika MITI dapati berlaku kes gangguan seks, MITI boleh cadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya permit masuk ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin mengatakan beliau berharap bilangan anggota dalam lembaga boleh diperbanyakkan lagi, ingin saya mengatakan walaupun kita dalam peruntukan ini ada menyebutkan bahawa tujuh ahli daripada sektor komersial, pembuatan, kewangan akan ditendang untuk menganggotai lembaga ini, ini tidak bermakna lain-lain tokoh korporat dan juga wakil daripada MMN, MTUC dan persatuan-persatuan lain tidak ada peluang untuk menyumbang dalam pembangunan teknologi industri di Malaysia sebab dengan peruntukan ini MIDA masih boleh menubuhkan banyak lagi jawatankuasa-jawatankuasa dan juga kumpulan kerja seperti apa yang sedang dan telah dilakukan itu.

MIDA ada banyak lagi jawatankuasa dan working group - kumpulan kerja caster group di mana anggotanya merangkumi banyak pihak swasta, kerajaan, pihak akademi yang mahir dan ada kepakaran dalam bidang-bidang tersebut dan kita sentiasa mendapatkan pandangan mereka dan menjemput mereka memberi input dan cadangan terhadap apa yang perlu dilakukan untuk memajukan sesuatu sektor. Jadi jangan khuatir MIDA memang sentiasa mengundang pihak-pihak yang ada kepakaran sama-sama berkongsi pengalaman mereka dan sentiasa mendapatkan input dalam segala keputusan sama ada dalam merancang langkah-langkah untuk pembangunan dalam sesuatu sektor atau dalam perundingan antarabangsa dan ini memang sentiasa dijalankan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat menjawab pertanyaan-pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya mengakhiri jawapan saya, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin dan juga saya ucapkan Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui,

Rang undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, akhirnya kita telah selamat membahaskan undang-undang yang diperuntukkan kepada kita hari ini sebanyak sembilan rang undang-undang dengan tempoh masa yang telah dilanjutkan. Saya dan juga bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara mengambil kesempatan ini juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, selamat menyambut Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru dan seperti biasa tangan dihulur,

maaf dipinta agar terjalin mesra muhibah sesama kita. Kepada yang memandu, pandulah dengan cermat.

Akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini kepada satu tarikh yang akan ditetapkan. *[Tepuk]*

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.18 petang.

Lantikan Semula

Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

26 November 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan

- Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- Yang Berhormat Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)

- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- " Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- " Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- " Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KETIGA****MESYUARAT KETIGA****Jilid III****Bil. 37****Khamis****13 Disember 2001****K A N D U N G A N****USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan
(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 (Halaman	26)
Rang Undang-undang Seri Pahlawan gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2001 (Halaman	52)
Rang Undang-undang Kewangan 2001 (Halaman	56)
Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 (Halaman	68)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2001 (Halaman	94)
Rang Undang-undang Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 2001 (Halaman	109)
Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2001 (Halaman	110)
Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan 2001 (Halaman	112)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001 124)	(Halaman

DN.13.12.2001

137